# BAB PENDAHULUAN

## PENDAHULUAN

Kajian "*Prinsip Al-Wakālah Dalam Al-Kutub al-Sittah Dan Aplikasinya Dalam Industri Takaful Di Malaysia*" merupakan kesinambungan daripada kajian-kajian Hadith muamalah yang telah dilakukan oleh para pengkaji sebelum ini. Sekiranya dilihat dari aspek muamalah semasa, *al-Wakālah* merupakan antara aspek penting yang diaplikasikan dalam kehidupan manusia dan juga dalam muamalah semasa seperti institusi kewangan, takaful dan dalam kehidupan seharian seperti dalam munakahat, zakat, korban, haji dan sebagainya. Oleh kerana itu, adalah perlu untuk pengkaji-pengkaji kini mengupas kembali perbahasan *al-Wakālah* ini kepada aspek yang lebih semasa berdasarkan kepada perspektif Hadith-hadith nabawi sepertimana yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah*.

Sekiranya diteliti dalam kitab-kitab Hadith, terdapat pengarang kitab Hadith yang telah membincangkan topik *al-Wakālah* dalam karya mereka dengan menempatkannya di dalam topik yang khusus kepada perbincangan berkaitan *al-Wakālah*. Justeru itu, kajian ini akan menilai semula Hadith-hadith tersebut dan menyusunnya kepada tema-tema yang berkaitan dengan urusan *al-Wakālah*. Seterusnya kajian ini akan menganalisis Hadith-hadith *al-Wakālah* dengan melihat kepada perbincangan *fiqh al-Ḥadīth* yang sesuai dengan muamalah semasa dan dibincangkan secara khusus mengikut topik-topik yang melibatkan aspek *al-Wakālah* didalamnya.

## LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Berdasarkan Hadith Nabawi, terdapat beberapa prinsip mengenai *al-Wakālah* menerusi perbincangan *fiqh al-Ḥadīth* sepertimana yang dikemukakan oleh *muḥaddithīn* kerana Hadith merupakan sumber hukum di dalam Islam selepas al-Quran. Sekiranya diteliti perbincangan *al-Wakālah* di dalam kitab-kitab fiqh, ianya dibahaskan oleh para fuqaha' dengan dimulakan dengan perbahasan dari sudut pensyariatannya yang berdasarkan kepada al-Qur'an dan al-Hadith, kemudian perbahasan diteruskan dengan membincangkan dari sudut rukunnya, syarat-syaratnya, jenis-jenisnya dan segala yang berkaitan dengan perlaksanaan *al-Wakālah*.

Sementara itu, dalam konteks perbahasan Hadith, pengkaji akan mengemukakan *al-Wakālah* sebagai satu kajian tematik (*mauḍū'i*). Hal ini kerana penulisan-penulisan karya Hadith sebenarnya telah pun menggunakan manhaj tematik ini dalam penulisan karya mereka. Sebagai contoh dalam penyusunan kitab-kitab Sahih dan Sunan mengikut kepada topik-topik tertentu seperti Kitab *al-Imān*, Kitab *al-Wakālah*, Kitab *al-Ṣalāt* dan sebagainya. Setiap tema itu akan dinamakan dengan kitab tertentu dan kemudian perbincangannya dibincangkan dalam bab yang diperincikan.

Setelah pengkaji meneliti *al-Kutub al-Sittah*, pengkaji mendapati tidak semua karya Hadith ini mengemukakan Hadith *al-Wakālah* secara khusus dalam satu kitab atau bab. Pengkaji hanya menemui dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* terdapat satu Kitab *al-Wakālah* yang terdiri daripada 26 Hadith termasuk Hadith *mu'allaq*[1] termasuk

[1] Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-Asqalānī (t.t), *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Riyard: al-Maktabah al-Salafiah, j. 4, h. 494. Hadith *mu'allaq* bermaksud: Hadith yang terputus sanad dan gugur

Hadith yang berulang. Sementara itu, dalam *Sunan Abū Dawūd* terdapat satu bab iaitu, bab *fi al-Wakālah* dalam kitab *al-'Aqḍiyah*. Dalam karya-karya yang lain, Hadith *al-Wakālah* tidak dikumpulkan dalam satu kitab atau bab tetapi dibincangkan dalam kitab atau bab yang lain. Maka, dalam kajian ini, pengkaji menganalisis Hadith-hadith *al-Wakālah* yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* untuk disusun mengikut topik dalam usaha mengemukakan tema perbincangan dan konsep *al-Wakālah* berdasarkan kepada perspektif *fiqh al-Hādīth* .

Selain itu, konsep *al-Wakālah* turut menjadi salah satu penyumbang kepada perkembangan industri takaful kini khususnya dalam operasi takaful dan pelantikan ejen-ejen takaful. Atas dasar perkembangan industri ini, keperluan kepada kefahaman konsep *al-Wakālah* khsususnya dari perspektif Hadith Nabawi amatlah perlu. Justeru konsep *al-Wakalah* menurut perspektif Hadith perlu untuk dikaji dan diteliti agar pengaplikasian *al-Wakālah* khususnya dalam takaful sentiasa berada di landasan yang dibenarkan syara'. Hal ini kerana prinsip perlaksanaan *al-Wakālah* dijelaskan dalam Hadith-hadith Baginda SAW dan kajian ini melihat perlaksanaan *al-Wakālah* dalam perspektif al-Hadith berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Hadith-hadith *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah* dan aplikasinya dalam industri takaful.

Justeru beberapa persoalan dapat ditimbulkan di sini:

1. Bagaimanakah konsep transaksi *al-Wakālah* menurut perspektif Islam?

---

perawinya seorang atau lebih dari awal sanad dan keguguran sanad itu boleh jadi pada sanad yang awal atau pada seluruh sanad. Hadith *mu'allaq* banyak terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Al-Bukhari memasukkan hadith *mu'allaq* bertujuan untuk meringkaskan dan mengelakkan pengulangan yang terlalu banyak. Hadith-hadith ini biasanya disebutkan secara *mawṣūl* pada tempat yang lain. Lihat 'Ajjaj al-Khatib (1999), *Keutamaan Ilmu-Ilmu Hadith*, Johor Baharu: Badan Cemerlang Sdn. Bhd. h. 455-456. Lihat juga Muḥammad Abū Laith al-Khair Ābādī (2005), *'Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluhā wa Mu'āṣiruhā*, Selangor: Dar al-Syakir. h. 172.

2. Apakah tema-tema perbahasan Hadith *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah*?

3. Apakah prinsip *al-Wakālah* menurut perspektif *Fiqh al-Hādīth*?

4. Bagaimanakah prinsip *al-Wakālah* diaplikasikan dalam industri takaful di Malaysia?

**OBJEKTIF KAJIAN**

a) Menilai konsep transaksi *al-Wakālah* menurut perspektif Islam.

b) Mengenalpasti perbahasan tematik Hadith *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah*.

c) Menganalisis prinsip *al-Wakālah* menurut perspektif *Fiqh al-Hādīth*.

d) Menilai aplikasi prinsip *al-Wakālah* dalam industri takaful di Malaysia.

**KEPENTINGAN KAJIAN**

*Al-Wakālah* merupakan antara kontrak yang penting dan digunakan dalam Muamalah Islam kerana banyak Hadith-hadith Nabi SAW menyebut urusan berkaitan *al-Wakālah* ini. Selain itu, konsep ini juga diguna pakai dalam muamalah semasa terutamanya di Institusi perbankan, takaful, syarikat-syarikat dan sebagainya. Justeru, kajian ini amat penting untuk mengetahui sama ada prinsip-prinsip *al-Wakālah* selaras dengan kehendak Hadith Nabawi. Kajian ini juga diharap akan menjadi rujukan dan panduan kepada masyarakat dalam mengamalkan muamalah Islam terutamanya urusan yang berkaitan *al-Wakālah* dengan bersumberkan kepada dalil-dalil yang sahih. Sumber pensyariatan amat diperlukan berteraskan kepada dalil dari nas-nas yang sahih. Kajian ini turut membuktikan bahawa Hadith-hadith Nabi SAW mencakupi seluruh bidang kehidupan manusia dan sesuai untuk diamalkan sepanjang zaman kerana Hadith juga wahyu dari Allah SWT. Di samping itu, kajian

ini juga akan dapat mengenalpasti skop perbincangan *al-Wakālah* berdasarkan kepada Hadith-hadith Nabi SAW.

**SKOP KAJIAN**

Kajian ini akan membahaskan definisi *al-Wakālah* menurut al-Qur'an, Sunnah, dan juga pendapat fuqaha terutamanya fuqaha mazhab empat. Kajian ini juga akan meneliti *al-Kutub al-Sittah* yang mengemukakan topik *al-Wakālah* dengan melihat Hadith-hadith yang dikemukakan di samping sumber Hadith tersebut. Seterusnya Hadith-hadith ini akan disusun mengikut kepada topik-topik tertentu berdasarkan kepada analisis sumber Hadith yang diperolehi. Berdasarkan kepada sumber Hadith tersebut, pengkaji akan dapat mengemukakan dan membuktikan beberapa tema yang membincangkan urusan *al-Wakālah*. Tema-tema yang dipilih adalah merupakan perkara yang berkaitan dengan muamalah. Seterusnya, pengkaji akan mengemukakan analisis *fiqh al-Hādīth* berdasarkan kepada tema-tema yang dikemukakan berdasarkan kitab *Sharḥ al-Hādīth* yang berkaitan.

Pengkaji juga akan menganalisis aplikasi model-model *al-Wakālah* yang digunakan dalam industri takaful di Malaysia. Hal ini kerana akad *al-Wakālah bi al-Ajr* merupakan model yang diaplikasikan dalam takaful khususnya di Malaysia. Dalam kajian ini, pengkaji membataskan analisis terhadap model-model *al- wakālah* yang diaplikasikan seperti model *wakālah* (pure), model gabungan *wakālah-waqf*, model gabungan *wakālah-mudārabah* termasuk aplikasi *wakālah* dalam pelantikan ejen-ejen syarikat takaful.

**ULASAN KAJIAN TERDAHULU ( *LITERATURE REVIEW*)**

Perbincangan mengenai kajian Hadith-hadith muamalah merupakan aspek pengkajian yang baru dan masih lagi kurang diperbincangkan terutamanya di pusat pengajian tinggi di Negara ini. Namun sekiranya diteliti kepada kitab-kitab fiqh, bab muamalah sememangnya amat diberikan perhatian dan dibincangkan oleh para ulama fiqh. Namun, perbincangan fuqaha tentang *al-Wakālah* hanyalah sebahagian kecil daripada aspek muamalah dan perkara yang sering dibicarakan hanyalah berkisarkan definisi, rukun, syarat, jenis dan sebagainya dari perbahasan fiqh. Walaupun dalil-dalil yang dijadikan hujah diambil daripada al-Qur'an dan al-Hadith namun hanyalah sedikit sahaja Hadith yang dikemukakan. Pada hemat penulis, sebenarnya masih banyak lagi Hadith Nabi SAW yang boleh diaplikasikan terutamanya dalam penggunaan konsep *al-Wakālah*.

Bagi menentukan kajian-kajian yang dimuatkan dalam ulasan kajian terdahulu ini, pengkaji memilih kaedah berikut: [1] Pengkaji memilih kajian-kajian dalam bidang Hadith muamalat. Hal ini kerana kajian-kajian ini memberikan gambaran kepada pengkaji tentang metod pengkajian Hadith berkaitan Hadith muamalat. [2] Kajian-kajian yang khusus kepada kontrak *al-Wakālah* untuk melihat perbincangan berkaitan kontrak *al-Wakālah* khususnya berkaitan dengan dalil-dalil yang dikemukakan dalam kajian tersebut. [3] Kajian-kajian berkaitan takaful bagi memahami konsep takaful dan juga bentuk aplikasi khususnya aplikasi model operasi syarikat takaful khasnya di Malaysia.

Terdapat beberapa kajian yang telah dihasilkan di peringkat PhD, Sarjana dan Sarjana Muda yang berkaitan dengan takaful dan Hadith muamalah. Pengkaji akan

mengupas sorotan kajian ini dengan memberikan penekanan kepada kajian diperingkat PhD seterusnya Sarjana. Kajian khusus yang dihasilkan berkaitan Hadith muamalah yang telah dihasilkan oleh pelajar sarjana di Jabatan al-Quran dan al-Hadith. Antaranya oleh Mohd Faiz Hakimi Mat Idris (2007) "*Takhrij dan Analisis Hukum Hadith-hadith Muḍarabah dalam al-Sunan al-Sittah*".[2] Kajian ini menfokuskan kepada takhrij Hadith-hadith *Muḍarabah* di dalam *al-Kutub al-Sittah* dan seterusnya dikeluarkan analisis hukum yang berkaitan *Muḍarabah*. Hasil daripada kajian ini menemui 21 Hadith yang mempunyai kaitan tentang *Muḍarabah*. Hasil kajian ini turut mendapati banyak Hadith-hadith berkaitan *Muḍarabah* adalah daif. Kajian ini turut membincangkan aplikasi prinsip *Muḍarabah* dalam produk kewangan Islam di Malaysia. Sementara itu, kajian pengkaji tidak menfokuskan kepada takhrij terhadap Hadith-hadith *al-Wakālah* akan tetapi pengkaji mengemukakan Hadith-hadith tersebut untuk mengeluarkan prinsip-prinsip *al-Wakālah* dan seterusnya aplikasinya dalam industri takaful.

Kajian Hadith muamalah seterusnya oleh saudara Rizalman Muhammad (2007) "*Hadith-hadith Wasiat dan Hibah di dalam al-Sunan al-Sittah*".[3] Kajian ini hampir sama metodologinya dengan hasil penulisan Hadith-hadith *Muḍarabah*. Kajian ini pula menfokuskan kepada topik muamalah yang lain iaitu wasiat dan hibah. Apa yang menarik perhatian di dalam kajian ini, penulisnya memulakan kajiannya dengan mengumpulkan Hadith-hadith wasiat dan hibah di dalam *al-Sunan al-Sittah* secara kualitatif. Hal ini bertujuan untuk mengenalpasti bilangan Hadith wasiat dan hibah yang terdapat didalam kutub sittah dan juga darjat Hadith-hadith

---

[2] Mohd Faiz Hakimi Mat Idris (2007), *Takhrij dan Analisis Hukum Hadith-Hadith Muḍarabah dalam al-Sunan al-Sittah*, Disertasi (M.A) Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[3] Rizalman Muhammad (2007), *Hadith-Hadith Wasiat dan Hibah di dalam al-Sunan al-Sittah*, Disertasi (M.A) Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

tersebut. Kemudian pada bab yang seterusnya penulis mengemukakan teks Hadith dan seterusnya menyatakan takhrij Hadith. Kemudian barulah analisis hukum Hadith dilakukan. Kajian ini juga dapat memberikan kefahaman berkaitan wasiat dan hibah berdasarkan kepada Hadith Nabawi berbeza dengan kajian pengkaji kerana pengkaji mengemukakan Hadith-hadith *al-Wakālah* untuk mengeluarkan prinsip-prinsip *al-Wakālah* dan seterusnya aplikasinya dalam industri takaful.

Tajuk Hadith muamalah seterusnya yang telah dikaji ialah " *Analisis Hadith al-Syarikah Dalam al-Ṣaḥīḥayn*"[4] oleh saudara Mohd Murshidi bin Mohd Noor (2007). Kajian ini menfokuskan kepada analisis Hadith-hadith *al-syarikah* daripada aspek *fiqh al-Hadith* di dalam kitab *al-Ṣaḥīḥayn*. Perbincangan membicarakan mengenai kedua-dua kitab Hadith dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Penulisnya turut menganalisis pandangan yang dikemukan oleh Imam al-Bukhari dan fuqaha mengenai *syarikah*. Selanjutnya kajian ini menganalisis Hadith-hadith *al-Syarikah* untuk mengeluarkan beberapa prinsip hukum berdasarkan perbincangan di dalam kitab-kitab syarah Hadith. Kajian ini hanya menfokuskan kepada Hadith *al-Syarikah* yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* sahaja tidak merangkumi Hadith-hadith yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* dan lebih berbentuk kajian perpustakaan. Sementara itu, kajian pengkaji melihat kepada Hadith-hadith *al-Wakālah* yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* dan juga melibatkan kajian lapangan dalam membuktikan pengaplikasian *al-Wakālah* dalam industri takaful di Malaysia.

---

[4] Mohd Murshidi bin Mohd Noor (2007), *Hadith al-Syarikah dalam al-Ṣaḥīḥayn*, Disertasi (M.A) Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Kemudian disertasi yang dihasilkan oleh Mohd Ashrof Zaki (2008), yang bertajuk " *Hadith al-Ijārah dalam al-Ṣaḥīḥayn: Prinsip dan aplikasi dalam Muamalah semasa*"[5]. Disertasi yang dihasilkan ini mengumpulkan Hadith-hadith *al-Ijārah* yang terdapat di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan juga di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kajian ini juga menganalisis Hadith-hadith tersebut dari sudut *fiqh al-Ḥadīth* di samping melihat kepada perbincangan para fuqaha terutamanya mazhab yang empat. Selain itu, ianya juga mengeluarkan prinsip-prinsip hukum kepada *al-Ijārah*. Kajian ini juga menganalisis aplikasi *al-Ijārah* dalam muamalah semasa khususnya di institusi perbankan dan membuktikan bahawa kontrak *al-Ijārah* merupakan antara transaksi yang penting dalam perbankan Islam khususnya berkaitan sewa pajak. Manakala kajian pengkaji akan menganalisis Hadith-hadith berkaitan *al-Wakālah* dan aplikasinya di institusi takaful. Secara umumnya metode kajian pengkaji hampir sama dengan kajian ini dan pengkaji menjadikan kajian ini sebagai salah satu daripada panduan untuk menyelesaikan kajian.

Kajian seterusnya adalah disertasi sarjana yang dihasilkan oleh Solahuddin bin Abdul Rahman yang bertajuk *Prinsip Takaful dalam al-Kutub al-Sittah: Takhrij dan Analisis Hukum* (2009)[6]. Kajian ini menfokuskan kepada takhrij terhadap Hadith-hadith takaful (الكفالة) dalam *al-Kutub al-Sittah* dan juga analisis hukum berkaitan takaful berdasarkan kepada *fiqh al-Ḥadīth*. Kajian ini telah membantu pengkaji untuk memahami takaful berdasarkan kepada Sunnah Nabawi. Selain itu, ianya turut mengemukakan prinsip-prinsip takaful dalam Hadith Nabi SAW. Walau bagaimanapun kajian ini hanya melihat prinsip takaful dari sudut Hadith-hadith *al-*

---

[5] Mohd Ashrof Zaki (2008), *Hadith al-Ijārah dalam al-Ṣaḥīḥayn: Prinsip dan aplikasi dalam Muamalah semasa*, Disertasi (M.A) Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[6] Solahuddin bin Abdul Rahman (2009), *Prinsip Takaful dalam al-Kutub al-Sittah: Takhrij dan Analisis Hukum*.

*Kafālah* dalam *al-Kutub al-Sittah* berbeza dengan pengkaji yang melihat dari sudut prinsip *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah*. Selain itu, walaupun kajian ini khusus kepada Hadith-hadith takaful pengkajinya tidak menyentuh aspek aplikasi dalam Industri takaful. Kajian pengkaji pula menganalisis prinsip *al-Wakālah* dan aplikasinya dalam industri takaful.

Seterusnya, kajian berkaitan kontrak *al-Wakalah* dan juga aplikasinya dalam muamalah semasa, pengkaji menemui satu kajian khusus berkaitan *al-Wakālah* di peringkat PhD oleh Mohammad Deen Mohd Napiah (1995) bertajuk "*The Theory Of The Ejency (al-Wakālah) In Islamic Law*"[7]. Kajian ini menjelaskan secara mendalam berkaitan kontrak *al-Wakālah* menurut perspektif fiqh yang meliputi pengenalan, pembahagian, rukun-rukun perlaksanaan *al-Wakālah*, hubungan antara pewakil dan wakil seterusnya penamatan kontrak *al-Wakālah*. Kajian ini turut melihat kepada aplikasi garis panduan atau peraturan agensi di Bahrain, Kuwait, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu. Kajian ini menfokuskan kepada agensi komersial yang dilaksanakan di negara-negara tersebut termasuklah kontrak yang digunapakai dalam industri takaful. Justeru kajian ini amat berguna bagi pengkaji dalam memahami konsep kontrak *al-Wakālah* menurut perspektif Islam. Sementara itu, dalam menjelaskan pendalilan *al-Wakālah* khususnya dalil daripada Hadith, kajian ini hanya mengemukakan Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Dāwūd sahaja dan penulis tidak membawakan teks hadith tersebut. Justeru, pengkaji mengemukakan Hadith-hadith berkaitan *al-Wakālah* bagi menjelaskan konsep *al-Wakālah* menurut perspektif Hadith Nabawi.

[7] Mohammad Deen Mohd Napiah (1995), *The Theory Of The Agency (al-Wakālah) In Islamic Law*, Tesis PhD, Department of Law and Public Administration, Glasgow Caledonian University, Glasgow.

Kajian seterusnya adalah yang dihasilkan oleh Aly Abdul Rahim Khorshid (2001) bertajuk "*Islamic Insurance A Modern Approach with Particular Reference to Western and Islamic Banking*"[8]. Kajian ini menjelaskan berkaitan riba dan insurans (*al-ta'min*) menurut al-Qur'an dan Shariah. Selain itu, pengkajinya mengemukakan pandangan-pandangan ulama' tentang insurans seperti pandangan Mohammed Abduh yang menjelaskan berkaitan kaedah yang sah mengenai insurans hayat, pandangan Mustafa Ahmed El-Zarqa dan sebagainya. Kajian ini turut menjelaskan berkaitan pembangunan insurans di Barat dan juga pembangunan perbankan Islam dan insurans di Malaysia dan Arab Saudi. Di samping itu, turut dikemukakan oleh pengkaji ialah prinsip asas insurans yang sesuai dengan roh Islam. Secara keseluruhannya kajian ini menjelaskan mengenai insurans Islam termasuklah di Malaysia. Kajian ini membantu pengkaji dalam memahami konsep insurans dalam Islam dan kajian pengkaji akan menfokuskan kepada prinsip *al-Wakālah* dalam industri takaful khususnya di Malaysia yang tidak dibincangkan dalam kajian ini.

Di peringkat sarjana, antara kajian yang dihasilkan ialah "*Aplikasi prinsip al-Wakālah dalam sistem pembrokeran saham Islam di Malaysia : kajian terhadap operasi BIMB Securities Sdn. Bhd. dan Amsecurities Sdn. Bhd*"[9] oleh Noor Hasyimah Sulaiman (2006). Kajian ini membincangkan pengaplikasian prinsip *al-Wakālah* dalam landskap pembrokeran saham secara Islam di Malaysia yang merangkumi konsep, operasi, dan perkembangannya. Selain itu, penulisan ini juga memperincikan aplikasi *al-Wakālah* dalam pembrokeran saham melalui operasi

---

[8] Aly Abdul Rahim Khorshid (2001), *Islamic Insurance A Modern Approach with Particular Reference to Western and Islamic Banking*, Tesis PhD Department of Arabic and Middle Eastern Studies The University of Leeds.

[9] Noor Hasyimah Sulaiman (2006), *Aplikasi prinsip al-wakālah dalam sistem pembrokeran saham Islam di Malaysia : kajian terhadap operasi BIMB Securities Sdn. Bhd. dan Amsecurities Sdn. Bhd*, Disertasi (M.A) Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

syarikat seperti Bank Islam Malaysia (BIMB) Sdn. Bhd. Dan Am Security Sdn. Bhd. Kajian ini turut menjelaskan *al-Wakālah* dari perspektif Islam sepertimana yang dijelaskan dalam karya-karya fiqh dan penumpuan kepada aplikasi *al-Wakālah* dalam pembrokeran saham manakala kajian pengkaji akan menfokuskan kepada prinsip *wakālah* berdasarkan Hadith dan juga aplikasi dalam industri takaful.

Kajian seterusnya "*al-Wakālah al-Tijāriah al-Ḥisriyyah fi al-Fiqh al-Islamī wa al-Qanūn*" oleh Ashraf Rismi Anis 'Umar (2012).[10] Kajian ini menfokuskan kepada perwakilan perdagangan dan menjelaskan konsep ejensi perdagangan dari sudut hukum dan pembahagiannya menurut perspektif *fiqh*. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan berkaitan *wakālah al-hisriyyah* (eksklusif) dari sudut hukum dan kepentingannya dalam fiqh dan undang-undang. Turut dibincangkan perbezaan antara bentuk-bentuk perwakilan seperti *wakālah* kontrak, *wakālah* dengan komisyen (*al-'umūlah*), dan *wakālah al-hisriyyah* (eksklusif). Kajian ini dapat membantu pengkaji dalam memahami dengan mendalam perbahasan konsep *al-Wakālah* dalam muamalah Islam. Namun kajian ini hanya mengemukakan dalil hadith yang sama sepertimana yang terdapat dalam karya fiqh sebagai dalil perlaksanaan *wakālah*. Justeru kajian pengkaji dapat memberikan penambahan baru terhadap konsep *al-Wakālah* berdasarkan Hadith Nabi SAW.

Seterusnya disertasi Mohd Zakir Majid (2004) yang bertajuk, "*Konsep "Wakālah" dalam akad nikah dan amalannya : satu kajian dalam masyarakat Islam*

[10] Ashraf Rismi Anis 'Umar (2012), *al-wakālah al-tijāriah al-Hisriyyah fi al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qanūn*, Disertasi (M.A), Universiti al-Najāḥ al-Waṭāniah, Palestin.

*di daerah Yan Kedah*".[11] Kajian ini pula menfokuskan kepada konsep *wakālah* dalam urusan munakahat iaitu aspek akad nikah dan tumpuan kajian terhadap pengamalan dalam masyarakat Islam di daerah Yan, Kedah. Beberapa Hadith berkaitan turut digunakan sebagai dalil pensyariatan *wakālah* khususnya dalam aspek akad nikah dikemukakan di samping menyentuh aspek pengamalan masyarakat dalam urusan akad nikah. Kajian ini telah menjelaskan pengamalan masyarakat terhadap konsep pelantikan wakil wali dalam akad nikah khususnya masyarakat Islam di Yan, Kedah. Kajian ini telah membuktikan bahawa pelantikan wakil wali adalah berasaskan kepada konsep *al-Wakālah* sepertimana yang dijelaskan dalam Hadith Nabi SAW. Pengkaji mengemukakan dalam kajian ini keseluruhan Hadith berkaitan *al-Wakālah* yang meliputi semua bidang yang melibatkan perlaksanaan *al-Wakālah* khususnya perlaksanaan *al-Wakālah* dalam muamalah semasa dan penilaian terhadap aplikasi *al-Wakālah* dalam industri takaful di Malaysia.

Terdapat juga hasil kajian yang telah dihasilkan oleh pelajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia seperti "*Al-Wakālah: Impact on the Performance of Takaful Operators*"[12] oleh saudara Hairul Azlan Bin Annuar (2001) pelajar sarjana Pengurusan Perniagaan. Di dalam kajian ini beliau membincangkan perbezaan antara Takaful dan juga insurans konvensional. Selain itu, turut dibincangkan teori dan konsep *al-Wakālah* dan penulis mendapati beliau ada membicarakan sedikit di salah satu sub topik beliau berkaitan *al-Wakālah bi al-Ajr*. Seterusnya kajian ini membincangkan dengan terperinci berkaitan *al-Wakālah* di dalam Takaful dan membuat kaji selidik terhadap persepsi pelanggan terhadap Takaful. Walaupun

[11] Mohd Zakir Majid (2004), *Konsep "Wakālah" dalam akad nikah dan amalannya : satu kajian dalam masyarakat Islam di daerah Yan Kedah*, Disertasi (M.A) Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
[12] Hairul Azlan Bin Annuar (2001), *Al-Wakālah: Impact on the Performance of Takaful Operators*, Tesis Sarjana Pengajian Pengurusan Perniagaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

kajian ini membincangkan berkaitan *al-Wakālah* dalam takaful namun ianya tidak membincangkan secara khusus konsep *al-Wakālah* dalam takaful yang meliputi model-model *al-Wakālah* dan pelantikan ejen dalam industri takaful. Justeru kajian pengkaji akan menfokuskan kepada prinsip-prinsip *al-Wakālah* berdasarkan Hadith Nabawi dan penilaian terhadap perlaksanaan *al-Wakālah* dalam industri takaful.

Manakala pengkajian di peringkat ijazah dasar juga banyak dihasilkan oleh pelajar terutamanya di bidang syariah. Kajian-kajian tersebut seperti "*Pelaksanaan al-Wakālah dalam Takaful Keluarga: kajian di Syarikat Takaful Ikhlas Sdn.Bhd*" [13] oleh Faezatun Jam'ie Darus, "*Al-Wakālah sebagai metod pemasaran dalam industri Takaful : Kajian perbandingan di Takaful Nasional dan Syarikat Takaful*"[14] oleh Nik Nor Azli Nik Ali, "*Prinsip al-Wakālah dalam perbankan Islam : satu analisis tentang pelaksanaannya di Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)*"[15] oleh Norziati Abdul Jalil, "*Pelaksanaan prinsip al-Wakālah dalam pembiayaan perdagangan: satu kajian di Bank Islam Malaysia Berhad*"[16] oleh Zuliana Ismail, "*Pembiayaan perdagangan (al-Wakālah dan al-Murābaḥah): satu kajian perbandingan di antara RHB Bank Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad*"[17] oleh Nurasharqi Abdul Kadir @ Khalid dan "*al-Wakālah bil-khuṣūmah : satu kajian*

---

[13] Faezatun Jam'ie Darus (2007), *Pelaksanaan al-Wakālah dalam Takaful Keluarga : kajian di Syarikat Takaful Ikhlas Sdn.Bhd* , Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[14] Nik Nor Azli Nik Ali (2003), *Al-Wakālah sebagai metod pemasaran dalam industri Takaful : kajian perbandingan di Takaful Nasional dan Syarikat Takaful*, Latihan Ilmiah Jabatan Syariah dan Pengurusan, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[15] Norziati Abdul Jalil (2002), *Prinsip al-Wakālah dalam perbankan Islam : satu analisis tentang pelaksanaannya di Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)*, Latihan Ilmiah Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[16] Zuliana Ismail (2001), *Pelaksanaan prinsip al-Wakālah dalam pembiayaan perdagangan : satu kajian di Bank Islam Malaysia Berhad*, Latihan Ilmiah Jabatan Syariah dan Pengurusan, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

[17] Nurasharqi Abdul Kadir @ Khalid (2001), *Pembiayaan perdagangan (al-Wakālah dan al-Murābahah): satu kajian perbandingan di antara RHB Bank Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad*, Latihan Ilmiah Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

*perbandingan di antara undang-undang Islam dan sivil di Malaysia*"[18] oleh Abdul Halim Faiz Jamek. Kajian-kajian di peringkat Sarjana Muda lebih menumpukan kepada perlaksanaan prinsip *al-Wakālah* dalam industri kewangan di Malaysia. Namun prinsip-prinsip yang diteliti lebih kepada prinsip umum *al-Wakālah* sepertimana yang telah dijelaskan oleh para fuqaha dalam karya mereka. Hadith-hadith berkaitan *al-Wakālah* yang dirujuk juga adalah sepertimana yang terdapat dalam karya fiqh yang membincangkan bab *al-Wakālah*. Justeru dalam kajian ini, pengkaji akan mengemukakan Hadith-hadith berkaitan *al-Wakālah* yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* untuk memberikan pendedahan bahawa terdapat banyak Hadith berkaitan *al-Wakālah* yang memberikan panduan kepada perlaksanaan *al-Wakālah* dalam banyak perkara. Selain itu, pengkaji akan menilai aplikasi perlaksanaan *al-Wakālah* dalam industri takaful.

Secara keseluruhannya kajian-kajian yang telah dihasilkan ini lebih menumpukan kepada prinsip dan aplikasi *al-Wakālah* yang digunakan dalam syarikat tertentu. Hasil pemerhatian ini juga di dapati akad *al-Wakālah* menjadi antara perkara penting di dalam institusi perbankan dan Takaful. Namun kajian-kajian sebelum ini tidak menyentuh Hadith-hadith *al-Wakālah* secara khusus dan menyeluruh bagi menghasilkan prinsip *al-Wakālah* menurut perspektif Nabawi. Justeru kajian pengkaji akan memfokuskan kepada aspek prinsip-prinsip *al-Wakālah* berdasarkan kefahaman dan *fiqh al-Hadith* terhadap Hadith-hadith *al-Wakālah* yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah*.

---

[18] Abdul Halim Faiz Jamek (1993), *al-Wakālah bil-khuṣūmah : satu kajian perbandingan di antara undang-undang Islam dan sivil di Malaysia*, Latihan Ilmiah Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya.

Kesimpulan yang dapat dihasilkan daripada sorotan kajian lepas yang dijalankan ini, pengkaji mendapati kajian khusus mengenai Hadith-hadith *al-Wakālah* masih belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Justeru pengkaji mengambil peluang ini untuk membuat kajian yang bertajuk "Prinsip *al-Wakālah* Dalam *al-Kutub al-Sittah* Dan Aplikasinya Dalam Industri Takaful di Malaysia" agar dapat memberi nilai tambah kepada kajian-kajian sebelum ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan aspek terpenting di dalam sebuah kajian akademik dan perlu diambil perhatian yang serius oleh pengkaji dalam usaha menjadikan kajian yang dilakukan bersistematik, tersusun rapi dan kemas. Secara umumnya kajian ini berbentuk kajian perpustakaan atau kualitatif. Penulis menggunakan tiga metod utama iaitu metode penentuan subjek, metode pengumpulan data, dan metode analisis data.

### Metode Penentuan Subjek

Dalam penentuan subjek, penulis telah memilih *"**Prinsip Al-Wakālah Dalam Al-Kutub al-Sittah Dan Aplikasinya Dalam Industri Takaful Di Malaysia**"*. Tujuan penentuan subjek ini untuk mengenalpasti Hadith yang dikemukakan dalam tema *al-Wakālah* sahaja yang dibincangkan dalam bab kedua. Selain itu, kajian ini juga akan dapat mengenalpasti tema-tema perbincangan Hadith berkaitan *al-Wakālah*. Di samping itu, dalam bab ketiga pengkaji menganalisis Hadith-hadith *al-Wakālah* berdasarkan kepada manhaj *fiqh al-Ḥādīth*. Seterusnya pengkaji akan menganalisis aplikasi *al-Wakālah* dalam industri takaful di Malaysia dalam bab keempat.

**Metode Pengumpulan Data**

Penulis menggunakan metode pengumpulan data untuk mendapatkan maklumat tepat dan terperinci tentang kajian yang dilaksanakan. Metode ini merupakan satu teknik pengumpulan data yang diperolehi melalui rujukan-rujukan yang terdapat di perpustakaan seperti buku-buku, tesis, disertasi, jurnal, kertas kerja, aktikel, dan sebagainya. Selain itu, penulis turut menggunakan kitab-kitab yang berbentuk PDF yang berautoriti menjadi rujukan di samping menggunakan program Maktabah al-Shamilah v 3.5 yang mampu mempercepatkan proses pencarian penulis. Penulis turut merujuk kepada laman web Hadith yang berautoriti seperti http://Hadith.al-Islam.com, http://dorar.net dan lain-lain.

Selain itu, kitab Hadith hukum, fiqh dan muamalah turut dirujuk sebagai input tambahan untuk melengkapkan lagi kajian berkenaan analisis Hadith *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah*. Dalam usaha mengumpulkan Hadith-hadith *al-Wakālah* dalam bab kedua, pengkaji menentukan pemilihan berdasarkan kepada Hadith-hadith yang dikemukakan dalam Kitab atau bab *al-Wakālah* bagi memastikan Hadith tersebut menepati perbincangan kajian ini.

Di samping itu, bagi data-data berkaitan aplikasi *al-Wakālah* pengkaji merujuk kepada buku-buku terkini dan berautoriti di samping mengadakan temuramah bersama dengan pakar dalam bidang takaful, pegawai syariah syarikat takaful dan juga ejen syarikat takaful sebagai nilai tambah untuk memastikan keabsahan data yang diperolehi.

### Metode Analisis Data

Metode analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini akan mengenalpasti Hadith-hadith *al-Wakālah* dan juga taburan kedudukannya dalam *al-Kutub al-Sittah*. Hadith-hadith ini akan dianalisis untuk menentukan tema-tema perbahasan *al-Wakālah* menurut perspektif *fiqh al-Ḥadīth* dan perkara ini akan dapat dilihat dalam bab ketiga nanti. Selain itu, bentuk analisis akan dapat dilihat dalam bab yang keempat di mana pengkaji akan menganalisis aplikasi *al-Wakalah* dalam Industri takaful.

### Metode Induktif

Metode induktif iaitu dengan merumuskan satu kesimpulan kajian dari bentuk khusus kepada umum seperti satu-satu Hadith dalam kitab Hadith kadangkala dibincangkan secara khusus mengenai satu hukum, kemudian ia menjadi umum setelah dibincangkan dalam topik yang lain.

### Metode Deduktif

Metode deduktif iaitu merumuskan satu kesimpulan bersifat khusus setelah dirujuk dari kenyataan umum. Secara mudahnya metode ini berlawanan dengan metod Induktif iaitu menganalisis data berdasarkan pola pemikiran dengan mencari pembuktian umum terhadap perkara-perkara khusus.

## SISTEMATIKA PENULISAN

Kajian ini mengandungi enam bahagian iaitu Pendahuluan dan seterus diikuti dengan lima bab. Justeru pengkaji telah memilih tajuk "***Prinsip Al-Wakālah Dalam Al-***

***Kutub al-Sittah Dan Aplikasinya Dalam Industri Takaful Di Malaysia***" sebagai tajuk kajian. Pengkaji akan memulakan kajian ini dengan mengemukakan Pendahuluan yang merangkumi latar belakang masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, huraian istilah, sorotan kajian, metodologi kajian dan juga sistematika kajian.

Seterusnya dalam bab pertama "*Al-Wakālah* Dalam Muamalah Islam" yang mana merangkumi perbincangan *al-Wakālah* dalam aspek *Fiqh muamalah*. Bab ini bertujuan untuk menjelaskan terlebih dahulu pengertian *al-Wakālah*, *al-Wakālah* dalam al-Qur'an dan al-Hadith, seterusnya rukun-rukun *al-Wakālah* serta beberapa perbincangan sekitarnya.

Kemudian dalam bab kedua pengkaji mengemukakan Hadith-hadith *al-Wakālah* yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* kerana Hadith-hadith ini merupakan tunjang kepada perbincangan kajian ini secara keseluruhannya. Pengkaji meletakkan tajuk "Hadith-hadith *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah*". Pengkaji turut mengemukakan sumber Hadith dalam bab ini bertujuan untuk mengetahui bagaimanakah tema-tema (*mawḍū'i*) Hadith *al-Wakālah* untuk mengetahui perbahasan *al-Wakālah* secara keseluruhannya.

Sementara itu, dalam bab ketiga pengkaji membincangkan prinsip-prinsip *al-Wakālah* berdasarkan kepada Hadith-hadith yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah*. Pengkaji akan mengemukakan prinsip-prinsip *al-Wakālah* berdasarkan kepada tema-tema ini selain daripada prinsip *al-Wakālah* secara umum. Tajuk bagi bab ketiga adalah "Prinsip *al-Wakālah* Dalam *al-Kutub al-Sittah*".

Setelah mengetahui prinsip-prinsip *al-Wakālah* seterusnya dalam bab keempat pengkaji akan melihat kepada aplikasi *al-Wakālah* yang berlaku dalam industri takaful yang terdapat di Malaysia.

Bab kelima adalah penutup yang merangkumi kesimpulan keseluruhan terhadap kajian ini disamping cadangan daripada pengkaji.

# BAB 1: *AL-WAKĀLAH* MENURUT PERSPEKTIF MUAMALAH ISLAM

## 1.0 PENDAHULUAN

*Al-Wakālah* merupakan salah satu daripada konsep yang tidak asing dalam aplikasi muamalah Islam. Justeru pengkaji akan menjelaskan dalam bab pertama ini berkaitan dengan *al-Wakālah* dalam muamalah Islam yang merangkumi *al-Wakālah* menurut perspektif Islam secara umum sebelum kajian ini menjelaskan perbincangan *al-Wakālah* secara lebih terperinci menurut Hadith-hadith berkaitan *al-Wakālah* dalam bab seterusnya. Perbincangan bab ini meliputi definisi *al-Wakālah*, *al-Wakālah* dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, rukun- rukun dan syarat-syarat *al-Wakālah*, pembahagian *al-Wakālah*, penamatan kontrak *al-Wakālah* dan juga maqasid syariah dalam *al-Wakālah*. Perbincangan ini bertujuan untuk menjelaskan pengenalan kepada *al-Wakālah* dalam muamalah Islam dan pengkaji lebih menfokuskan kepada pandangan para fuqaha dalam menjelaskan perkara-perkara berkaitan *al-Wakālah* ini.

## 1.1 PENGERTIAN *AL-WAKĀLAH*

Pengkaji akan menjelaskan pengertian *al-Wakālah* dalam dua sudut iaitu *al-Wakālah* dari sudut bahasa dan istilah.

### 1.1.1 *Al-Wakālah* dari sudut bahasa

*Al-Wakālah* berasal daripada perkataan (وَكِلَ) yang bermaksud wakil. Menurut Ibn Manzur di dalam *Lisan al-'Arab* lafaz (وكل باالله),(توكل على الله),(إتكل) membawa maksud berserah diri kepada Allah s.w.t manakala (وكل فلان فلانا) ialah mewakilkan seseorang kepada orang lain. *Al-Wakālah* juga dilakukan kerana percayakan orang lain atau

wakil tersebut.[19] Selain itu, ianya juga membawa maksud seseorang meminta kepada orang lain untuk melaksanakan bagi dirinya sesuatu urusan atau pekerjaan.[20] *Al-Wakālah* boleh melibatkan urusan seperti pengendalian harta, pembahagian harta pusaka, ejen jual-beli, ejen perniagaan dan sebagainya.[21]

Selain daripada itu, *al-Wakālah* membawa beberapa maksud seperti perlindungan (*al-ḥifz*)[22], pencukupan (*al-Kifāyah*), tanggungan (*al-Ḍaman*), atau penyerahan (*al-tafwiḍ*),[23] yang juga membawa maksud memberikan kuasa atau mewakilkan. Ibn Hajar al-Asqalani mendefinisikan *al-Wakālah* iaitu penyerahan atau pemeliharaan, dan (وكلت فلانا) bermaksud aku mewakilkan si fulan untuk memeliharanya dan (وكلت الأمر إليه) iaitu aku menyerahkan urusan itu kepadanya.[24]

Kesimpulannya, *al-Wakālah* dari sudut bahasa bermaksud seseorang mewakilkan kepada orang lain kerana kelemahannya untuk menguruskan atau melakukan sesuatu pekerjaan dan juga percayakan kepada wakilnya.

### 1.1.2 *Al-Wakālah* dari sudut istilah

Pelbagai definisi yang telah diberikan oleh ulama terhadap *al-Wakālah*, antaranya *al-Wakālah* dengan maksud penyerahan sesuatu pekerjaan yang mampu dilaksanakan

---

[19] Ibn Manẓūr (1997), *Lisān al-'arab*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j. 15, h. 387.
[20] Majma'al-Lughah al-A'rabiyyah, (1985), *al-Mu'jam al-Waṣīṭ*, j. 2. h. 1097.
[21] Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad (2009), *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam,* Shah Alam: Pusat penerbitan Universiti (UPENA), h. 148.
[22] Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-'Aīnī (2001), *'Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiah. j. 12, h. 179.
[23] Wahbah al-Zuhaylī (1985), *al-Fiqh al-Islami wa adillatuh*, Damsyik: Dar al-Fikr. j. 5, h. 71, Muḥammad bin Ismaīl al-amīr al-kahlānī al-Ṣana'ānī (1960), *Subūl al-Salām*, Maktabah al-Mustafa. j. 3, h. 64. Abd al-Raḥmān bin Muḥammad 'Aud al-Jazīrī (2001), *al-Fiqh 'alā al-Maẓāhib al-arba'ah*, Kaherah: Muassasah al-Mukhtar. j. 3, h. 123. Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khātib al-Sharbīni (1997), *Mughnī al-muḥtāj,* Beirut: Dar al-Ma'rifah. j. 2, h. 281.
[24] Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajār Abū al-Faḍl al-'Asqalānī (2000), *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukḥarī*, Riyard: Dar al-Salam. j. 4, h. 603.

sendiri dan boleh diwakilkan kepada orang lain dengan lafaz tertentu (akad) untuk dilaksanakan dalam tempoh hayatnya.[25]

Menurut T.M Hashbi Ash-Shiddieqy *al-Wakālah* merupakan satu akad penyerahan kekuasaan, seseorang melantik orang lain sebagai penggantinya dalam sesuatu tindakan (*taṣarruf*).[26] Selain itu, al-Nawawi mentakrifkan *al-Wakālah* sebagai suatu penyerahan kerja yang perlu dilaksanakan dan boleh untuk diwakilkan kepada orang lain dengan lafaz yang tertentu semasa hidupnya untuk dilaksanakan.[27]

Menurut Sayyid Sabiq, *al-Wakālah* adalah penyerahan kekuasaan oleh seseorang kepada orang lain dalam hal-hal yang boleh diwakilkan.[28] Menurut ulama Maliki, Syafi'i dan Hanbali *wakālah* adalah tindakan seseorang mewakilkan kepada orang lain perkara-perkara yang boleh dilakukannya yang terdiri daripada perkara yang boleh diwakilkan semasa hayatnya.[29] Tindakan itu tidak dikaitkan dengan pemberian kuasa setelah mati, kerana jika dikaitkan dengan tindakan setelah mati bererti sudah berbentuk wasiat.[30].

*Al-Wakālah* menurut ulama Hanafi ialah menyerahkan tugas kepada orang lain untuk melakukan sesuatu perkerjaan yang diharuskan syara' atau sebagai mewakilkan seseorang untuk menyerahkan dan menjaga sesuatu perkara kepada wakil. Hal ini merangkumi segala pengendalian dan juga pengurusan harta dalam

---

[25] Musṭafā al-Khīn et. al. (2005), *Kitab Fiqh Mazhab al-Shafi'i*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam. j. 7, h. 1805.
[26] Rhesa Yogaswara (2008), *op.cit.* h. 2.
[27] Abū Zakaria Yaḥyā bin Sharf al-Nawawī (2003), *Rauḍah al-Tālibīn*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah. j. 3. h. 522. Haron Din, Dr. (2002), *Manusia dan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. j. 3, h. 54.
[28] Sayyid Sābiq (t.t), *Fiqh al-Sunnah*, Kaherah: Dar al-Misr li al-Tiba'ah, j. 3. h. 157.
[29] Wahbah al-Zuhaylī (1999), *Fiqh & Perundangan Islam,* terj. Ahmad Shahbari Salamon et. al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, j. 4, h. 153.
[30] Abd al-Raḥmān bin Muḥammad 'Aud al-Jazīrī (2001), Op. cit. j. 3. h. 123.

bentuk jual beli atau perkara-perkara yang boleh diwakilkan seperti izin untuk masuk.[31]

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa *al-Wakālah* bermaksud menyerahkan atau melantik seseorang untuk menjadi wakil dalam menjalankan sesuatu pekerjaan atau urusan dengan syarat perkara tersebut haruslah perkara yang dibolehkan oleh syara' dan ianya merangkumi pelbagai aspek yang boleh diwakilkan tidak kira dalam perniagaan, perundangan, perkahwinan mahupun urusan seharian. Selain itu, pelantikan wakil juga harus untuk diberikan upah ataupun tidak berdasarkan kepada persetujuan antara kedua-dua pihak.

## 1.2 *AL-WAKALAH* DALAM AL-QUR'AN

Asas kepada pengharusan syarak terhadap *al-Wakālah* ini adalah berdasarkan beberapa ayat al-Qur'an dan juga Hadith-hadith Nabi SAW. Justeru, disini penulis juga mengemukakan beberapa dalil yang menunjukkan keharusan *al-Wakālah* daripada al-Qur'an. Pengkaji memilih ayat-ayat ini berdasarkan kepada pengkelasan yang telah disusun dalam *al-Mu'jam al-Mufaḥrās li alfāẓ al-Qur'an al-Karim*.[32] Pengkaji tidak mengemukakan dalil daripada Hadith Nabi SAW dalam bab ini kerana pengkaji mengemukakan Hadith-hadith *al-Wakālah* secara keseluruhannya dalam bab kedua selepas ini.

---

[31] Wahbah al-Zuhaylī (1999), *Fiqh & Perundangan Islam,* terj. Ahmad Shahbari Salamon et. al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, j. 5, h. 64. Abd al-Raḥmān bin Muḥammad 'Aud al-Jazīrī (2001), Op. cit. j. 3. h. 123. Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khātib al-Sharbīnī (1997), Op. Cit. j. 2. h. 281. Jamil Ramly et. al. (2010), *Buku Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM. Ed. 2. h. 14. Lihat juga Mohd Ma'sum Billah (2007), *Applied Takaful and Modern Insurance,* Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia. h. 61.

[32] Muhammad Fuad al-Baqi (2003), *al-Mu'jam al-Mufaḥrās li alfāẓ al-Qur'an al-Karim,* Beirut: Dar al-ma'rifah. h. 957.

*Al-Wakālah* disebut dalam al-Qur’an pada beberapa ayat dan pengkaji mendapati dalam al-Qur’an Allah SWT turut menyatakan ayat-ayat yang secara khusus menyebut perkataan (وكيل) yang terdapat 11 ayat dalam al-Qur’an manakala 13 ayat yang mengandungi perkataan (وكيلا).[33] Antara ayat-ayat tersebut ialah:

1. فَلَعَلَّكَ تَارِكٌۢ بَعْضَ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ وَضَآئِقٌۢ بِهِۦ صَدْرُكَ أَن يَقُولُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ كَنزٌ أَوْ
جَآءَ مَعَهُۥ مَلَكٌ ۚ إِنَّمَآ أَنتَ نَذِيرٌ ۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٢﴾

**Terjemahan Ayat:** “*Jangan-jangan engkau (Wahai Muhammad) tidak menyampaikan sebahagian dari apa yang diwahyukan kepadamu serta merasa sempit dada untuk menyampaikannya disebabkan orang-orang yang ingkar itu berkata: "Mengapa tidak diturunkan kepada (Muhammad) perbendaharaan (harta benda yang banyak), ataupun datang bersama-sama dengannya malaikat (untuk menolongnya menyiarkan Islam)?" kerana sesungguhnya engkau hanyalah seorang rasul pemberi amaran kepada orang-orang yang ingkar, dan Allah jualah pentadbir yang menguruskan tiap-tiap sesuatu (maka berserahlah diri kepadanya).*”[34]

2. إِنَّ عِبَادِى لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنٌ ۚ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ وَكِيلًا ﴿٦٥﴾

**Terjemahan Ayat:** “*Sesungguhnya hamba-hambaku (yang beriman dengan ikhlas), tiadalah engkau (hai iblis) mempunyai sebarang kuasa terhadap mereka (untuk menyesatkannya); cukuplah Tuhanmu (Wahai Muhammad) menjadi pelindung (bagi mereka).*”[35]

Ibn Kathīr menjelaskan dalam ayat ini bahawa Allah SWT menegaskan kepada iblis yang mereka tidak mampu untuk menyesatkan orang-orang yang beriman kerana mereka berada dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah SWT.[36]

3. أَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ أَفَأَنتَ تَكُونُ عَلَيْهِ وَكِيلًا ﴿٤٣﴾

---

[33] *Ibid.*
[34] Surah Hud 11: 12
[35] Surah al-Isra’ 17: 65
[36] Abī  al-Fidā’ Isma‘īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Qurshi al-Dimashqi (2000), *Tafsīr al-Qur’an al-‘aẓīm*, Beirut: Dar Ibn Hazm.h. 1127.

**Terjemahan Ayat:** "*Nampakkah (Wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya: Tuhan yang dipuja lagi ditaati? maka dapatkah engkau menjadi pengawas yang menjaganya jangan sesat*?"[37]

Selain itu, para ulama turut mengkelaskan beberapa ayat lain sebagai ayat yang menjelaskan perlaksanaan *al-Wakālah* seperti ayat berikut:

1. وَكَذَٰلِكَ بَعَثْنَٰهُمْ لِيَتَسَآءَلُوا۟ بَيْنَهُمْ ۚ قَالَ قَآئِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ لَبِثْتُمْ ۖ قَالُوا۟ لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ ۚ قَالُوا۟ رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ فَٱبْعَثُوٓا۟ أَحَدَكُم بِوَرِقِكُمْ هَٰذِهِۦٓ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ فَلْيَنظُرْ أَيُّهَآ أَزْكَىٰ طَعَامًا فَلْيَأْتِكُم بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا ﴿١٩﴾

**Terjemahan Ayat:** " *Dan demikianlah pula kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), supaya mereka bertanya-tanyaan sesama sendiri. Salah seorang di antaranya bertanya: "Berapa lama kamu tidur?" (sebahagian dari) mereka menjawab: "Kita telah tidur selama sehari atau sebahagian dari sehari". (sebahagian lagi dari) mereka berkata: "Tuhan kamu lebih menengetahui tentang lamanya kamu tidur; sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia berlemah-lembut dengan bersungguh-sungguh (semasa di bandar); dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapapun menyedari akan hal kamu.*"[38]

Ayat di atas menjelaskan kisah yang berlaku terhadap *aṣḥāb al-Kaḥfī* yang mana selepas dibangkitkan daripada tidur yang panjang, mereka memilih dan melantik salah seorang dari kalangan mereka untuk ke bandar bagi membeli makanan.[39] Ayat ini telah menjadi dalil utama bagi keharusan *wakālah*.

2. وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَٱبْعَثُوا۟ حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِۦ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَآ إِن يُرِيدَآ إِصْلَٰحًا يُوَفِّقِ ٱللَّهُ بَيْنَهُمَآ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا ﴿٣٥﴾

**Terjemahan Ayat:** " *dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan,*

[37] Surah al-Furqan 25: 43
[38] Surah al-Kahfi 18:19
[39] Abī al-Fidā' Isma'īl bin 'Umar bin Kathīr al-Qurshi al-Dimashqi (2000), *Op. Cit.* h. 1150.

*nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuannya*”.[40]

Ayat dalam surah al-Nisa’ ini menjelaskan bahawa sekiranya dibimbangi akan berlaku perpecahan atau pergaduhan di antara suami isteri haruslah dilantik orang tengah atau wakil bagi mendamaikan keduanya.[41]

3. قَالَ ٱجۡعَلۡنِي عَلَىٰ خَزَآئِنِ ٱلۡأَرۡضِۖ إِنِّي حَفِيظٌ عَلِيمٞ ﴿٥٥﴾

**Terjemahan Ayat:** *Yusuf berkata: “Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); Sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya”.*[42]

Berdasarkan kepada ayat ke 55 surah Yusuf, dapat disimpulkan bahawa terdapat dua syarat utama untuk menjadi seseorang pengurus perbendaharaan iaitu [**pertama**] perkataan (حفيظ) dalam ayat ini bermaksud penyimpan yang dipercayai. [**kedua**] perkataan (عليم) yang bermaksud wakil yang berilmu dan pakar dalam selok belok tugas yang diberikan.[43] Ayat ini memberikan penjelasan bahawa untuk melantik seseorang wakil mestilah seorang yang dipercayai, berilmu dan berakhlak sepertimana yang ditunjukkan oleh Nabi Yusuf a.s. sehinggakan dilantik menjadi orang kanan rajanya kerana beliau sangat dipercayai.[44]

4. ۞ إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلۡفُقَرَآءِ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱلۡعَٰمِلِينَ عَلَيۡهَا وَٱلۡمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمۡ وَفِي ٱلرِّقَابِ وَٱلۡغَٰرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِۖ فَرِيضَةٗ مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ﴿٦٠﴾

**Terjemahan Ayat:** “*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan.*

[40] Surah al-Nisa’ 4:35

[41] Zulkifli Mohd Yusoff (2011), *Tafsir Ayat Ahkam Huraian Hukum Hakam Dalam al-Qur’an*, Selangor: PTS Darul Furqan Sdn. Bhd. h. 146.

[42] Surah Yusuf 12:55

[43] Abī al-Fidā’ Isma‘īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Qurshi al-Dimashqi (2000), *Op. Cit.* h. 987.

[44] *Ibid.*

*(Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana".*[45]

Ayat ini menjelaskan mengenai penetapan Allah SWT golongan-golongan yang layak menerima zakat iaitu lapan golongan sepertimana yang terdapat dalam ayat di atas. Antaranya amil-amil yang menguruskan kerja-kerja pungutan zakat kerana tanpa usaha mereka kerja-kerja pungutan zakat tidak dapat dilakukan dengan berkesan. Justeru atas dasar ini mereka turut layak untuk menerima bahagian daripada harta zakat.[46]

Kesemua ayat-ayat yang dinyatakan merupakan ayat yang berkaitan dengan pelantikan wakil dan dapat menjadi dalil kepada pengharusan perlaksanaan *al-Wakālah*.

### 1.3 RUKUN-RUKUN *AL-WAKĀLAH*

Sepertimana instrumen lain dalam muamalah Islam, *al-Wakālah* juga mempunyai rukun-rukun yang tertentu. Para fuqaha membahagikan rukun *al-Wakālah* kepada 4 rukun iaitu [1] Pewakil [2] Wakil [3] Perkara yang diwakilkan dan [4] Lafaz Kontrak.[47] Pengkaji berpandangan bahawa perkara ini adalah selari dengan perlaksanaan yang dilakukan oleh Nabi SAW kerana berdasarkan kepada Hadith-hadith Nabi SAW juga dapat difahami bahawa dalam perlaksanaan *al-Wakālah* perlunya ada pewakil yang melantik wakil, selain itu perlunya juga wakil yang menerima pelantikan untuk menguruskan urusan yang diwakilkan dan perlu juga kepada perkara atau urusan yang diwakilkan. Sebagai contoh:

---

[45] Surah al-Taubah 9:60
[46] Zulkifli Mohd Yusoff (2011), *Op. Cit.* h. 231.
[47] Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khātib al-Sharbīnī (1997), Op. Cit. j. 2. h. 281. Abd al-Raḥmān bin Muḥammad ʻAud al-Jazīrī (2001), Op. cit. j. 3. h. 124. Wahbah al-Zuhaylī (1999), Op. Cit. j. 5. h. 65.

عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ وَأَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:(( وَاغْدُ يَا أُنَيْسُ إِلَى امْرَأَةِ هَذَا فَإِنْ اعْتَرَفَتْ فَارْجُمْهَا))[48]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Ibn Shihab dari 'Ubaidillah bin 'Abdullah, dari Zaid bin khalid dan Abi Hurairah r.a dari Nabi SAW bersabda: ((Pergilah pagi-pagi wahai Unais kepada isteri orang ini. Apabila dia mengaku maka rejamlah)).*

Dalam Hadith diatas dapat menjelaskan bahawa Nabi SAW adalah merupakan pewakil yang telah mewakilkan kepada Unais untuk bertemu dengan seorang wanita dan sekiranya wanita tersebut mengaku kesalahannya hukuman dijatuhkan kepada wanita tersebut. Di sini jelas bahawa Unais adalah wakil kepada Nabi SAW untuk bertemu dan melaksanakan hukuman rejam kepada wanita tersebut sekiranya dia mengakui kesalahannya.

### 1.3.1 Pewakil/ pemberi wakil (*al-muwakkāl*)

Pewakil merupakan pihak yang meminta bantuan pihak lain untuk melakukan pekerjaan/tugasan atau menjadi wakil bagi pihaknya.[49] Pewakil tersebut mestilah merupakan pemilik atau penjaga atau seorang yang dibenarkan menguruskan perkara yang ingin diwakilkan. Ini bermaksud tidak sah perwakilan sekiranya perkara yang diwakilkan itu bukan hak milik pewakil atau perkara yang tidak dibenarkan kepadanya untuk mengurus.[50]

---

[48] Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāḥīm bin al-Muqīrah bin Bardiẓbah al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Mausū'ah al-Ḥāḍīṭḥ al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī'. h. 181. No hadith: 2314, 2315.

[49] Musṭafā al-khīn et.al. (1996), *al-Fiqh al-Manhajī*, Damsyik: Dar al-'ulum al-Insaniah. j.3, h. 316.

[50] Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2011), *Kewangan Islam Dalam Fiqh Syafi'i*, Kuala Lumpur: IBFIM. h. 550. Lihat juga Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khātib al-Sharbīnī (1997), Op. Cit. j. 2. h. 281.

### 1.3.2 Penerima wakil/wakil (*al-Wakīl*)

Wakil ialah pihak yang menjalankan sesuatu pekerjaan bagi pihak yang lain dengan kebenaran pihak atau pewakil tersebut.[51] Wakil yang menjalankan urusan pewakil diberi kuasa untuk menjalankan apa sahaja perkara yang telah diwakilkan selagi tidak bertentangan dengan syarak dan tidak melanggar syarat semasa akad *al-Wakālah* dilakukan. Selain itu, wakil mestilah seorang yang adil dan amanah apabila melaksanakan sesuatu urusan perwakilan.[52] *Al-Wakālah* ini akan terbatal sekiranya wakil melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pewakil.

### 1.3.3 Perkara yang diwakilkan (*al-muwakkal fīh*)

Perkara yang diwakilkan ini ialah sesuatu urusan yang telah diberikan oleh pewakil kepada wakil untuk dilaksanakan dan bergantung kepada syarat-syarat yang telah dipersetujui. Antara syarat bagi perkara yang diwakilkan ialah[53]:

a. Wakil mestilah diberikan hak untuk menguruskan urusan yang diwakili tersebut semasa pelantikan (akad) berlaku.
b. Urusan/barang yang diwakili mestilah jelas daripada sebarang keraguan di samping tidak melanggar batas syariat Islam.
c. Perkara-perkara yang hendak diwakilkan mestilah perkara-perkara yang boleh diwakilkan kerana perwakilan tidak sah kepada urusan yang tidak boleh diwakilkan.

---

[51] Musṭafā al-khīn et.al. (1996), *Op. Cit.* j.3, h. 316.
[52] Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2011), *Op. Cit.* h. 553. Sayyid Sābiq (t.t), *Op. Cit.* j.3, h. 158.
[53] Wahbah al-Zuhaylī (1985), *Op. Cit.* j. 5. h. 78. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2011), *Op. Cit.* h. 554.

### 1.3.4 *Ṣigḥah* (lafaz kontrak)

Lafaz kontrak merupakan lafaz atau ikrar semasa memberi atau menyerahkan kuasa daripada suatu pihak kepada pihak yang lain.

Ulama Hanafi membahagikan rukun *al-Wakālah* kepada dua bahagian sahaja iaitu ijab dan qabul dan tanpa ijab dan qabul kontrak *al-Wakālah* tidak sah.[54] Sebagai contoh ijab daripada pewakil seperti: "Aku melantik kamu menjadi wakil aku dalam perkara A, atau buatlah anda perkara A, atau aku izinkan anda berbuat begitu dan begini" atau sebagainya. Sementara itu, akad qabul bagi wakil pula ialah " Aku setuju" atau perkataan yang seumpama dengannya.[55] Penerimaan ijab boleh dibuat dalam bentuk isyarat atau pemahaman dan tidak dihadkan hanya kepada bentuk lisan sahaja.[56]

Selain itu, pewakil mestilah mengeluarkan lafaz yang menunjukkan bahawa dia bersetuju dengan kontrak perwakilan tersebut. Hal ini kerana menguruskan hak orang lain tanpa izin atau persetujuan adalah dilarang.[57]

## 1.4 SYARAT-SYARAT *AL-WAKĀLAH*

Syarat sah *al-Wakālah* adalah bergantung kepada syarat-syarat yang yang telah diberikan oleh pewakil kepada wakil dan juga perkara-perkara yang diwakilkan itu.[58] Para fuqaha telah meletakkan syarat-syarat tertentu kepada semua unsur dalam *al-*

---

54 Abd al-Raḥmān bin Muḥammad 'Aud al-Jazīrī (2001), *Op. cit.* j. 3. h. 124-125. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2011), *Op. Cit.* h. 553.
55 Wahbah al-Zuhaylī (1999), *Op. Cit.* j. 5. h. 64. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2011), *Op. Cit.* h. 553. Musṭafā al-Khīn et. al. (2005), *Op. Cit.* j. 7. h. 1813-1814.
56 *Ibid*.
57 *Ibid*.
58 Wahbah al-Zuhaylī (1985), Op. Cit. j. 4. h. 153.

*Wakālah* iaitu syarat kepada pewakil, wakil dan juga syarat bagi perkara yang diwakilkan.

### 1.4.1 Pewakil

Pewakil adalah disyaratkan orang yang berhak dan berkelayakan untuk mengendalikan harta yang hendak diwakilkan.[59] Oleh itu, tidak sah sekiranya pewakil itu merupakan seorang yang gila atau kanak-kanak yang belum *mumayyiz*.[60] Seorang kanak-kanak yang *mumayyiz* hanya boleh melantik wakil dalam perkara-perkara yang bermanfaat sahaja dan sekiranya diberi keizinan oleh walinya seperti dalam urusan jual beli dan sewa menyewa.[61] Bagi ulama Syafi‘i, Maliki dan Hanbali mereka menolak perwakilan yang dilakukan oleh seorang kanak-kanak kerana ia sendiri tidak berupaya dan berkelayakan untuk mengendalikan pekerjaan tersebut.[62]

Selain itu, seorang wanita tidak boleh untuk melantik wanita lain untuk mengikat kontrak perkahwinannya.[63] Menurut pendapat ulama Hanafi, seorang wanita boleh melantik seorang wakil untuk menjalankan akad perkahwinannya.[64] Sementara itu ulama Maliki mengatakan seseorang wanita sah untuk melantik wakil seorang lelaki untuk mengikat kontrak perkahwinannya.[65]

### 1.4.2 Wakil

Wakil yang hendak dilantik mestilah seorang yang berakal. Ulama Syafi‘i, Maliki dan Hanbali berpendapat bahawa tidak sah melantik seorang wakil daripada kanak-

---

[59] Abd al-Raḥmān bin Muḥammad ‘Aud al-Jazīrī (2001), Op. cit. j. 3. h. 125. Wahbah al-Zuhaylī (1985), Op. Cit. j. 4. h. 153.
[60] Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khātib al-Sharbīnī (1997), Op. Cit. j. 2. h. 281.
[61] Wahbah al-Zuhaylī (1985), Op. Cit. j. 4. h. 153.
[62] Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khātib al-Sharbīnī (1997), Op. Cit. j. 2. h. 281.
[63] *Ibid*.
[64] *Ibid*.
[65] *Ibid*.

kanak kerana ianya tidak dipertanggungjawabkan dengan hukum-hukum syara' begitu juga tidak sah perempuan yang diwakilkan melakukan akad perkahwinan kerana ia sendiri tidak berkuasa untuk melakukan perkara itu.[66]

Sementara itu, Ulama Hanafi pula mengatakan sah melantik wakil daripada seorang kanak-kanak yang *mumayyiz*. Bagi kanak-kanak yang belum *mumayyiz* dan orang gila jumhur ulama mengatakan mereka ini tidak boleh dilantik menjadi wakil.[67]

### 1.4.3 Perkara-perkara yang diwakilkan (*Muwakkal Fīh*)

Menurut al-Nawawi antara syarat penting adalah perkara-perkara yang hendak diwakilkan itu mestilah diketahui oleh wakil.[68] Hal ini kerana sekiranya perkara yang hendak diwakilkan itu tidak diketahui oleh wakil dikhuatiri akan berlaku penipuan dan boleh menyebabkan implikasi yang buruk.

Selain itu, perkara-perkara yang diwakilkan itu mestilah sesuatu yang diharuskan syara'. Seseorang wakil dilarang menerima sesuatu pekerjaan yang dilarang atau diharamkan oleh syara'.[69] Sesuatu kontrak *al-Wakālah* pada asalnya adalah harus namun sekiranya dilakukan untuk perkara-perkara yang diketahui mengandungi unsur-unsur yang haram maka hukum pelantikan itu juga adalah tidak sah dan dilarang dalam Islam. Di samping itu, perkara yang hendak diwakilkan

---

[66] Wahbah al-Zuhayli (1985), *Op. Cit*. j. 4, h. 154.
[67] *Ibid*.
[68] Abū Zakaria Yaḥyā bin Sharf al-Nawāwī (2003), *op. cit*., j. 3, h. 527.
[69] Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khātib al-Sharbīnī (1997), *op. cit*. j. 2, h. 221. Abū Zakaria Yaḥyā bin Sharf al-Nawāwī (2003), *op. cit*., j. 3, h. 524.

mestilah hak milik pewakil.[70] Kontrak perwakilan tidak sah sekiranya perkara yang diwakilkan itu bukan hak milik pewakil.

Perwakilan juga mestilah perkara yang diharuskan untuk diwakilkan seperti dalam urusan atau kendalian harta, memungut atau menjelaskan hutang, perkahwinan dan perundangan.[71] Sementara itu, dalam ibadah para ulama mengharuskan perwakilan yang berkaitan dengan penerimaan dan pembayaran harta contohnya seperti pembayaran zakat, kafarah dan sedekah. Selain itu, diharuskan melantik wakil bagi urusan penyembelihan korban dan haji atau umrah dengan syarat pewakil tidak berkemampuan dari sudut fizikal untuk melaksanakan ibadah tersebut.

## 1.5 PEMBAHAGIAN *AL-WAKĀLAH*

### 1.5.1 *Al-Wakālah* Terhad (*Muqayyad*)

Perwakilan terhad bermaksud akad perwakilan yang meletakkan had atau sekatan pada tindakan seseorang wakil melalui syarat-syarat tertentu.[72] Had ini boleh berlaku dalam bentuk keperluan, keadaan dan kemampuan wakil.[73] Ia juga boleh dihadkan kepada individu, masa, tempat dan harga tertentu.[74]. Contohnya seperti kata A kepada B: Aku wakilkan kepada kamu menjual buku ini dengan harga RM 10.00 tunai. Justeru wakil bertanggungjawab untuk melaksanakan tanggungjawabnya sepertimana yang telah ditetapkan oleh pewakil dan tidak dibenarkan membelakangkan kuasa yang diberikan kecuali bagi sesuatu yang difikirkan dapat memberikan faedah dan manfaat yang lebih baik kepada pewakil.[75]

---

[70] *Ibid*. h. 522.
[71] Wahbah al-Zuhayli (1999), *Op. Cit*, j. 5. h. 70.
[72] Mohammad Deen Mohd Napiah (1995), *Op. cit*. h. 65.
[73] *Ibid*.
[74] Musṭafā al-Khīn et. al. (2005), *Op. Cit*. h. 1825.
[75] Mohammad Deen Mohd Napiah (1995), *Op. cit*. h. 65.

### 1.5.2 *Al-Wakālah* Mutlak

Perwakilan mutlak bermaksud pelantikan wakil tanpa mengikat wakil dengan sesuatu dan tidak meletakkan syarat-syarat tertentu dan khusus.[76] Seperti kata A kepada B: “Aku wakilkan kamu untuk menjualkan buku ini”. Dalam hal ini wakil dibenarkan untuk melaksanakan tugas sebagai wakil selagimana mendapat persetujuan daripada pewakil. Menurut pandangan Abu Hanifah dalam perwakilan ini wakil mempunyai kebebasan dalam menguruskan urusan tersebut kerana menurut kaedah asal akad yang mutlak hendaklah dilakukan secara mutlak dan tidak boleh dihadkan.[77] Namun begitu, walaupun wakil bebas melaksanakan sesuatu tugasan mengikut kehendaknya, ia mestilah melaksanakan urusan tersebut mengikut kehendak pewakil dan sentiasa berunding dengan pewakil dari masa ke semasa.[78]

### 1.5.3 Perwakilan dengan upah

Pelantikan wakil dengan upah adalah dibenarkan dalam muamalah Islam. Ini berdasarkan kepada beberapa Hadith yang menunjukkan bahawa Nabi SAW sendiri membenarkan dan memberi upah atau ganjaran kepada wakil, sepertimana dalam Hadith:

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ خَالِدٍ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ يَزِيدَ عَنْ أَبِي الْخَيْرِ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَاهُ غَنَمًا يَقْسِمُهَا عَلَى صَحَابَتِهِ فَبَقِيَ عَتُودٌ فَذَكَرَهُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: ضَحِّ بِهِ أَنْتَ[79]

**Terjemahan Hadith**: *‘Amru bin Khalid telah menceritakan kepada kami, al-Laith telah menceritakan kepada kami, dari Yazid, dari Abi al-Khair, dari ‘Uqbah bin ‘Amir r.a. bahawa Nabi SAW memberikannya kambing untuk dibahagikan kepada para sahabatnya. Lalu bakinya kambing kecil, maka beliau menceritakan kepada Nabi SAW dan baginda bersabda: Korbankanlah ia untukmu.*

---

[76] Wahbah al-Zuhayli (1985), *Op. Cit.* j. 4. h. 156. Musṭafā al-Khīn et. al. (2005), *Op. Cit.* h. 1824.
[77] Wahbah al-Zuhayli (1985), *Op. Cit.* j. 4. h. 156.
[78] Mohammad Deen Mohd Napiah (1995), *Op. cit.* h. 64.
[79] Muḥammad bin Isma‘īl bin Ibrāḥīm bin al-Muqīrah bin Bardiẓbah al-Bukhārī (2000), *Op. Cit.* h. 179. No. hadith: 2300.

Dalam Hadith ini Nabi SAW telah mewakilkan kepada ‘Uqbah bin ‘Amir untuk membahagikan kambing dan baki kambing tersebut telah diberikan kepada beliau untuk dikorbankan. Pemberian ini adalah satu bentuk upah yang diberikan kepada ‘Uqbah bin ‘Amir. Begitu juga dengan upah yang diberikan kepada amil-amil zakat adalah dalam bentuk upah sebagai ganjaran kepada kerja yang dilakukan.[80] Begitu juga dalam Hadith yang dikemukakan oleh al-Rafi‘i dalam *Talkhīs al-Ḥabīr*:

أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَّلَ السُّعَاةَ لِأَخْذِ الصَّدَقَاتِ[81]

**Terjemahan Hadith:** “*Nabi SAW mengutuskan al-Su‘at untuk memungut zakat*”

Nabi SAW mengutuskan para pegawai zakat dan memberikan kepada mereka upah.[82] Kontrak perwakilan dengan upah adalah dibenarkan syara’ dan sekiranya kontrak *wakālah* dengan ganjaran diadakan maka wakil adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas tersebut dengan sebaiknya. Konsep ini adalah sama dengan kontrak *al-Ijārah*.[83]

Selain itu, wakil tidak boleh menarik diri atau melanggar kontrak seandainya telah menerima ganjaran dan perlu menyelesaikan tugas tersebut sehingga selesai ataupun sehingga tamat tempoh perjanjian selagimana tidak mengalami keuzuran yang menyebabkannya tidak mampu melaksanakan tanggungjawab tersebut.[84]

---

[80] Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2011), *Op. Cit*. h. 576.
[81] Ahmad bin ‘Ali Bin Hajar al-Asqalani (1995), *Talkhis al-Habir Fi Takhrij Ahadith al-Rafi‘i al-Kabir*, Dar al-Misykat. j. 3. h. 111.
[82] Wahbah al-Zuhayli (1985), *al-Fiqh al-Islami wa adillatuh*, Damsyik: Dar al-Fikr. j. 4. h. 151.
[83] Mohammad Deen Mohd Napiah (1995), *Op. cit*. h. 70. Lihat juga Wahbah al-Zuhayli (1985), *Op. Cit.* j. 4. h. 151.
[84] Wahbah al-Zuhayli (1985), *Op. Cit.* j. 4. h. 151.

### 1.5.4 Perwakilan tanpa upah

Perlaksanaan *al-Wakālah* juga boleh dilakukan secara sukarela tanpa sebarang upah atau ganjaran dan ianya adalah merupakan satu bentuk ihsan dan *ta'awun* yang sangat digalakkan dalam Islam.[85] Perkara ini berdasarkan kepada petunjuk daripada Nabi SAW yang ada ketika mewakilkan urusannya tanpa menyatakan sebarang ganjaran. Contoh dalam Hadith riwayat Jabir bin ‘Abd Allah:

عَنِ ابْنِ إِسْحَاق ، عَنْ أَبِي نُعَيْمٍ وَهْبِ بْنِ كَيْسَانَ ، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ : " أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى خَيْبَرَ، فَأَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ فَسَلَّمْتُ عَلَيْهِ، وَقُلْتُ لَهُ : إِنِّي أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى خَيْبَرَ، فَقَالَ : إِذَا أَتَيْتَ وَكِيلِي فَخُذْ مِنْهُ خَمْسَةَ عَشَرَ وَسْقًا، فَإِنِ ابْتَغَى مِنْكَ آيَةً، فَضَعْ يَدَكَ عَلَى تَرْقُوَتِهِ "[86]

**Terjemahan Hadith**: *Daripada Ibn Ishaq, Dari Abi Nu‘aim Wahb bin Kaisan, Dari Jabir bin Abd Allah,berkata: Aku ingin keluar ke Khaibar, maka aku pun bertemu dengan Rasullullah SAW dan aku berkata kepadanya sesungguhnya aku ingin keluar ke Khaibar lalu Baginda bersabda: apabila engkau bertemu dengan wakilku di negeri Khaibar maka ambillah olehmu daripadanya lima belas wasq dan apabila dia meminta bukti (tanda) maka letakkanlah tanganmu pada pada tulang bahunya".*

Dalam konteks semasa perwakilan tanpa upah sering berlaku dalam kehidupan kita kerana sebagai manusia kita tidak mampu melakukan semua perkara dalam masa-masa tertentu dan keterbatasan kemahiran dalam perkara tertentu. Menurut pandangan Maliki, Hanbali dan Hanafi wakil bebas untuk meneruskan kerja atau melepaskan dirinya pada bila-bila masa sahaja.[87]

## 1.6 PENAMATAN KONTRAK *AL-WAKĀLAH*

*Al-Wakālah* adalah kontrak yang melibatkan hubungan dua hala iaitu antara pewakil dan wakil. Oleh kerana itu, para fuqaha berpandangan bahawa kontrak ini mempunyai hadnya bergantung kepada masa, tempat dan keadaan. Berdasarkan kepada definisi yang diberikan iaitu penyerahan sesuatu pekerjaan yang mampu dilaksanakan sendiri dan boleh diwakilkan kepada orang lain dengan lafaz tertentu

[85] Mohammad Deen Mohd Napiah (1995), *Op. cit.* h. 70.
[86] Abū Dawūd Sulaimān bin al-Ash'āb bin Isḥāq al-Aẓdī al-Sajastānī (2000), *Op. Cit.* h. 1492.
[87] Wahbah al-Zuhayli (1985), *Op. Cit.* j. 4. h. 151.

(akad) untuk dilaksanakan dalam tempoh hayatnya.[88] Justeru, para fuqaha telah memberikan beberapa garis panduan dalam perkara ini.

Antara perkara yang menyebabkan berakhirnya kontrak *al-Wakālah* iaitu apabila perkara yang diwakilkan telah selesai dilaksanakan oleh wakil. Hal ini kerana setelah urusan atau pekerjaan yang diwakilkan telah selesai dilaksanakan maka tiada lagi urusan antara pewakil dengan wakil dan berakhirnya perwakilan antara kedua-dua belah pihak.[89]

Selain itu, ianya juga berakhir apabila pewakil melucutkan keahlian wakil atau pewakil menarik semula urusan yang diwakilkan daripada wakilnya berdasarkan sebab-sebab yang tertentu dan mestilah tidak melanggari segala syarat semasa akad dilakukan.[90]

Di samping itu, kontrak *al-Wakālah* boleh berakhir apabila salah satu pihak daripada pewakil atau wakil hilang keupayaan seperti perkara yang diwakilkan tidak lagi menjadi pemilik pewakil atau bukan lagi dibawah jagaannya. Begitu juga sekiranya wakil hilang keupayaan untuk menguruskan urusan yang diwakilinya seperti meninggal dunia atau gila yang berterusan kerana untuk menjadi wakil mestilah pihak yang mampu untuk menguruskan perkara yang diwakili.[91]

---

[88] Mustafa al-Khin et. al. (2005), *Op. Cit.* j. 7, h. 1805. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2011), *Op. Cit.* h. 584

[89] Wahbah al-Zuhayli (1985), *Op. Cit.* j. 4. h. 165. Mustafa al-Khin et. al. (2005), *Op. Cit.* j. 7, h. 1845. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2011), *Op. Cit.* h. 586.

[90] Wahbah al-Zuhayli (1985), *Op. Cit.* j. 4. h. 166. Mustafa al-Khin et. al. (2005), *Op. Cit.* j. 7, h. 1845. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2011), *Op. Cit.* h. 586.

[91] Wahbah al-Zuhayli (1985), *Op. Cit.* j. 4. h. 165. Sayyid Sābiq (t.t), *Op. Cit.* j.3, h. 160. Ahcene Lahsasna (2010), *Q&A In Islamic Finance*, Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn. Bhd. h. 158.

Sekiranya wakil menarik diri daripada melakukan urusan yang diwakilkan atau enggan menerus tugasnya kontrak *al-Wakālah* dikira terbatal.[92] Khususnya sekiranya kontrak tersebut tidak melibatkan ganjaran (*al-Ajr*) maka wakil boleh melepaskan urusan yang diwakilinya pada bila-bila masa sahaja kerana kontrak ini tidak mengikatnya.

## 1.7 MAQASID SYARI‘AH DALAM PENSYARIATAN *AL-WAKĀLAH*

Seterusnya pengkaji akan membahaskan berkaitan maqasid Syari‘ah dalam pensyariatan *al-Wakālah* kerana berdasarkan penelitian pengkaji, perlaksanaan *al-Wakālah* memberikan manfaat yang besar kepada manusia dan merupakan keluasan rahmat Allah khusus kepada umat Islam sepertimana dalam Firmannya: [93]

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ ١٠٧

**Terjemahan Ayat:** “*dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam*”[94]

Menurut Dr Wahbah al-Zuhayli maqasid Syari‘ah ialah makna-makna dan matlamat (objektif) yang dikehendaki syara‘ dalam semua hukum-hukum atau kebanyakannya. Ianya juga adalah tujuan daripada penetapan syari‘ah dan rahsia yang terkandung dalam setiap penetapan hukum syara‘ yang ditetapkan oleh Allah SWT. Selain itu, maqasid al-Syari‘ah juga bermaksud tujuan, natijah atau maksud yang dikehendaki oleh syarak melalui sumber dalil menerusi al-Qur’an dan Sunnah.[95] Lima perkara asas dalam maqasid Syari‘ah iaitu memelihara agama,

---

[92] *Ibid*. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2011), *Op. Cit.* h. 584-585.

[93] Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain (2007), *Maqasid al-Syari‘ah Hikmah di Sebalik Pensyariatan*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd. h. 26.

[94] Surah al-Anbiya’ 21: 107.

[95] Ziyād Muḥammad Ahmīdān Dr. (2008), *Maqāṣid al-Syarī‘ah al-Islamiyyah Dirāsah Uṣuliyyah wa Taṭbīqāt Fiqhiyyah*, Beirut: Muasasah al-Risalah Nashirun. h. 19.

nyawa, akal, keturunan dan harta.[96] Perlaksanaan *al-Wakālah* memberikan *maslahah* yang besar kepada umat Islam bagi memelihara kelima-lima elemen dalam maqasid Syari‘ah.

*Al-Wakālah* dalam muamalah memberikan ruang yang luas kepada umat Islam khususnya bagi memelihara harta. Dengan wujudnya kontrak *al-Wakālah* membolehkan sesuatu pihak yang tidak berkemampuan untuk mewakilkan urusannya kepada pihak lain yang akan dapat melaksanakan urusan tersebut dengan lebih baik. Selain itu, melalui *al-Wakālah* sesuatu pihak akan dapat mengurangkan beban tugasannya apabila ia dapat memberikan tugas tersebut kepada wakilnya.[97] Kontrak *al-Wakālah* juga akan dapat mengatasi masalah kesuntukan masa bagi sesuatu pihak kerana dapat melantik wakil menyelesaikan pekerjaannya dalam jangkamasa tertentu. Sekiranya dilihat dalam perniagaan pada hari ini, pelantikan wakil memberikan banyak faedah kepada sesebuah syarikat. Hal ini kerana dengan melantik wakil jualan, sesebuah syarikat itu akan dapat memasarkan produknya dengan lebih meluas sekaligus dapat meningkat produktiviti mereka.

Begitu juga dalam aspek ibadah demi memelihara agama, pensyariatan *al-Wakālah* memberikan keringanan kepada umat Islam untuk melakukan ibadah seperti wakil untuk membayar zakat, melaksanakan ibadah korban, melakukan badal haji dan sebagainya. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

ۚ وَمَا جَعَلَ عَلَيۡكُمۡ فِي ٱلدِّينِ مِنۡ حَرَجٖۚ ﴿٧٨﴾

---

[96] Abdul Munir Yaacob, Dr. (2000), *Maqāṣid Shari‘ah: Konsep dan Hubungannya Dengan Nilai-nilai Semasa di Malaysia dalam Menentukan Hukum*. Dalam Faizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad (2000), *Fiqh Malaysia Kearah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. h. 168.
[97] Mustafa al-Khin et. al. (2005), *Op. Cit.* j. 7. h. 1806.

**Terjemahan Ayat**: "*Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama,*"[98]

Ini juga dapat menonjolkan Islam sebagai sebuah agama yang bersesuaian dengan fitrah dan fleksibel dalam perlaksanaan ibadahnya.[99]

Selain itu, perlaksanaan *al-Wakalah* dalam urusan perkahwinan telah memberikan ruang kepada muslimah yang tidak mempunyai wali dapat melaksanakan pernikahan dengan melantik wakil wali (wali hakim). Begitu juga sekiranya wali tidak berkemampuan untuk melaksanakan akad nikah memerlukan kepada wakil untuk melaksanakan urusan tersebut. Justeru, ianya dapat membawa kepada *maslahah* untuk memelihara kelangsungan keturunan.

*Al-Wakalah* dalam perundangan Islam mempunyai tujuan yang amat besar. Selain daripada dapat memastikan tertegaknya keadilan dalam sistem perundangan, *al-Wakalah* membawa kepada perkembangan perundangan Islam dengan terlantiknya hakim-hakim yang berkaliber untuk melaksanakan hukum-hukum Islam. Di samping itu, pelantikan peguam juga dapat memastikan berlakunya proses perbicaraan yang adil. Ianya mempunyai maqasid yang besar dalam memelihara agama, nyawa, keturunan, akal dan harta.

## 1.8 KESIMPULAN

Secara umumnya, *al-Wakālah* adalah kontrak yang diharuskan dalam Islam sebagai satu *rukhṣah* yang memberikan banyak kemudahan kepada urusan kehidupan umat Islam. Hal ini kerana sebagai manusia tidak dapat melakukan semua perkara dalam

---

98 Surah al-Hajj 22: 78.

99 Mohd Asri Abdullah et.al. (2006), *Prinsip-prinsip Asas Islam*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UITM. h. 38.

satu-satu masa. Justeru, aspek perwakilan amat diperlukan sebagai pihak kedua untuk menguruskan sesuatu urusan. Terutamanya dalam dunia hari ini, perlaksanaan perwakilan ini telah menjadi satu medium utama dalam industri khususnya industri kewangan. Namun begitu, perlaksanaaannya haruslah berlandaskan kepada kepada syariat Islam sepertimana yang terdapat dalam al-Qur’an dan al-Sunnah. Dalam kajian ini, jelas bahawa kontrak *al-Wakālah* dibincangkan oleh para ulama khususnya mengenai rukun-rukunnya, syarat-syarat dan sebagainya. Ini bertujuan untuk memastikan perlaksanaan *al-Wakālah* menepati kehendak syariat Islam. Di samping itu, pengkaji mendapati kontrak *al-Wakālah* juga mempunyai maqasid yang besar kepada umat Islam dalam melaksanakan tugas sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi. Seterusnya dalam bab kedua pengkaji akan mengemukakan Hadith-hadith berkaitan *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah*.

# BAB 2: HADITH-HADITH *AL-WAKĀLAH* DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*

## 2.1 PENDAHULUAN

Dalam bab yang kedua ini, pengkaji akan mengemukakan teks-teks Hadith *al-Wakālah* yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah*. Justeru, sebagai kajian yang berlandaskan kepada kajian tematik (*mawḍū'ī*), maka kajian ini perlu untuk mengemukakan Hadith berkaitan *al-Wakālah* dalam satu topik. Pengkaji mengumpulkan Hadith-hadith berdasarkan kepada beberapa kaedah iaitu yang pertama ialah dengan merujuk kepada pengkelasan yang telah dikemukakan oleh *Muḥaddithīn* dalam karya-karya mereka mengikut topik sama ada dalam satu kitab atau bab khusus iaitu *al-Wakālah*. Kajian ini hanya diskopkan terhadap karya dalam *al-Kutub al-Sittah* sahaja. Kaedah kedua adalah dengan merujuk kepada pengkelasan Hadith berdasarkan topik dalam karya-karya yang mengumpulkan Hadith berkaitan dalam topik khusus seperti *Bulūqh al-Marām*[100]dan *Talkhīs al-Ḥabīr*[101] karya Imam Ibn Ḥajar al-'Asqalānī. Selain itu, pengkaji juga merujuk kepada *Miftāḥ Kunūz al-Sunnah*[102] kerana karya ini disusun berdasarkan topik (*mawḍū'ī*) dan merupakan salah satu daripada kaedah *takhrīj Ḥadīth*. Hadith-hadith yang akan dipilih oleh pengkaji adalah Hadith yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* sahaja. Bagi Hadith-hadith yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* pengkaji tidak mengemukakan darjat Hadith kerana Hadith-hadith yang terdapat dalam kedua-dua karya ini telah disepakati sahih oleh para *Muḥaddithīn* dan hanya akan mengemukakan darjat bagi Hadith dari karya selain keduanya sahaja.

---

[100] Aḥmād bin 'Alī Bin Ḥajār al-'Asqalānī (2003), *Bulūqh al-Marām Min Adillati al-Aḥkām*, Makkah al-Mukarramah: Maktabah Niẓar Muṣṭafā al-Bāz. h. 148.
[101] Aḥmād bin 'Alī Bin Ḥajār al-'Asqalānī (1995), *Op. Cit*. h. 111-114.
[102] Arandjen Wensink, Dr (1978), *Miftāḥ Kunūẓ al-Sunnah*, Idārah Tarjuman al-Sunnah. h. 534.

## 2.2 HADITH-HADITH *AL-WAKĀLAH* DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*

Berdasarkan kepada kaedah pemilihan Hadith seperti yang telah dinyatakan di atas, pengkaji mengemukakan 23 teks Hadith *al-Wakālah* iaitu 20 Hadith daripada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dengan 19 Hadith daripada *Kitab al-Wakālah*, dan satu Hadith dalam *Kitāb al-Ḥājj*. Satu Hadith daripada *Ṣaḥīḥ Muslim* daripada *Kitāb al-Zakāt*. Dua Hadith daripada *Sunan Abū Dāwūd* iaitu satu daripadanya dalam *Bāb al-Wakālah* dan satu daripada *Kitāb Nikāḥ*. Hadith-hadith ini turut berulang dalam karya yang lain sepertimana yang akan dinyatakan dalam sumber Hadith. Di samping itu, pengkaji juga mengemukakan Hadith beserta dengan terjemahan dan juga sumber Hadith yang bertujuan untuk mengetahui taburan kedudukan Hadith-hadith ini dalam *al-Kutub al-Sittah*.

### Hadith 1

### Teks Hadith

عَنْ مُجَاهِدٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي لَيْلَى عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ أَتَصَدَّقَ بِجِلاَلِ الْبُدْنِ الَّتِي نُحِرَتْ وَبِجُلُودِهَا.[103]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Mujāhid dari ʻAbd al-Rahman Bin Abī Lailā dari ʻAlī r.a, dia berkata: Rasulullah memerintahkan aku untuk bersedekah dengan "jilāl" (kain) unta yang aku sembelih berserta dengan kulit-kulitnya.*

### Sumber Hadith

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bab [ **وَكَالَةُ الشَّرِيكِ الشَّرِيكَ فِي الْقِسْمَةِ وَغَيْرِهَا وَقَدْ أَشْرَكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلِيًّا فِي هَدْيِهِ ثُمَّ أَمَرَهُ بِقِسْمَتِهَا**], no. Hadith: 2299. Kitab al-Ḥajj, Bab [**الْجِلَالِ لِلْبُدْنِ**], no Hadith: 1707. Kitāb al-Ḥajj, Bab [ **لَا يُعْطَى**

[103] Muḥammad bin Ismāʻīl bin Ibrāḥīm bin al-Muqīrah bin Bardiẓbah al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Mausūʻah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzīʻ. h. 179. No. hadith: 2299

[الْجَزَّارُ مِنْ الْهَدْيِ شَيْئًا], no. Hadith: 1716. Kitāb al-Ḥajj, Bab [يُتَصَدَّقُ بِجُلُودِ الْهَدْيِ], no. Hadith: 1717. Kitāb al-Hājj, Bab [يُتَصَدَّقُ بِجِلَالِ الْبُدْنِ], no. Hadith: 1718.

2. Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Ḥajj, Bāb [فِي الصَّدَقَةِ بِلُحُومِ الْهَدْيِ وَجُلُودِهَا وَجِلَالِهَا], no. Hadith: 3180, 3181, 3182, 3183, 3184.
3. Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Manāsik, Bāb [كَيْفَ تُنْحَرُ الْبُدْنُ], no. Hadith: 1769.
4. Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Manāsik, Bab [مَنْ جَلَّلَ الْبَدَنَةَ], no. Hadith: 3099. Kitāb al-Aḍāḥī, Bab [جُلُودِ الْأَضَاحِيِّ], no. Hadith: 3157.

Berdasarkan pencarian pengkaji Hadith ini dibincangkan 9 kali dalam *al-Kutub al-Sittah*. Dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Hadith ini turut dibincangkan dalam kitab haji selain daripada kitab *al-Wakālah*. Selain itu, Hadith turut dibincangkan dalam kitab sunan yang lain seperti *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd* dan selainnya seperti diatas.

Walaupun secara umumnya didapati bahawa Hadith ini menceritakan tentang perintah Nabi SAW kepada Ali r.a. untuk bersedekah dengan kulit unta namun dalil kepada perbahasan *al-Wakālah* dapat dilihat daripada Hadith yang didatangkan oleh Imam al-Bukhārī secara *mu'allaq* dalam tarjamah bab beliau iaitu Hadith :

"وَقَدْ أَشْرَكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلِيًّا فِي هَدْيِهِ ثُمَّ أَمَرَهُ بِقِسْمَتِهَا"[104]

**Terjemahan Hadith**: " *Nabi SAW. telah menjadikan Ali r.a. rakan kongsinya dalam haiwan korbannya, kemudian baginda memerintahkannya untuk membahagikan daging haiwan korban tersebut*".

Hadith ini dapat menjelaskan lagi tujuan al-Bukhari dalam membincangkan perihal *al-Wakālah* dalam masalah pembahagian.

[104] Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāḥīm bin al-Muqīrah bin Bardiẓbah al-Bukhārī (2000), *Op. Cit.* h. 179.

### Hadith 2

### Teks Hadith

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَاهُ غَنَمًا يَقْسِمُهَا عَلَى صَحَابَتِهِ فَبَقِيَ عَتُودٌ فَذَكَرَهُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ:((ضَحِّ بِهِ أَنْتَ)).[105]

**Terjemahan Hadith**: *Dari ‘Uqbah bin ‘Āmir r.a. bahawa Nabi SAW memberikan kambing kepadanya untuk dibahagikan kepada para sahabatnya. Terdapat lebihan kambing kecil, lalu diceritakan kepada Nabi SAW dan baginda bersabda: ((Korbankan ia untuk mu)).*

### Sumber Hadith

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bāb [ وَكَالَةُ الشَّرِيكِ الشَّرِيكَ فِي الْقِسْمَةِ وَغَيْرِهَا وَقَدْ أَشْرَكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلِيًّا فِي هَدْيِهِ ثُمَّ أَمَرَهُ بِقِسْمَتِهَا], no. Hadith: 2300. Kitāb al-Sharikah, Bāb [قِسْمَةِ الْغَنَمِ وَالْعَدْلِ فِيهَا], no Hadith: 2500. Kitāb al-Aḍāḥī, Bab [ قِسْمَةِ الْإِمَامِ الْأَضَاحِيَّ بَيْنَ النَّاسِ], no Hadith: 5547. Kitāb al-Aḍāḥī, Bāb [ فِي أُضْحِيَّةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَبْشَيْنِ أَقْرَنَيْنِ], no Hadith: 5555.
2. Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Aḍāḥī, Bāb [سِنِّ الْأُضْحِيَّةِ], no Hadith: 5084, 5085, 5086.
3. Jāmi’ al-Tirmidhī, Kitāb al-Aḍāḥī, Bāb [مَا جَاءَ فِي الْجَذَعِ مِنْ الضَّأْنِ فِي الْأَضَاحِيِّ], no Hadith: 1500.
4. Sunan al-Nasā’ī, Kitāb al-Ḍaḥāyā, Bāb [الْمُسِنَّةُ وَالْجَذَعَةُ], no Hadith: 4384, 4385,4386.
5. Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Aḍāḥī, Bāb [مَا تُجْزِئُ مِنْ الْأَضَاحِيِّ], no Hadith: 3138.

Hadith ini merupakan Hadith kedua yang dibincangkan oleh al-Bukhārī dalam bab melantik wakil dalam pembahagian dan selainnya. Sekiranya diteliti, Hadith ini

---

[105] *Ibid.* No hadith: 2300.

banyak dibincangkan dalam bab penyembelihan korban dalam karya-karya *al-Kutub al-Sittah*.

Jelas dalam Hadith ini, perintah Nabi SAW kepada ‘Uqbah bin ‘Āmir r.a. untuk membahagikan haiwan korban tersebut dapat dijadikan dalil dalam keharusan untuk melantik wakil dalam urusan pembahagian dan sebagainya. Berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji, Hadith ini banyak diambil oleh fuqaha sebagai dalil pensyariatan *al-Wakālah*.

**Hadith 3**

**Teks Hadith**

عَنْ صَالِحِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ:كَاتَبْتُ أُمَيَّةَ بْنَ خَلَفٍ كِتَابًا بِأَنْ يَحْفَظَنِي فِي صَاغِيَتِي بِمَكَّةَ، وَأَحْفَظَهُ فِي صَاغِيَتِهِ بِالْمَدِينَةِ، فَلَمَّا ذَكَرْتُ الرَّحْمَنَ قَالَ:لَا أَعْرِفُ: الرَّحْمَنَ، كَاتِبْنِي بِاسْمِكَ الَّذِي كَانَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ، فَكَاتَبْتُهُ: عَبْدَ عَمْرٍو، فَلَمَّا كَانَ فِي يَوْمِ بَدْرٍ خَرَجْتُ إِلَى جَبَلٍ لِأُحْرِزَهُ حِينَ نَامَ النَّاسُ، فَأَبْصَرَهُ بِلَالٌ فَخَرَجَ حَتَّى وَقَفَ عَلَى مَجْلِسٍ مِنْ الْأَنْصَارِ، فَقَالَ:أُمَيَّةُ بْنُ خَلَفٍ، لَا نَجَوْتُ إِنْ نَجَا أُمَيَّةُ، فَخَرَجَ مَعَهُ فَرِيقٌ مِنْ الْأَنْصَارِ فِي آثَارِنَا، فَلَمَّا خَشِيتُ أَنْ يَلْحَقُونَا خَلَّفْتُ لَهُمْ ابْنَهُ لِأَشْغَلَهُمْ، فَقَتَلُوهُ ثُمَّ أَبَوْا حَتَّى يَتْبَعُونَا، وَكَانَ رَجُلًا ثَقِيلًا، فَلَمَّا أَدْرَكُونَا قُلْتُ لَهُ: ابْرُكْ، فَبَرَكَ فَأَلْقَيْتُ عَلَيْهِ نَفْسِي لِأَمْنَعَهُ فَتَخَلَّلُوهُ بِالسُّيُوفِ مِنْ تَحْتِي [حَتَّى] قَتَلُوهُ، وَأَصَابَ أَحَدُهُمْ رِجْلِي بِسَيْفِهِ. وَكَانَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ يُرِينَا ذَلِكَ الأَثَرَ فِي ظَهْرِ قَدَمِهِ.

قَالَ أَبُو عَبْد اللَّهِ: سَمِعَ يُوسُفُ صَالِحًا وَإِبْرَاهِيمُ أَبَاهُ. [106]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Ṣāliḥ bin Ibrāhīm bin ‘Abd al-Raḥman bin ‘Aūf dari Bapanya dari Datuknya, ‘Abd al-Raḥman bin ‘Aūf r.a. berkata: Aku menulis perjanjian dengan Umayyah bin Khalaf agar menjaga milik peribadiku di Makkah dan aku menjaga milik peribadinya di Madinah. Apabila aku menyebut ‘al-Raḥman’, dia berkata: Aku tidak mengenali ‘al-Raḥman’. Tulislah perjanjian bersamaku dengan menggunakan namamu pada masa Jahiliyyah, Maka aku menuliskan*

[106] *Ibid.* no. hadith: 2301.

*untuknya ‘Abd ‘Amrū. Ketika peristiwa Badar, aku keluar ke bukit untuk melindunginya ketika manusia sedang tidur namun Bilāl melihatnya, maka dia keluar dan berhenti di sekelompok orang-orang Anṣār, dia berkata: Umayyah bin Khalaf, aku tidak akan selamat apabila Umayyah selamat, lalu sekelompok kaum Anṣār keluar bersamanya mengikuti kami. Ketika aku khuatir mereka akan mengekori kami, aku meninggalkan anaknya untuk menyibukkan mereka, lalu mereka membunuhnya. Kemudian mereka terus mengikuti kami, sedangkan Umayyah adalah seorang yang gemuk. Apabila mereka telah merapati kami, aku berkata kepadanya: Berlututlah, lalu dia berlutut dan aku merebahkan diriku untuk melindunginya. Namun mereka menikam pedang dari arah bawahku hingga mereka membunuhnya. Salah seorang mereka mencederakan kakiku dengan pedangnya. ‘Abd al-Raḥman bin ‘Aūf menunjukkan kepada kami kesan yang ada di belakang kakinya.*

**Sumber Hadith**

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bāb [ **إِذَا وَكَّلَ الْمُسْلِمُ حَرْبِيًّا فِي دَارِ الْحَرْبِ أَوْ فِي دَارِ الْإِسْلَامِ جَازَ**], no Hadith: 2301. Kitāb al-Maghāzī, Bab [ **قَتْلِ أَبِي جَهْلٍ**] no. Hadith: 3971.

Hadith ini hanya dikemukakan oleh al-Bukhārī sahaja dalam *al-Kutub al-Sittah* seperti sumber Hadith di atas. Ianya menceritakan kisah yang berlaku semasa perang Badar namum secara umumnya ianya dapat menjadi dalil kepada keharusan untuk melantik wakil dari kalangan bukan Islam dalam urusan penjagaan harta dan selainnya.

**Hadith 4**

**Teks Hadith**

عَنْ عَبْدِ الْمَجِيدِ بْنِ سُهَيْلِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ وَأَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا عَلَى خَيْبَرَ فَجَاءَهُمْ بِتَمْرٍ جَنِيبٍ فَقَالَ:(( أَكُلُّ

تَمْرِ خَيْبَرَ هَكَذَا؟)) فَقَالَ: إِنَّا لَنَأْخُذُ الصَّاعَ مِنْ هَذَا بِالصَّاعَيْنِ، وَالصَّاعَيْنِ بِالثَّلَاثَةِ فَقَالَ: ((لَا تَفْعَلْ بِعْ الْجَمْعَ بِالدَّرَاهِمِ ثُمَّ ابْتَعْ بِالدَّرَاهِمِ جَنِيبًا))، وَقَالَ فِي الْمِيزَانِ مِثْلَ ذَلِكَ.[107]

**Terjemahan Hadith**: *Dari ʻAbd al-Majīd bin Suhail bin ʻAbd al-Raḥman bin ʻAūf menceritakan kepada kami, dari Saʻīd bin al-Musayyab dari Abī Saʻīd al-Khudrī dan Abī Hurairah r.a. dari keduanya: Sesungguhnya Rasulullah SAW menugaskan seorang lelaki di Khaibar, lalu dia datang kepada mereka dengan membawa kurma baik kualitinya, lalu Nabi SAW bertanya: ((Apakah semua kurma Khaibar seperti ini?)).Lelaki itu berkata: Sesungguhnya kami menukarkan satu al- Ṣāʻ dengan dua al-Ṣāʻ, dan dua al-Ṣāʻ dengan tiga al-Ṣāʻ. Lagi Baginda bersabda:((Jangan lakukan seperti itu, juallah kurma itu dengan dirham, kemudian belilah kurma yang berkualiti dengan dirham tersebut)), dan baginda berkata dalam timbangan juga seperti itu.*

**Sumber Hadith**

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bāb [ **الْوَكَالَةِ فِي الصَّرْفِ وَالْمِيزَانِ وَقَدْ وَكَّلَ عُمَرُ وَابْنُ عُمَرَ فِي الصَّرْفِ**], no Hadith: 2302, 2303. Kitāb al-Maghāzī, Bāb [ **اسْتِعْمَالِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أَهْلِ خَيْبَرَ**], no Hadith: 4246,4247. Kitāb al-Buyūʻ, Bab [**إِذَا أَرَادَ بَيْعَ تَمْرٍ بِتَمْرٍ خَيْرٍ مِنْهُ**], no Hadith 2201,2202. Kitāb al-Buyūʻ, Bāb [ **بَيْعِ الْخِلْطِ مِنْ التَّمْرِ**], no Hadith: 2080. Kitāb al-Iʻtiṣām, [ **إِذَا اجْتَهَدَ الْعَامِلُ أَوْ الْحَاكِمُ فَأَخْطَأَ خِلَافَ الرَّسُولِ مِنْ غَيْرِ عِلْمٍ فَحُكْمُهُ مَرْدُودٌ لِقَوْلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ**], 7350, 7351.
2. Ṣaḥīḥ Muslim, Kitab al-Musāqah, Bāb [ **بَيْعِ الطَّعَامِ مِثْلًا بِمِثْلٍ**], no Hadith: 4081, 4082, 4087.
3. Sunan al-Nasāʼī, Kitāb al-Buyūʻ, Bāb [**بَيْعُ التَّمْرِ بِالتَّمْرِ مُتَفَاضِلًا**], no Hadith: 4557, 4558, 4559, 4560.
4. Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Tijārat, Bāb [ **الصَّرْفِ وَمَا لَا يَجُوزُ مُتَفَاضِلًا يَدًا بِيَدٍ**], no Hadith: 2256.

[107] *Ibid*. no. hadith: 2302,2303.

Hadith ini di nyatakan sebanyak 8 kali dalam *al-Kutub al-Sittah* terutamanya dalam bab jual beli. Secara amnya hadith ini menceritakan tentang tatacara untuk melaksanakan jual beli. Selain itu, al-Bukhari turut menambah dalam tarjamah bab beliau satu hadith yang lain bagi menjelaskan bahawa melantik wakil dalam urusan jual beli emas dan perak juga diharuskan iaitu:

"وَقَدْ وَكَّلَ عُمَرُ وَابْنُ عُمَرَ فِي الصَّرْفِ"[108]

**Maksud hadith**: " *Umar dan Ibn Umar telah mewakilkan dalam masalah emas dan perak*"

Menurut Ibn Munẓir, para ulama telah sepakat bahawa melantik wakil bagi urusan jual beli emas dan perak diharuskan.[109] Selan itu, Hadith ini juga menjelaskan mengenai hukum berkaitan timbangan dan menurut al-Dawudi tidak dibenarkan menukar kurma dengan kurma melainkan tukaran dan timbangannya sama.[110] Perbincangan ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam bab ketiga.

**Hadith 5**

**Teks Hadith**

عَنْ نَافِعٍ: أَنَّهُ سَمِعَ ابْنَ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ يُحَدِّثُ عَنْ أَبِيهِ أَنَّهُ كَانَتْ لَهُمْ غَنَمٌ تَرْعَى بِسَلْعٍ، فَأَبْصَرَتْ جَارِيَةٌ لَنَا بِشَاةٍ مِنْ غَنَمِنَا مَوْتًا فَكَسَرَتْ حَجَرًا فَذَبَحَتْهَا بِهِ، فَقَالَ لَهُمْ: لَا تَأْكُلُوا حَتَّى أَسْأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْ أُرْسِلَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ يَسْأَلُهُ، وَأَنَّهُ سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَاكَ أَوْ أَرْسَلَ فَأَمَرَهُ بِأَكْلِهَا. قَالَ عُبَيْدُ اللَّهِ: فَيُعْجِبُنِي أَنَّهَا أَمَةٌ وَأَنَّهَا ذَبَحَتْ، تَابَعَهُ عَبْدَةُ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ. [111]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Nāfi': sesungguhnya dia mendengar Ibn Ka'ab bin Mālik menceritakan dari bapanya bahawa dia memiliki kambing yang digembala di Sal',*

---

[108] Ahmad bin 'Ali bin Hajar Abu al-Fadl al-'Asqalani (2000), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, Riyard: Dar al-Salam. j. 4. h. 606.
[109] *Ibid*.
[110] *Ibid*.
[111] Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāḥīm bin al-Muqīrah bin Bardiẓbah al-Bukhārī (2000), *Op.Cit.* No. hadith: 2304.

*lalu seorang budak perempuan kami melihat seekor kambing kami akan mati, maka dia memecahkan batu untuk menyembelihnya. Dia berkata kepada mereka, Jangan kamu makan hingga aku bertanya kepada Rasulullah SAW atau dia utuskan seseorang kepada Nabi SAW untuk menanyakannya, dan dia bertanya kepada Nabi SAW, atau mengutuskan, maka Baginda SAW memerintahkan untuk memakannya. 'Ubaidillah berkata: Menakjubkan bagiku, dia seorang budak perempuan dan dia menyembelihnya. 'Abdah juga turut meriwayatkan bersama 'Ubaidillah.*

**Sumber Hadith**

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bab [إِذَا أَبْصَرَ الرَّاعِي أَوْ الْوَكِيلُ شَاةً تَمُوتُ أَوْ شَيْئًا يَفْسُدُ ذَبَحَ وَأَصْلَحَ مَا يَخَافُ عَلَيْهِ الْفَسَادَ], no. Hadith: 2304. Kitāb al-Dhabā'iḥ wa al-Ṣayd, Bāb [مَا أَنْهَرَ الدَّمَ مِنْ الْقَصَبِ وَالْمَرْوَةِ وَالْحَدِيدِ], no. Hadith: 5501, 5504.
2. Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Dhabā'iḥ, Bāb [ذَبِيحَةِ الْمَرْأَةِ], no. Hadith: 3182.

Hadith ini merupakan hadith kelima yang dikemukan oleh al-Bukhari dalam kitab *al-Wakālah* dan hanya terdapat dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Sunan Ibn Majah*. Hadith ini menjelaskan mengenai sembelihan seorang budak perempuan. Namun begitu, menurut Ibn al-Manayyar tujuan al-Bukhari meletakkan hadith ini dalam kitab *al-Wakālah* bukanlah untuk menjelaskan hukum berkaitan haiwan sembelihan itu tetapi adalah untuk menjelaskan hukum gugurnya ganti rugi terhadap wakil yang telah menyembelih haiwan milik pewakil atau tuannya.[112]

Ini menunjukkan bahawa sekiranya urusan atau barang yang diwakilkan itu rosak bukan dari kesilapan atau kelaian wakil maka dia tidak perlu untuk membayar ganti rugi kepada pewakil.

[112] Ahmad bin 'Ali bin Hajar Abu al-Fadl al-'Asqalani (2000), *Op. Cit.* h. 607.

**Hadith 6**

**Teks Hadith**

عَنْ سَلَمَةَ بْنِ كُهَيْلٍ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ لِرَجُلٍ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سِنٌّ مِنْ الْإِبِلِ، فَجَاءَهُ يَتَقَاضَاهُ فَقَالَ: ((أَعْطُوهُ))، فَطَلَبُوا سِنَّهُ فَلَمْ يَجِدُوا لَهُ إِلَّا سِنًّا فَوْقَهَا، فَقَالَ: ((أَعْطُوهُ))، فَقَالَ: أَوْفَيْتَنِي أَوْفَى اللَّهُ بِكَ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((إِنَّ خِيَارَكُمْ أَحْسَنُكُمْ قَضَاءً)).[113]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Salamah bin Kuhail memberitahu kepada kami dari Abī Salamah dari Abī Hurairah r.a. dia berkata:seorang lelaki pernah memiliki hak pada Nabi SAW yang berupa unta dengan usia tertentu. Maka dia datang kepada Baginda SAW untuk menuntutnya (haknya) lalu Baginda SAW bersabda: ((Berikanlah kepadanya)), Para sahabat mencari namun tetap tidak menemui unta yang sama usianya kecuali unta yang lebih tua darinya. Nabi SAW bersabda:((berikanlah kepadanya)), Lelaki itu berkata: Engkau telah memenuhi untukku, semoga Allah memenuhi untukmu. Nabi SAW bersabda: ((Sesungguhnya sebaik-baik kamu adalah yang paling baik dalam melunasi hutang)).*

**Sumber Hadith**

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, bāb [**وَكَالَةُ الشَّاهِدِ وَالْغَائِبِ جَائِزَةٌ**], no Hadith: 2305. Kitāb al-Wakālah, Bāb [**الْوَكَالَةِ فِي قَضَاءِ الدُّيُونِ**], no Hadith: 2306. Kitāb al-Istiqrāḍ wa al-Duyūn, Bāb [**اسْتِقْرَاضِ الْإِبِلِ**], no Hadith: 2390. Kitāb al-Istiqrāḍ wa al-Duyūn, Bāb [**هَلْ يُعْطَى أَكْبَرَ مِنْ سِنِّهِ**], no Hadith: 2392. Kitāb al-Istiqrāḍ wa al-Duyūn, Bāb [**حُسْنِ الْقَضَاءِ**], no Hadith: 2393. Kitāb al-Hibah, Bāb [**الْهِبَةِ الْمَقْبُوضَةِ وَغَيْرِ الْمَقْبُوضَةِ وَالْمَقْسُومَةِ وَغَيْرِ الْمَقْسُومَةِ وَقَدْ وَهَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابُهُ لِهَوَازِنَ مَا غَنِمُوا مِنْهُمْ وَهُوَ غَيْرُ مَقْسُومٍ**], no Hadith: 2606. Kitāb al-Hibah, Bāb [**مَنْ أُهْدِيَ لَهُ هَدِيَّةٌ وَعِنْدَهُ جُلَسَاؤُهُ فَهُوَ أَحَقُّ وَيُذْكَرُ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ جُلَسَاءَهُ شُرَكَاءُ وَلَمْ يَصِحَّ**] no Hadith: 2609.
2. Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Musāqah, Bāb [**مَنْ اسْتَسْلَفَ شَيْئًا فَقَضَى خَيْرًا مِنْهُ وَخَيْرُكُمْ أَحْسَنُكُمْ قَضَاءً**], no Hadith: 4110, 4111,4112.

---

[113] Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāḥīm bin al-Muqīrah bin Bardiẓbah al-Bukhārī (2000), *Op.Cit*. No hadith: 2305.

3. Jāmi‘ al-Tirmidhī, Kitāb al-Aḥkām, Bāb [مَا جَاءَ فِي اسْتِقْرَاضِ الْبَعِيرِ أَوْ الشَّيْءِ مِنْ الْحَيَوَانِ أَوْ السِّنِّ], no Hadith: 1316, 1317.
4. Sunan al-Nasā’ī, Kitāb al-Buyū‘, Bāb [اسْتِسْلَافُ الْحَيَوَانِ وَاسْتِقْرَاضُهُ], no Hadith: 4622. Kitāb al-Buyū‘, Bāb [التَّرْغِيبُ فِي حُسْنِ الْقَضَاءِ], no Hadith: 4697.
5. Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb [حُسْنِ الْقَضَاءِ], no Hadith: 2423.

Berdasarkan kepada sumber Hadith yang diperolehi Hadith ini terdapat dalam banyak tempat dalam *al-Kutub al-Sittah*. Ianya diulang sebanyak tujuh kali dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam pelbagai kitab. Dalam kitab *al-Wakālah* Hadith ini diulang dua kali iaitu dalam bab kelima dan keenam dengan matan yang sedikit berbeza dengan tujuan untuk menjelaskan judul bab yang dikemukakan. Di sini al-Bukhārī ingin menjelaskan bahawa diharuskan untuk melantik wakil ketika mana pewakil tersebut ada ataupun tidak seperti mana Hadith yang dibawakan dalam tarjamah bab iaitu:

"وَكَتَبَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرٍو إِلَى قَهْرَمَانِهِ وَهُوَ غَائِبٌ عَنْهُ أَنْ يُزَكِّيَ عَنْ أَهْلِهِ الصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ"[114]

**Terjemahan Hadith**: *“Abdullah bin Amr menulis kepada wakilnya ketika beliau tidak ada untuk mengeluarkan zakat keluarganya yang kecil dan besar.”*

Hadith ini menceritakan bagaimana ‘Abullah bin Amr telah melantik wakil untuk mengeluarkan zakat keluarganya ketika ketiadaan beliau. Berdasarkan kepada Hadith ini, Ibn Baṭṭal dan al-Ṭaḥāwī menjelaskan bahawa jumhur ulama mengharuskan seseorang mewakilkan urusannya kepada orang lain meskipun tiada keuzuran ataupun tanpa sebab musafir.[115]

---

[114] *Ibid.*
[115] Aḥmad bin ‘Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* h. 608. Lihat juga Sirāj al-Dīn Abī Ḥafṣ ‘Umar bin ‘Alī bin Aḥmad al-Anṣārī al-Shāfi‘ī (t.t), *Op. cit.* j. 15. h. 175.

Selain itu, Nabi SAW turut menjelaskan dalam Hadith ini mengenai kewajipan untuk membayar hutang dengan bersabda: *((Sesungguhnya sebaik-baik kamu adalah yang paling baik dalam melunasi hutang)).*

## Hadith 7

### Teks Hadith

عَنْ سَلَمَةَ بْنِ كُهَيْلٍ سَمِعْتُ أَبَا سَلَمَةَ بْنَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلاً أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَقَاضَاهُ فَأَغْلَظَ فَهَمَّ بِهِ أَصْحَابُهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (( دَعُوهُ فَإِنَّ لِصَاحِبِ الْحَقِّ مَقَالاً)) ثُمَّ قَالَ: ((أَعْطُوهُ سِنًّا مِثْلَ سِنِّهِ)) قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِلاَّ أَمْثَلَ مِنْ سِنِّهِ فَقَالَ: ((أَعْطُوهُ فَإِنَّ مِنْ خَيْرِكُمْ أَحْسَنَكُمْ قَضَاءً)).[116]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Salamah bin Kuhail, aku mendengar Abū Salamah bin ‘Abd al-Raḥman dari Abī Hurairah r.a. sesungguhnya seorang lelaki datang kepada Nabi SAW untuk meminta hutangnya hingga dia bersikap kasar, maka para sahabat baginda hendak membalasnya. Rasulullah SAW bersabda: biarlah kerana sesungguhnya pemilik hak diberi hak berbicara. Kemudian Baginda bersabda:berikan kepadanya unta yang sama dengan usia untanya. Mereka berkata: Wahai Rasulullah yang ada hanyalah yang lebih tua dari usia untanya. Baginda bersabda: Berikan kepadanya sesungguhnya yang terbaik di antara kalian yang paling baik melunasi hutang.*

### Sumber Hadith

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bāb [ **الْوَكَالَةِ فِي قَضَاءِ الدُّيُونِ**], no Hadith: 2306. Kitāb al-Wakālah, bāb [**وَكَالَةُ الشَّاهِدِ وَالْغَائِبِ جَائِزَةٌ**], no Hadith: 2305. Kitāb al-Istiqrāḍ wa al-Duyūn, Bāb [ **اسْتِقْرَاضِ الْإِبِلِ**], no Hadith: 2390. Kitāb al-Istiqrāḍ wa al-Duyūn, Bāb [ **هَلْ يُعْطَى أَكْبَرَ مِنْ سِنِّهِ**], no Hadith: 2392. Kitāb al-Istiqrāḍ wa al-Duyūn, Bāb [**حُسْنِ الْقَضَاءِ**], no Hadith: 2393. Kitāb al-Hibah, Bāb [**الْهِبَةِ الْمَقْبُوضَةِ وَغَيْرِ الْمَقْبُوضَةِ وَالْمَقْسُومَةِ وَغَيْرِ الْمَقْسُومَةِ وَقَدْ وَهَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابُهُ لِهَوَازِنَ مَا غَنِمُوا مِنْهُمْ وَهُوَ غَيْرُ مَقْسُومٍ**], no Hadith: 2606. Kitāb al-

[116] Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāḥīm bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 180. No hadith: 2306.

Hibah, Bāb [مَنْ أُهْدِيَ لَهُ هَدِيَّةٌ وَعِنْدَهُ جُلَسَاؤُهُ فَهُوَ أَحَقُّ وَيُذْكَرُ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ جُلَسَاءَهُ شُرَكَاءُ وَلَمْ يَصِحَّ] no Hadith: 2609.

2. Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Musāqah, Bāb [مَنْ اسْتَسْلَفَ شَيْئًا فَقَضَى خَيْرًا مِنْهُ وَخَيْرُكُمْ أَحْسَنُكُمْ قَضَاءً], no Hadith: 4110, 4111,4112.
3. Jāmi‘ al-Tirmidhī, Kitāb al-Aḥkām, Bāb [مَا جَاءَ فِي اسْتِقْرَاضِ الْبَعِيرِ أَوْ الشَّيْءِ مِنْ الْحَيَوَانِ أَوْ السِّنِّ], no Hadith: 1316, 1317.
4. Sunan al-Nasā’ī, Kitāb al-Buyū‘, Bāb [اسْتِسْلَافُ الْحَيَوَانِ وَاسْتِقْرَاضُهُ], no Hadith: 4622. Kitāb al-Buyū‘, Bāb [التَّرْغِيبُ فِي حُسْنِ الْقَضَاءِ], no Hadith: 4697.
5. Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb [حُسْنِ الْقَضَاءِ], no Hadith: 2423.

Hadith ini mempunyai kaitan dengan hadith yang keenam. Namun dalam hadith ini ianya lebih kepada perbincangan mengenai diharuskan untuk melantik wakil dalam urusan melunasi hutang. Menurut al-Bukhari perwakilan dalam urusan hutang diharuskan dan tidak dianggap sebagai penundaan pembayaran hutang.[117] Nabi SAW menegaskan kepada Abu Hurairah bahawa orang yang terbaik antara mereka adalah yang paling baik dalam melunasi hutang. Ianya dapat dilihat pada penghujung hadith, Nabi SAW bersabda: "*Berikan kepadanya sesungguhnya yang terbaik di antara kalian yang paling baik melunasi hutang*".

**Hadith 8**

**Teks Hadith**

ابْنِ شِهَابٍ قَالَ: وَزَعَمَ عُرْوَةُ أَنَّ مَرْوَانَ بْنَ الْحَكَمِ وَالْمِسْوَرَ بْنَ مَخْرَمَةَ أَخْبَرَاهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَامَ حِينَ جَاءَهُ وَفْدُ هَوَازِنَ مُسْلِمِينَ، فَسَأَلُوهُ أَنْ يَرُدَّ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ وَسَبْيَهُمْ، فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((أَحَبُّ الْحَدِيثِ إِلَيَّ أَصْدَقُهُ، فَاخْتَارُوا إِحْدَى الطَّائِفَتَيْنِ: إِمَّا السَّبْيَ وَإِمَّا الْمَالَ، وَقَدْ كُنْتُ اسْتَأْنَيْتُ بِهِمْ))،

[117] Aḥmad bin ‘Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* h. 609.

وَقَدْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْتَظَرَهُمْ بِضْعَ عَشْرَةَ لَيْلَةً حِينَ قَفَلَ مِنْ الطَّائِفِ، فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَيْرُ رَادٍّ إِلَيْهِمْ إِلاَّ إِحْدَى الطَّائِفَتَيْنِ قَالُوا: فَإِنَّا نَخْتَارُ سَبْيَنَا، فَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمُسْلِمِينَ فَأَثْنَى عَلَى اللَّهِ بِمَا هُوَ أَهْلُهُ ثُمَّ قَالَ: ((أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ إِخْوَانَكُمْ هَؤُلاَءِ قَدْ جَاءُونَا تَائِبِينَ، وَإِنِّي قَدْ رَأَيْتُ أَنْ أَرُدَّ إِلَيْهِمْ سَبْيَهُمْ، فَمَنْ أَحَبَّ مِنْكُمْ أَنْ يُطَيِّبَ بِذَلِكَ فَلْيَفْعَلْ، وَمَنْ أَحَبَّ مِنْكُمْ أَنْ يَكُونَ عَلَى حَظِّهِ حَتَّى نُعْطِيَهُ إِيَّاهُ مِنْ أَوَّلِ مَا يُفِيءُ اللَّهُ عَلَيْنَا فَلْيَفْعَلْ)) فَقَالَ النَّاسُ: قَدْ طَيَّبْنَا ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَهُمْ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((إِنَّا لاَ نَدْرِي مَنْ أَذِنَ مِنْكُمْ فِي ذَلِكَ مِمَّنْ لَمْ يَأْذَنْ فَارْجِعُوا حَتَّى يَرْفَعُوا إِلَيْنَا عُرَفَاؤُكُمْ أَمْرَكُمْ)) فَرَجَعَ النَّاسُ فَكَلَّمَهُمْ عُرَفَاؤُهُمْ ثُمَّ رَجَعُوا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرُوهُ أَنَّهُمْ قَدْ طَيَّبُوا وَأَذِنُوا.[118]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Ibn Syihāb memberitahu kepadaku berkata: ‘Urwah mengaku bahawa Marwān bin al-Ḥakam dan Miswar bin Makhramah telah menceritakan kepadanya bahawa Rasulullah SAW berdiri ketika utusan Hawāzin yang terdiri dari orang-orang Islam datang. Mereka meminta kepada Baginda SAW untuk mengembalikan harta dan keluarga mereka yang ditawan. Rasulullah SAW bersabda kepada mereka: ((Perbicaraan yang paling aku sukai adalah yang paling jujur, pilihlah di antara dua: tawanan perang atau harta, sesungguhnya aku telah mendampingi mereka)), dan Rasulullah SAW telah memberikan masa kepada mereka 10 malam lebih ketika kembali ke Ṭaif, setelah mereka merasakan Rasulullah SAW tidak akan mengembalikan kepada mereka melainkan salah satu dari dua perkara, maka mereka berkata: sesungguhnya kami memilih keluarga kami yang ditawan. Rasulullah SAW berdiri di antara kaum Muslimin lalu memuji Allah SWT dengan pujian yang selayak bagi-Nya, kemudian bersabda: ((‘Amma ba’du, sesungguhnya saudara-saudara kalian telah datang kepada kita dalam keadaan bertaubat, dan sesungguhnya aku berpendapat untuk mengembalikan keluarga mereka yang ditawan kepada mereka. Barang siapa di antara kamu yang ingin berbaik hati melakukan hal itu, maka hendaklah dia melakukannya, dan barang siapa di antara kamu yang menginginkan bahagiannya sehingga kami memberikan kepadanya harta fai’ (harta rampasan perang yang di perolehi tanpa berperang) yang pertama dianugerahkan Allah kepada kita, maka hendaklah dia melakukannya)). Mereka (manusia) berkata: kami telah berbaik hati memberikan secara suka rela kepada Rasulullah SAW, Rasulullah SAW bersabda: ((Sesungguhnya kami tidak tahu di antara kalian yang mengizinkan hal itu, dan siapa yang tidak mengizinkan, pulanglah kalian hingga orang-orang yang arif di antara kalian mengajukan urusan kalian kepada kami)). Mereka (manusia) pun pulang lalu mereka berbincang dengan orang–orang yang arif kemudian kembali kepada Rasulullah SAW dan memberitahunya bahawa mereka menerima dengan senang hati dan memberi izin.*

---

[118] *Ibid*. No hadith:2307,2308.

**Sumber Hadith**

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bāb [ إِذَا وَهَبَ شَيْئًا لِوَكِيلٍ أَوْ شَفِيعِ قَوْمٍ جَازَ لِقَوْلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِوَفْدِ هَوَازِنَ حِينَ سَأَلُوهُ الْمَغَانِمَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَصِيبِي لَكُمْ], no. Hadith: 2307,2308. Kitāb al-Aḥkām, Bāb [الْعُرَفَاءِ لِلنَّاسِ], no. Hadith: 7176,7177.

Hadith ini hanya dikemukakan oleh al-Bukhārī sahaja dalam *al-Kutub al-Sittah* dan ianya menjelaskan tentang Nabi SAW menghakimi tawanan perang. Menurut Ibn Baṭṭal utusan yang berasal dari Hawāzin itu adalah wakil untuk meminta kembali ahli keluarga mereka yang ditawan dalam peperangan.[119] Justeru perbahasan Hadith ini dalam topik *al-Wakālah* adalah berkaitan dengan perwakilan dalam urusan pengadilan iaitu untuk melantik peguam. Selain itu, secara umum topik Hadith ini juga berkaitan dengan perkara hibah iaitu untuk melantik wakil dalam urusan hibah.

**Hadith 9**

**Teks Hadith**

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَكُنْتُ عَلَى جَمَلٍ ثَفَالٍ إِنَّمَا هُوَ فِي آخِرِ الْقَوْمِ فَمَرَّ بِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: ((مَنْ هَذَا؟)) قُلْتُ: جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: ((مَا لَكَ؟)) قُلْتُ: إِنِّي عَلَى جَمَلٍ ثَفَالٍ قَالَ: ((أَمَعَكَ قَضِيبٌ؟)) قُلْتُ: نَعَمْ، قَالَ: ((أَعْطِنِيهِ)) فَأَعْطَيْتُهُ فَضَرَبَهُ فَزَجَرَهُ فَكَانَ مِنْ ذَلِكَ الْمَكَانِ مِنْ أَوَّلِ الْقَوْمِ، قَالَ: ((بِعْنِيهِ)) فَقُلْتُ: بَلْ هُوَ لَكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: ((بَلْ بِعْنِيهِ قَدْ أَخَذْتُهُ بِأَرْبَعَةِ دَنَانِيرَ وَلَكَ ظَهْرُهُ إِلَى الْمَدِينَةِ)) فَلَمَّا دَنَوْنَا مِنْ الْمَدِينَةِ أَخَذْتُ أَرْتَحِلُ قَالَ: أَيْنَ تُرِيدُ؟ قُلْتُ: تَزَوَّجْتُ امْرَأَةً قَدْ خَلَا مِنْهَا قَالَ: ((فَهَلَّا جَارِيَةً تُلَاعِبُهَا وَتُلَاعِبُكَ؟)) قُلْتُ: إِنَّ أَبِي تُوُفِّيَ وَتَرَكَ بَنَاتٍ فَأَرَدْتُ أَنْ أَنْكِحَ امْرَأَةً قَدْ جَرَّبَتْ

---

[119] Aḥmad bin ʻAlī Bin Ḥajar al-ʻAsqalānī (2000), *Op.cit.* h. 610.

خَلَا مِنْهَا قَالَ: ((فَذَلِكَ)) فَلَمَّا قَدِمْنَا الْمَدِينَةَ قَالَ: ((يَا بِلَالُ اقْضِهِ وَزِدْهُ)) فَأَعْطَاهُ أَرْبَعَةَ دَنَانِيرَ وَزَادَهُ قِيرَاطًا. قَالَ جَابِرٌ: لَا تُفَارِقُنِي زِيَادَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ يَكُنْ الْقِيرَاطُ يُفَارِقُ قِرَابَ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ.[120]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Jābir bin ʻAbd Allah r.a., berkata: Aku pernah bersama Nabi SAW dalam satu perjalanan, aku berada di atas unta yang berjalan lambat, yang berada di akhir rombongan. Nabi SAW datang kepadaku dan bertanya: ((Siapakah ini?)), aku menjawab: Jābir bin ʻAbd Allah, Baginda bertanya: ((Ada apa dengan kamu?)) Aku menjawab: Sesungguhnya aku berada di atas unta yang lambat. Baginda bertanya: ((Apakah ada sepotong kayu bersamamu?)) Aku menjawab: Ya, Baginda bersabda: ((Berikan kepadaku)) lalu aku memberikan kepada Baginda dan Baginda memukul unta dan selepas itu ia sentiasa berada di hadapan rombongan. Baginda berkata: ((Juallah ia kepadaku)), Aku berkata: bahkan ia untukmu wahai Rasulullah SAW,Baginda berkata: ((Juallah, aku telah mengambilnya dengan harga 4 dinar dan engkau boleh menaikinya sampai ke Madinah)). Apabila kami telah hampir sampai ke Madinah, maka aku pun bergegas, Baginda bertanya: kamu hendak ke mana? Aku menjawab: Aku akan menikahi wanita yang telah ditinggalkan suaminya. Baginda bersabda: ((Mengapa bukan gadis, agar engkau bermesra dengannya dan dia bermesra denganmu?)). Aku berkata: sesungguhnya bapaku meninggal dunia dan meninggalkan anak-anak perempuan, maka aku ingin mengahwini wanita yang telah ditinggalkan suami. Baginda bersabda: ((itu sikap yang tepat)). Apabila kami sampai di Madinah, baginda bersabda: ((Wahai Bilāl lunaskanlah ia dan tambahkan ia)), Baginda memberikan 4 dinar dan ditambah 1 qīrāṭ. Jābir berkata: tidak pernah berpisah denganku tambahan Rasulullah SAW 1 qīrāṭ itu tidak pernah berpisah dari kantung Jābir bin ʻAbd Allah.*

### Sumber Hadith

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bāb [ **إِذَا وَكَّلَ رَجُلٌ رَجُلًا أَنْ يُعْطِيَ شَيْئًا وَلَمْ يُبَيِّنْ كَمْ يُعْطِي فَأَعْطَى عَلَى مَا يَتَعَارَفُهُ النَّاسُ**], no. Hadith 2309. Kit**ā**b al-Buyū‘, Bāb [ **شِرَاءِ الدَّوَابِّ وَالْحُمُرِ وَإِذَا اشْتَرَى دَابَّةً أَوْ جَمَلًا وَهُوَ عَلَيْهِ هَلْ يَكُونُ ذَلِكَ قَبْضًا قَبْلَ أَنْ يَنْزِلَ وَقَالَ ابْنُ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعُمَرَ بِعْنِيهِ يَعْنِي جَمَلًا صَعْبًا**], no. Hadith: 2097. Kitāb al-Maẓālim, Bāb [ **مَنْ عَقَلَ بَعِيرَهُ عَلَى الْبَلَاطِ أَوْ بَابِ الْمَسْجِدِ**], no. Hadith: 2470. Kitāb al-Hibah wa Fadhlihā wa al-Taḥrīḍ ‘Alaihā, Bāb [ **الْهِبَةِ الْمَقْبُوضَةِ وَغَيْرِ الْمَقْبُوضَةِ وَالْمَقْسُومَةِ وَغَيْرِ الْمَقْسُومَةِ وَقَدْ وَهَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابُهُ لِهَوَازِنَ مَا غَنِمُوا مِنْهُمْ وَهُوَ غَيْرُ مَقْسُومٍ**], no Hadith: 2604. Kitāb al-Shurūṭ, Bāb [ **إِذَا**

[120] Muḥammad bin Ismāī‘l bin Ibrāḥīm bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 180. No hadith: 2309.

[اشْتَرَطَ الْبَائِعُ ظَهْرَ الدَّابَّةِ إِلَى مَكَانٍ مُسَمًّى جَازَ], no Hadith: 2718. Kitāb fī al-Istiqrāḍ wa
ādā’ al-Duyūn wa al-Ḥajar wa Taflīs, Bāb [ مَنْ اشْتَرَى بِالدَّيْنِ وَلَيْسَ عِنْدَهُ ثَمَنُهُ أَوْ لَيْسَ
بِحَضْرَتِهِ], no. Hadith: 2385. Kitāb al-Jihād wa al-Siyār, Bāb [ بَاب اسْتِئْذَانِ الرَّجُلِ
الْإِمَامَ لِقَوْلِهِ{ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِذَا كَانُوا مَعَهُ عَلَى أَمْرٍ جَامِعٍ لَمْ يَذْهَبُوا حَتَّى
يَسْتَأْذِنُوهُ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَأْذِنُونَكَ }] no. Hadith: 2967. Kitāb al-Jihād wa al-Siyār, Bāb
[ الطَّعَامِ عِنْدَ الْقُدُومِ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يُفْطِرُ لِمَنْ يَغْشَاهُ], no Hadith: 3089. Kitāb al-Da‘awāt,
Bāb [الدُّعَاءِ لِلْمُتَزَوِّجِ], no Hadith: 6387. Kitāb al-Nafaqāt, Bāb [ عَوْنِ الْمَرْأَةِ زَوْجَهَا فِي
وَلَدِهِ], no Hadith: 5367. Kitāb al-Maghāzī, Bāb [ { إِذْ هَمَّتْ طَائِفَتَانِ مِنْكُمْ أَنْ تَفْشَلَا وَاللَّهُ
وَلِيُّهُمَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلْ الْمُؤْمِنُونَ } ], no Hadith: 4052. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ طَلَبِ
الْوَلَدِ], no Hadith: 5245. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ تَسْتَحِدُّ الْمُغِيبَةُ وَتَمْتَشِطُ الشَّعِثَةُ], no
Hadith: 5247. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ تَزْوِيجِ الثَّيِّبَاتِ وَقَالَتْ أُمُّ حَبِيبَةَ قَالَ لِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَعْرِضْنَ عَلَيَّ بَنَاتِكُنَّ وَلَا أَخَوَاتِكُنَّ], no Hadith: 5079,5080.

2. Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb Ṣalāt al-Musāfirīn wa Qaṣrihā, Bāb [ اسْتِحْبَابِ الرَّكْعَتَيْنِ فِي الْمَسْجِدِ لِمَنْ قَدِمَ مِنْ سَفَرٍ أَوَّلَ قُدُومِهِ], no Hadith: 1657, 1658. Kitāb al-Riḍā‘, Bāb [ اسْتِحْبَابِ نِكَاحِ الْبِكْرِ], no Hadith: 3637, 3638, 3640, 3641, 3642. Kitāb al-Musāqāt, Bāb [بَيْعِ الْبَعِيرِ وَاسْتِثْنَاءِ رُكُوبِهِ], no Hadith: 4098, 4099, 4100, 4101.
3. Jāmi‘ al-Tirmidhī, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ مَا جَاءَ فِي تَزْوِيجِ الْأَبْكَارِ], no Hadith: 1100. Kitāb al-Buyū‘, Bāb [ مَا جَاءَ فِي اشْتِرَاطِ ظَهْرِ الدَّابَّةِ عِنْدَ الْبَيْعِ], no Hadith: 1253.
4. Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Buyū‘, Bāb [ فِي شَرْطٍ فِي بَيْعٍ], no Hadith: 3505. Kitab al-Nikāḥ, Bāb [فِي تَزْوِيجِ الْأَبْكَارِ], no Hadith: 2048.
5. Sunan al-Nasā’ī, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ عَلَى مَا تُنْكَحُ الْمَرْأَةُ], no Hadith: 3228. Kitab al-Nikāḥ, Bāb [نِكَاحُ الْأَبْكَارِ], no Hadith: 3221, 3222. Kitāb al-Buyū‘, Bāb [ الْبَيْعُ يَكُونُ فِيهِ الشَّرْطُ فَيَصِحُّ الْبَيْعُ وَالشَّرْطُ], no Hadith: 4641, 4642, 4643, 4644, 4645.

6. Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Tijārāt, Bāb [السَّوْمِ], no Hadith: 2205. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [تَزْوِيجِ الْأَبْكَارِ], no Hadith:1860.

Sekiranya diteliti kepada sumber Hadith ini, didapati ianya terdapat pelbagai topik seperti dalam jual beli, nikah dan sebagainya. Hal ini kerana dalam Hadith ini terdapat beberapa hukum yang berkaitan. Secara umumnya Hadith yang diceritakan oleh Jābir bin ‘Abdulllah ini adalah hukum berkaitan dengan harus melantik wakil dalam urusan jual beli. Baginda SAW telah mewakilkan kepada Bilāl r.a. untuk melaksanakan urusan jual beli unta dan meminta Bilal untuk menambah nilai bayaran tanpa menyatakan nilainya. Justeru, Bilāl menambah 1 qīrāṭ berdasarkan kepada kebiasan.[121]

**Hadith 10**

**Teks Hadith**

عَنْ أَبِي حَازِمٍ عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ قَالَ: جَاءَتْ امْرَأَةٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي قَدْ وَهَبْتُ لَكَ مِنْ نَفْسِي فَقَالَ رَجُلٌ: زَوِّجْنِيهَا قَالَ: ((قَدْ زَوَّجْنَاكَهَا بِمَا مَعَكَ مِنْ الْقُرْآنِ)).[122]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Abī Ḥāzim dari Sahl bin Sa‘ad berkata: Seorang wanita telah datang kepada Rasulullah SAW dan berkata: Wahai Rasulullah SAW, sesungguhnya aku telah menghibahkan diriku untukmu. Seorang lelaki berkata: Kahwinkanlah aku dengannya. Baginda bersabda: ((kami telah menikahkannya denganmu dengan al-Quran yang ada padamu (mahar hafalan)).*

**Sumber Hadith**

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bāb [وَكَالَةِ الْمَرْأَةِ الْإِمَامَ فِي النِّكَاحِ], no Hadith: 2310. Kitāb al-Libās, Bab [خَاتَمِ الْحَدِيدِ], no Hadith: 5871. Kitāb al-Tauḥīd, Bāb { قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَادَةً قُلْ اللَّهُ }, no Hadith: 7417. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ بَاب تَزْوِيجِ

[121] Aḥmad bin ‘Alī Bin Ḥajar al-‘Asqalānī (2000), *Op.cit.* h. 611.
[122] Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāḥīm bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 180. No hadith: 2310.

الْمُعْسِرِ الَّذِي مَعَهُ الْقُرْآنُ وَالْإِسْلَامُ فِيهِ سَهْلُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ], no Hadith: 5071. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [عَرْضِ الْمَرْأَةِ نَفْسَهَا عَلَى الرَّجُلِ الصَّالِحِ], no Hadith:5121. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ النَّظَرِ إِلَى الْمَرْأَةِ قَبْلَ التَّزْوِيجِ], no Hadith: 5126. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ إِذَا كَانَ الْوَلِيُّ هُوَ الْخَاطِبَ وَخَطَبَ الْمُغِيرَةُ بْنُ شُعْبَةَ امْرَأَةً هُوَ أَوْلَى النَّاسِ بِهَا فَأَمَرَ رَجُلًا فَزَوَّجَهُ وَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ لِأُمِّ حَكِيمٍ بِنْتِ قَارِظٍ أَتَجْعَلِينَ أَمْرَكِ إِلَيَّ قَالَتْ نَعَمْ فَقَالَ قَدْ زَوَّجْتُكِ وَقَالَ عَطَاءٌ لِيُشْهِدْ أَنِّي قَدْ نَكَحْتُكِ أَوْ لِيَأْمُرْ رَجُلًا مِنْ عَشِيرَتِهَا وَقَالَ سَهْلٌ قَالَتْ امْرَأَةٌ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَهَبُ لَكَ نَفْسِي فَقَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنْ لَمْ تَكُنْ لَكَ بِهَا حَاجَةٌ فَزَوِّجْنِيهَا], no Hadith: 5132. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ السُّلْطَانُ وَلِيٌّ لِقَوْلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَوَّجْنَاكَهَا بِمَا مَعَكَ مِنْ الْقُرْآنِ], no Hadith: 5135. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ إِذَا قَالَ الْخَاطِبُ لِلْوَلِيِّ زَوِّجْنِي فُلَانَةَ فَقَالَ قَدْ زَوَّجْتُكَ بِكَذَا وَكَذَا جَازَ النِّكَاحُ وَإِنْ لَمْ يَقُلْ لِلزَّوْجِ أَرَضِيتَ أَوْ قَبِلْتَ], no Hadith: 5141. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ التَّزْوِيجِ عَلَى الْقُرْآنِ وَبِغَيْرِ صَدَاقٍ, no Hadith: 5149. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ الْمَهْرِ بِالْعُرُوضِ وَخَاتَمٍ مِنْ حَدِيدٍ], no Hadith: 5150. Kitāb Faḍā’il al-Qur’ān, Bāb [ خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ], no Hadith: 5029. Kitab Faḍā’il al-Qur’ān, Bāb [الْقِرَاءَةِ عَنْ ظَهْرِ الْقَلْبِ], no Hadith: 5030.

2. Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ الصَّدَاقِ وَجَوَازِ كَوْنِهِ تَعْلِيمَ قُرْآنٍ وَخَاتَمَ حَدِيدٍ وَغَيْرَ ذَلِكَ مِنْ قَلِيلٍ وَكَثِيرٍ وَاسْتِحْبَابِ كَوْنِهِ خَمْسَ مِائَةِ دِرْهَمٍ لِمَنْ لَا يُجْحِفُ بِهِ], no Hadith: 3487, 3488.
3. Jāmi‘al-Tirmidhī, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [مَا جَاءَ فِي مُهُورِ النِّسَاءِ], no Hadith: 1114.
4. Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ فِي التَّزْوِيجِ عَلَى الْعَمَلِ يَعْمَلُ, no Hadith: 2111.
5. Sunan al-Nasā’ī, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ ذِكْرُ أَمْرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي النِّكَاحِ وَأَزْوَاجِهِ وَمَا أَبَاحَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لِنَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَحَظَّرَهُ عَلَى خَلْقِهِ زِيَادَةً فِي كَرَامَتِهِ وَتَنْبِيهًا لِفَضِيلَتِهِ], no Hadith: 3202. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ الْكَلَامِ الَّذِي يَنْعَقِدُ بِهِ النِّكَاحُ], no Hadith: 3282. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ التَّزْوِيجِ عَلَى سُوَرٍ مِنْ الْقُرْآنِ] al-Tazwīj

‘alā ṣūr min al-Qur’ān, no Hadith: 3341. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [ **هِبَةِ الْمَرْأَةِ نَفْسَهَا لِرَجُلٍ بِغَيْرِ صَدَاقٍ**], no Hadith: 3361.

6. Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb [**صَدَاقِ النِّسَاءِ**], no Hadith: 1889.

Hadith daripada Sahal bin Sa‘ad ini menceritakan tentang seorang wanita yang datang kepada Nabi SAW menawarkan dirinya untuk dikahwini oleh Baginda SAW atau dikahwinkan dengan sesiapa yang dikehendaki. Seorang lelaki menawarkan dirinya untuk dikahwinkan dengan wanita tersebut dan kemudian Baginda SAW telah menikahkan mereka berdua. Ini menunjukkan bahawa melantik wakil dalam urusan perkahwinan adalah diharuskan.[123]

**Hadith 11**

**Teks Hadith**

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سِيرِينَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: وَكَّلَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِحِفْظِ زَكَاةِ رَمَضَانَ فَأَتَانِي آتٍ فَجَعَلَ يَحْثُو مِنْ الطَّعَامِ فَأَخَذْتُهُ، وَقُلْتُ: وَاللَّهِ لأَرْفَعَنَّكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: إِنِّي مُحْتَاجٌ وَعَلَيَّ عِيَالٌ وَلِي حَاجَةٌ شَدِيدَةٌ، قَالَ: فَخَلَّيْتُ عَنْهُ فَأَصْبَحْتُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((يَا أَبَا هُرَيْرَةَ مَا فَعَلَ أَسِيرُكَ الْبَارِحَةَ؟)) قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ شَكَا حَاجَةً شَدِيدَةً وَعِيَالاً فَرَحِمْتُهُ فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ، قَالَ: ((أَمَا إِنَّهُ قَدْ كَذَبَكَ وَسَيَعُودُ)) فَعَرَفْتُ أَنَّهُ سَيَعُودُ لِقَوْلِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّهُ سَيَعُودُ فَرَصَدْتُهُ فَجَاءَ يَحْثُو مِنْ الطَّعَامِ فَأَخَذْتُهُ فَقُلْتُ: لأَرْفَعَنَّكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ دَعْنِي فَإِنِّي مُحْتَاجٌ وَعَلَيَّ عِيَالٌ لاَ أَعُودُ فَرَحِمْتُهُ فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ فَأَصْبَحْتُ فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((يَا أَبَا هُرَيْرَةَ مَا فَعَلَ أَسِيرُكَ؟)) قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ شَكَا حَاجَةً شَدِيدَةً وَعِيَالاً فَرَحِمْتُهُ فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ، قَالَ: ((أَمَا إِنَّهُ قَدْ كَذَبَكَ وَسَيَعُودُ)) فَرَصَدْتُهُ الثَّالِثَةَ فَجَاءَ يَحْثُو مِنْ الطَّعَامِ فَأَخَذْتُهُ فَقُلْتُ: لأَرْفَعَنَّكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ وَهَذَا آخِرُ ثَلاَثِ مَرَّاتٍ أَنَّكَ تَزْعُمُ لاَ تَعُودُ ثُمَّ تَعُودُ قَالَ: دَعْنِي أُعَلِّمْكَ كَلِمَاتٍ يَنْفَعُكَ اللَّهُ بِهَا قُلْتُ: مَا هُوَ، قَالَ: إِذَا أَوَيْتَ إِلَى فِرَاشِكَ فَاقْرَأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ { **اللَّهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ** } حَتَّى تَخْتِمَ الآيَةَ فَإِنَّكَ لَنْ يَزَالَ عَلَيْكَ مِنْ اللَّهِ حَافِظٌ وَلاَ يَقْرَبَنَّكَ شَيْطَانٌ حَتَّى تُصْبِحَ

[123] Aḥmad bin ‘Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* h. 613.

فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ فَأَصْبَحْتُ فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((مَا فَعَلَ أَسِيرُكَ الْبَارِحَةَ؟)) قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ زَعَمَ أَنَّهُ يُعَلِّمُنِي كَلِمَاتٍ يَنْفَعُنِي اللَّهُ بِهَا فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ قَالَ: ((مَا هِيَ؟)) قُلْتُ: قَالَ: لِي إِذَا أَوَيْتَ إِلَى فِرَاشِكَ فَاقْرَأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ مِنْ أَوَّلِهَا حَتَّى تَخْتِمَ الآيَةَ { **اللَّهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ** } وَقَالَ لِي: لَنْ يَزَالَ عَلَيْكَ مِنْ اللَّهِ حَافِظٌ وَلاَ يَقْرَبَكَ شَيْطَانٌ حَتَّى تُصْبِحَ وَكَانُوا أَحْرَصَ شَيْءٍ عَلَى الْخَيْرِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((أَمَا إِنَّهُ قَدْ صَدَقَكَ وَهُوَ كَذُوبٌ تَعْلَمُ مَنْ تُخَاطِبُ مُنْذُ ثَلاَثِ لَيَالٍ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ؟)) قَالَ: لاَ قَالَ: ((ذَاكَ شَيْطَانٌ)). [124]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Muḥammad bin Sīrin dari Abī Hurairah r.a. berkata: Rasulullah SAW mewakilkan kepadaku untuk menjaga zakat Ramadhan. Lalu datang kepadaku seseorang dan mengambil sebahagian makanan. Aku memegangnya dan berkata: Demi Allah, aku akan mengadukan perbuatan mu kepada Rasulullah SAW. Dia berkata: sesungguhnya aku memerlukannya dan aku memiliki tanggungan dan aku amat memerlukannya. Abū Hurairah berkata: aku melepaskannya. Ketika pagi hari, Nabi SAW bertanya: ((wahai Abū Hurairah, apa yang dilakukan tawananmu malam tadi)). Aku berkata: Wahai Rasulullah SAW dia mengadukan keadaannya yang sangat memerlukan makanan tersebut kerana tanggungannya. Aku merasa kasihan kepadanya dan melepaskannya. Baginda bersabda: ((ketahuilah bahawa sesungguhnya dia telah berdusta kepadamu, dan dia akan kembali. Aku pun mengetahui dia akan kembali berdasarkan kepada sabda Nabi SAW bahawa dia akan kembali. Aku mengawasinya dengan bersungguh-sungguh. Maka dia datang dan terus mengambil sebahagian makanan. Aku memegangnya dan berkata: sesungguhnya aku akan mengajukanmu kepada Rasulullah SAW Dia berkata: lepaskan aku, sesungguhnya aku orang yang memerlukannya, dan aku memiliki tanggungan dan aku tidak akan kembali lagi. Aku merasa kasihan kepadanya dan melepaskannya. Ketika pagi, Rasulullah SAW bertanya kepadaku: ((Wahai Abū Hurairah, Apakah yang dilakukan tawananmu)). Aku berkata: Wahai Rasulullah SAW, dia mengadukan keadaannya yang amat memerlukan kerana tanggungannya. Aku merasa kasihan dan melepaskannya. Baginda bersabda: ((Ketahuilah bahawa sesungguhnya dia telah berdusta kepadamu dan ia akan kembali)). Aku pun mengawasinya dengan bersungguh-sungguh untuk ketiga kalinya. Maka dia datang dan mengambil sebahagian makanan. Aku memegangnya dan berkata: Sungguh aku akan mengajukanmu kepada Rasulullah SAW dan ini ketiga kalinya engkau mengaku tidak akan kembali namun engkau tetap kembali. Dia berkata: Lepaskan aku dan aku akan mengajarmu kalimah-kalimah Allah yang akan memberi manfaat kepadamu kerananya. Aku berkata: Apakah kalimah-kalimah itu, Dia berkata: apabila engkau pergi ke tempat tidurmu, maka bacalah ayat al-Kursī: { Allah tidak ada tuhan yang berhak disembah selain Dia yang hidup dan memelihara makhlukNya} engkau selesaikan hingga akhir hayat. Sesungguhnya sentiasa bagi mu dalam peliharaan Allah dan tidak ada syaitan yang mendekatimu hingga pagi hari. Aku melepaskannya. Ketika pagi Rasulullah SAW bertanya kepadaku: ((Apa yang dilakukan tawananmu malam tadi?)). Aku berkata: Wahai Rasulullah SAW dia mengaku dan telah mengajarkanku kalimah-kalimah yang Allah menjadikannya manfaat bagiku. Maka aku melepaskannya. Baginda bertanya: ((Apakah kalimah*

---

[124] *Ibid*. No hadith: 2311.

*itu?)). Aku berkata: dia berkata kepadaku bahawa apabila engkau pergi ke tempat tidurmu, maka bacalah ayat al-Kursī dari awal hingga akhir { Allah tidak ada tuhan yang berhak disembah selain Dia yang hidup dan memelihara makhlukNya}. Dia berkata kepadaku: Senantiasa bagi mu dalam peliharaan Allah dan syaitan tidak akan mendekatimu hingga subuh. Mereka adalah orang-orang yang sangat menjaga terhadap kebaikan. Nabi SAW bersabda: ((Ketahuilah, bahawa dia telah membenarkanmu, dan dia adalah pendusta. Apakah engkau mengetahui siapa yang engkau ajak berbicara selama tiga malam ini, wahai Abū Hurairah? Dia berkata: Tidak. Baginda bersabda: ((Dia adalah syaitan)).*

**Sumber Hadith**

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bāb [ إِذَا وَكَّلَ رَجُلًا فَتَرَكَ الْوَكِيلُ شَيْئًا فَأَجَازَهُ الْمُوَكِّلُ فَهُوَ جَائِزٌ وَإِنْ أَقْرَضَهُ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى جَازَ ], no Hadith: 2311. Kitāb Bad'i al-Khalq, Bāb [صِفَةِ إِبْلِيسَ وَجُنُودِهِ], no Hadith: 3275. Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, Bāb [فَضْلِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ], no Hadith: 5010.

Hadith ini hanya dikemukakan oleh al-Bukhārī sahaja dari riwayat Abū Hurairah r.a. Ianya menceritakan kisah yang berlaku terhadap Abū Hurairah r.a. apabila Nabi SAW telah melantik beliau sebagai wakil untuk menjaga harta zakat Ramadhan. Hadith ini juga dapat menjelaskan bahawa, melantik wakil dalam urusan pungutan dan pembahagian zakat adalah diharuskan.[125]

Selain itu, Ibn Ḥajār al-Asqalānī menjelaskan tujuan al-Bukhari menyebut Hadith ini adalah untuk menyatakan bahawa wakil tidak dibenarkan untuk melaksanakan sebarang urusan yang diwakilkannya tanpa persetujuan pewakil.[126] Ini bermaksud wakil perlu melaksanakan urusan perwakilan berdasarkan kepada apa yang terkandung dalam kontrak sahaja.

[125] Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-'Asqalānī (2000), *Op.cit.* h. 617.
[126] *Ibid*.

## Hadith 12

### Teks Hadith

عَنْ يَحْيَى قَالَ: سَمِعْتُ عُقْبَةَ بْنَ عَبْدِ الْغَافِرِ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ بِلاَلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِتَمْرٍ بَرْنِيٍّ فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((مِنْ أَيْنَ هَذَا؟)) قَالَ بِلاَلٌ: كَانَ عِنْدَنَا تَمْرٌ رَدِيٌّ فَبِعْتُ مِنْهُ صَاعَيْنِ بِصَاعٍ لِنُطْعِمَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ ذَلِكَ: ((أَوَّهْ أَوَّهْ عَيْنُ الرِّبَا عَيْنُ الرِّبَا لاَ تَفْعَلْ وَلَكِنْ إِذَا أَرَدْتَ أَنْ تَشْتَرِيَ فَبِعْ التَّمْرَ بِبَيْعٍ آخَرَ ثُمَّ اشْتَرِ بِهِ)).[127]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Yaḥyā berkata: aku mendengar ʻUqbah bin ʻAbd al-Ghāfir bahawasanya dia mendengar Abā Saʻīd al-Khudrī r.a. berkata: Bilāl datang kepada Nabi SAW dengan membawa kurma ʻbarnīʼ berkualiti. Maka Nabi SAW bersabda kepadanya: ((dari manakah ini?)) Bilāl menjawab: aku memiliki kurma yang kurang baik, maka aku menukarkan dua ṣaʻ darinya dengan satu ṣaʻ kurma ini untuk makanan Nabi SAW, lalu Nabi SAW bersabda: ((Uhh..Uhh..riba yang nyata. riba yang nyata. Jangan engkau lakukan seperti itu, tetapi apabila kamu hendak membeli, juallah kurma yang lain kemudian beli dengan hasil penjualan itu)).*

### Sumber Hadith

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bāb [ **إِذَا بَاعَ الْوَكِيلُ شَيْئًا فَاسِدًا فَبَيْعُهُ مَرْدُودٌ**], no Hadith: 2312.
2. Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Musāqāt, Bāb [**بَيْعِ الطَّعَامِ مِثْلًا بِمِثْلٍ**], no Hadith: 4083.

Hadith daripada Abu Sa‘id al-Khudri ini merupakan antara hadith yang menjelaskan berkaitan dengan melantik wakil dalam urusan jual beli. Al-Bukhari meletakkan hadith ini dalam bab apabila wakil menjual sesuatu yang rosak, maka jual belinya tertolak ataupun tidak sah. Selain itu, ianya turut menjelaskan bahawa, wakil mestilah mengelakkan diri daripada terlibat dengan transaksi yang mengandungi

[127] Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāḥīm bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.* h. 810. No hadith: 2312.

unsur riba dan Hadith ini turut menjelaskan tentang pengharaman riba dalam jual beli.[128]

**Hadith 13**

**Teks Hadith**

عَنْ عَمْرٍو قَالَ: فِي صَدَقَةِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ لَيْسَ عَلَى الْوَلِيِّ جُنَاحٌ أَنْ يَأْكُلَ وَيُؤْكِلَ صَدِيقًا لَهُ غَيْرَ مُتَأَثِّلٍ مَالاً،

فَكَانَ ابْنُ عُمَرَ هُوَ يَلِي صَدَقَةَ عُمَرَ يُهْدِي لِنَاسٍ مِنْ أَهْلِ مَكَّةَ كَانَ يَنْزِلُ عَلَيْهِمْ.[129]

**Terjemahan Hadith**: *Dari 'Amrū berkata: tentang sedekah 'Umar r.a. tidak ada dosa ke atas wali untuk makan dan memberi makan sahabatnya tanpa mengumpulkan harta. Maka biasanya Ibn 'Umar memegang urusan sedekah 'Umar, menghadiahkan kepada orang-orang dari penduduk Makkah yang biasa singgah di tempat mereka.*

**Sumber Hadith**

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bāb [**الْوَكَالَةِ فِي الْوَقْفِ وَنَفَقَتِهِ وَأَنْ يُطْعِمَ صَدِيقًا لَهُ وَيَأْكُلَ بِالْمَعْرُوفِ**], no Hadith: 2313.

Berdasarkan kepada *tarjamah bāb*, Imam al-Bukhārī telah meletakkan Hadith ini dalam bab perwakilan dalam pengurusan wakaf dan nafkah, serta memberi makan kepada sahabat dan makan dengan cara yang patut. Dalam hal ini, perkara yang diberi perhatian adalah perwakilan dalam wakaf dan nafkah. Dalam *al-Kutub al-Sittah,* Hadith ini hanya terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* sahaja. Ianya menceritakan tentang Ibn 'Umar r.a. adalah sebagai wakil untuk menjaga harta 'Umar r.a.

---

[128] Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-'Asqalānī (2000), *Op.cit.* h. 618.
[129] *Ibid*. h. 181. No hadith: 2313.

**Hadith 14**

**Teks Hadith**

عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ وَأَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:(( وَاغْدُ يَا أُنَيْسُ إِلَى امْرَأَةِ هَذَا فَإِنْ اعْتَرَفَتْ فَارْجُمْهَا)) [130]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Ibn Shihāb dari 'Ubaidillah bin 'Abdullah, dari Zaid bin Khālid dan Abī Hurairah r.a dari Nabi SAW bersabda: ((Pergilah pagi-pagi wahai Unais kepada isteri orang ini. Apabila dia mengaku maka rejamlah)).*

**Sumber Hadith**

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bāb [ **الْوَكَالَةِ فِي الْحُدُودِ**], no Hadith: 2214,2315. Kitāb al-Ṣulh, Bāb [ **إِذَا اصْطَلَحُوا عَلَى صُلْحِ جَوْرٍ فَالصُّلْحُ مَرْدُودٌ**], no Hadith: 2695, 2696. Kitāb al-Shurūṭ, Bāb [ **الشُّرُوطِ الَّتِي لَا تَحِلُّ فِي الْحُدُودِ**], no Hadith: 2724,2725. Kitāb al-Imān wa al-Nuzūr, Bāb [ **كَيْفَ كَانَتْ يَمِينُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ سَعْدٌ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ وَقَالَ أَبُو قَتَادَةَ قَالَ أَبُو بَكْرٍ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَاهَا اللَّهِ إِذًا يُقَالُ وَاللَّهِ وَبِاللَّهِ وَتَاللَّهِ**], no Hadith 6633, 6634. Kitāb al-Ḥudūd, Bāb [ **مَنْ أَمَرَ غَيْرَ الْإِمَامِ بِإِقَامَةِ الْحَدِّ غَائِبًا عَنْهُ**], no Hadith: 6835, 6836. Kitāb al-Ḥudūd, Bāb [ **إِذَا رَمَى امْرَأَتَهُ أَوْ امْرَأَةَ غَيْرِهِ بِالزِّنَا عِنْدَ الْحَاكِمِ وَالنَّاسِ هَلْ عَلَى الْحَاكِمِ أَنْ يَبْعَثَ إِلَيْهَا فَيَسْأَلَهَا عَمَّا رُمِيَتْ بِهِ**, no Hadith: 6842, 6843. Kitāb al-Ḥudūd, Bāb [ **هَلْ يَأْمُرُ الْإِمَامُ رَجُلًا فَيَضْرِبُ الْحَدَّ غَائِبًا عَنْهُ وَقَدْ فَعَلَهُ عُمَرُ**], no Hadith: 6859, 6860. Kitāb al-Aḥkām, Bāb [ **هَلْ يَجُوزُ لِلْحَاكِمِ أَنْ يَبْعَثَ رَجُلًا وَحْدَهُ لِلنَّظَرِ فِي الْأُمُورِ**], no Hadith: 7193, 7194. Kitāb al-I'tiṣām, Bāb [ **بَاب الِاقْتِدَاءِ بِسُنَنِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى{ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا } قَالَ أَيِمَّةً نَقْتَدِي بِمَنْ قَبْلَنَا وَيَقْتَدِي بِنَا مَنْ بَعْدَنَا وَقَالَ ابْنُ عَوْنٍ ثَلَاثٌ أُحِبُّهُنَّ لِنَفْسِي وَلِإِخْوَانِي هَذِهِ السُّنَّةُ أَنْ يَتَعَلَّمُوهَا وَيَسْأَلُوا عَنْهَا وَالْقُرْآنُ أَنْ يَتَفَهَّمُوهُ وَيَسْأَلُوا عَنْهُ وَيَدَعُوا النَّاسَ إِلَّا مِنْ خَيْرٍ**], no Hadith: 7278, 7279.

---

[130] *Ibid*. No hadith: 2314, 2315.

2. Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb [مَنْ اعْتَرَفَ عَلَى نَفْسِهِ بِالزِّنَى], no Hadith: 4435.

3. Jāmi ‘al-Tirmidhī, Kitab al-Ḥudūd, Bāb [مَا جَاءَ فِي الرَّجْمِ عَلَى الثَّيِّبِ], no Hadith: 1433.

4. Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb [الْمَرْأَةِ الَّتِي أَمَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرَجْمِهَا مِنْ جُهَيْنَةَ], no Hadith: 4445.

5. Sunan al-Nasā’ī, Kitāb Ādāb al-Qaḍāh, Bāb [صَوْنِ النِّسَاءِ عَنْ مَجْلِسِ الْحُكْمِ, no Hadith: 5412, 5413.

6. Sunan Ibn Mājah, Kitāb Ḥudūd, Bāb [حَدِّ الزِّنَا], no Hadith: 2549.

**Hadith 15**

**Teks Hadith**

عَنْ أَيُّوبَ عَنْ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ الْحَارِثِ: قَالَ جِيءَ بِالنُّعَيْمَانِ أَوْ ابْنِ النُّعَيْمَانِ شَارِبًا فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ كَانَ فِي الْبَيْتِ أَنْ يَضْرِبُوا قَالَ: فَكُنْتُ أَنَا فِيمَنْ ضَرَبَهُ فَضَرَبْنَاهُ بِالنِّعَالِ وَالْجَرِيدِ.[131]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Ayyūb dari Ibn Abī Mulaikah dari ‘Uqbah bin al-Ḥārīth berkata: didatangkan dengan al-Nu‘mān atau Ibn al-Nu‘mān dalam keadaan meminum arak. Maka Rasulullah SAW memerintahkan orang-orang yang berada di rumah untuk memukulnya. ‘Uqbah bin Ḥārīth berkata: aku termasuk orang yang memukulnya. Kami memukulnya dengan sepatu dan pelepah kurma.*

**Sumber Hadith**

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bab [الْوَكَالَةِ فِي الْحُدُودِ], no Hadith: 2316. Kitāb al-Ḥudūd, Bāb [مَنْ أَمَرَ بِضَرْبِ الْحَدِّ فِي الْبَيْتِ], no Hadith: 6774. Kitāb al-Ḥudūd, Bāb [الضَّرْبِ بِالْجَرِيدِ وَالنِّعَالِ], no Hadith: 6775.

Hadith 14 dan 15 ini merupakan Hadith yang menjelaskan berkaitan perwakilan dalam perundangan dan melaksanakan undang-undang. Hadith keempat belas

[131] *Ibid*. No hadith: 2316.

menjelaskan bahawa Nabi SAW telah mewakilkan kepada Unais untuk melaksanakan hukuman rejam ke atas seorang wanita manakala Hadith kelima belas pula menjelaskan tentang hukuman ke atas Nu‘aimān bin Amr dalam keadaan minum arak.[132] Hal ini dapat menjelaskan berkaitan perwakilan dalam perundangan dan akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam bab ketiga.

### Hadith 16

### Teks Hadith

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي بَكْرِ بْنِ حَزْمٍ عَنْ عَمْرَةَ بِنْتِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّهَا أَخْبَرَتْهُ قَالَتْ عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَا فَتَلْتُ قَلاَئِدَ هَدْيِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدَيَّ ثُمَّ قَلَّدَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدَيْهِ ثُمَّ بَعَثَ بِهَا مَعَ أَبِي فَلَمْ يَحْرُمْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَيْءٌ أَحَلَّهُ اللَّهُ لَهُ حَتَّى نُحِرَ الْهَدْيُ.[133]

**Terjemahan Hadith**: *Dari ‘Abdullah bin Abī Bakr bin Ḥazm dari ‘Amrah binti ‘Abd al-Raḥman bahawa dia mengkhabarkan kepadanya ‘Āisyah r.a. berkata aku memintal tali-tali kalung haiwan korban Rasulullah SAW dengan kedua tanganku. Kemudian Rasulullah SAW mengalungkan dengan kedua tangannya. Kemudian beliau mengirimkannya bersama bapaku. Tidak haram atas Rasulullah SAW sesuatu yang dihalalkan oleh Allah SWT kepadanya hingga haiwan korban disembelih.*

### Sumber Hadith

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bāb [**الْوَكَالَةِ فِي الْبُدْنِ وَتَعَاهُدِهَا**], no Hadith: 2317. Kitāb al-Aḍāḥī, Bāb [**إِذَا بَعَثَ بِهَدْيِهِ لِيُذْبَحَ لَمْ يَحْرُمْ عَلَيْهِ شَيْءٌ**], no Hadith: 5566. Kitāb al-Ḥajj, Bab [**إِشْعَارِ الْبُدْنِ وَقَالَ عُرْوَةُ عَنْ الْمِسْوَرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَلَّدَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْهَدْيَ وَأَشْعَرَهُ وَأَحْرَمَ بِالْعُمْرَةِ**], no Hadith: 1699. Kitāb al-Ḥajj, Bāb [**مَنْ أَشْعَرَ وَقَلَّدَ بِذِي الْحُلَيْفَةِ ثُمَّ أَحْرَمَ وَقَالَ نَافِعٌ كَانَ ابْنُ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا إِذَا أَهْدَى مِنْ الْمَدِينَةِ قَلَّدَهُ وَأَشْعَرَهُ بِذِي الْحُلَيْفَةِ يَطْعُنُ فِي شِقِّ سَنَامِهِ الْأَيْمَنِ بِالشَّفْرَةِ وَوَجْهُهَا قِبَلَ الْقِبْلَةِ بَارِكَةً**], no Hadith: 1696. Kitāb al-Ḥajj, Bāb [**فَتْلِ الْقَلَائِدِ لِلْبُدْنِ وَالْبَقَرِ**], no Hadith: 1698. Kitāb al-Ḥajj,

[132] Aḥmad bin ‘Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* h. 620.

[133] Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāḥīm bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.* h. 810. No hadith: 2317.

Bāb [ مَنْ قَلَّدَ الْقَلَائِدَ بِيَدِهِ], no Hadith: 1700. Kitāb al-Ḥajj, Bāb [تَقْلِيدِ الْغَنَمِ], no Hadith: 1701, 1702, 1703, 1704. Kitāb al-Ḥajj, Bāb [الْقَلَائِدِ مِنْ الْعِهْنِ, no Hadith: 1705.

2. Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Ḥajj, Bāb [ اسْتِحْبَابِ بَعْثِ الْهَدْيِ إِلَى الْحَرَمِ لِمَنْ لَا يُرِيدُ الذَّهَابَ بِنَفْسِهِ وَاسْتِحْبَابِ تَقْلِيدِهِ وَفَتْلِ الْقَلَائِدِ وَأَنَّ بَاعِثَهُ لَا يَصِيرُ مُحْرِمًا وَلَا يَحْرُمُ عَلَيْهِ شَيْءٌ بِذَلِكَ], no Hadith: 3194, 3195, 3196, 3197, 3198, 3199, 3200, 3201, 3202, 3203, 3204, 3205, 3206, 3207.
3. Jāmi‘ al-Tirmidhī, Kitāb al-Ḥajj, Bāb [ مَا جَاءَ فِي تَقْلِيدِ الْهَدْيِ لِلْمُقِيمِ], no Hadith: 908. Kitāb al-Ḥajj, Bāb [مَا جَاءَ فِي تَقْلِيدِ الْغَنَمِ], no Hadith: 909.
4. Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Manāsik, Bāb [ مَنْ بَعَثَ بِهَدْيِهِ وَأَقَامَ], no Hadith: 1758, 1759.
5. Sunan al-Nasā’ī, Kitāb al-Manāsik al-Ḥajj, Bāb [فَتْلُ الْقَلَائِدِ], no Hadith: 2777, 2778, 2779, 2780, 2781. Kitāb al-Manāsik al-Ḥajj, Bāb [ مَا يُفْتَلُ مِنْهُ الْقَلَائِدُ], no Hadith: 2782. Kitāb al-Manāsik al-Ḥajj, Bāb [تَقْلِيدُ الْإِبِلِ], no Hadith: 2785, 2786. Kitāb al-Manāsik al-Ḥajj, Bāb [تَقْلِيدُ الْغَنَمِ], no Hadith: 2787, 2788, 2790, 2791. Kitāb al-Manāsik al-Ḥajj, Bāb [ هَلْ يُوجِبُ تَقْلِيدُ الْهَدْيِ إِحْرَامًا], no Hadith: 2795, 2796, 2797, 2798, 2799.
6. Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Manāsik, Bāb [تَقْلِيدِ الْبُدْنِ], no Hadith: 3094.

Hadith ini merupakan Hadith keenam belas yang dikemukakan oleh al-Bukhārī dalam bab perwakilan dalam pengurusan haiwan korban. Hadith yang diceritakan oleh ‘Āishah r.a. ini secara jelas menerangkan Nabi SAW menyerahkan urusan korban kepada mertua Baginda iaitu Abū Bakar r.a.

## Hadith 17

### Teks Hadith

عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ: كَانَ أَبُو طَلْحَةَ أَكْثَرَ الأَنْصَارِ بِالْمَدِينَةِ مَالاً وَكَانَ أَحَبَّ أَمْوَالِهِ إِلَيْهِ بَيْرُحَاءَ وَكَانَتْ مُسْتَقْبِلَةَ الْمَسْجِدِ وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْخُلُهَا وَيَشْرَبُ مِنْ مَاءٍ فِيهَا طَيِّبٍ فَلَمَّا نَزَلَتْ: { لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ } قَامَ أَبُو طَلْحَةَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ فِي كِتَابِهِ: { لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ } وَإِنَّ أَحَبَّ أَمْوَالِي إِلَيَّ بَيْرُحَاءَ وَإِنَّهَا صَدَقَةٌ لِلَّهِ أَرْجُو بِرَّهَا وَذُخْرَهَا عِنْدَ اللَّهِ فَضَعْهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ حَيْثُ شِئْتَ فَقَالَ: ((بَخٍ ذَلِكَ مَالٌ رَائِحٌ ذَلِكَ مَالٌ رَائِحٌ)) قَدْ سَمِعْتُ مَا قُلْتَ فِيهَا وَأَرَى أَنْ تَجْعَلَهَا فِي الأَقْرَبِينَ قَالَ: أَفْعَلُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَسَمَهَا أَبُو طَلْحَةَ فِي أَقَارِبِهِ وَبَنِي عَمِّهِ. تَابَعَهُ إِسْمَاعِيلُ عَنْ مَالِكٍ وَقَالَ رَوْحٌ عَنْ مَالِكٍ: رَابِحٌ.[134]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Isḥāq bin 'Abdullah sesungguhnya dia mendengar Anas bin Mālik r.a. berkata: Abū Ṭalḥah adalah seorang Anṣār yang paling banyak memiliki harta di Madinah. Dan harta yang paling disukainya adalah Bairuḥā' yang terletak berhadapan dengan Masjid. Biasanya Rasulullah SAW memasukinya dan meminum airnya yang sangat baik. Ketika turunnya ayat {sesekali kamu tidak akan mencapai kebaikan hingga kamu menafkahkan sebahagian dari apa yang kamu cintai} Abū Ṭalḥah berdiri menuju kepada Rasulullah SAW dan berkata: Wahai Rasulullah SAW, sesungguhnya Allah SWT berfirman dalam Kitabnya: {sesekali kamu tidak akan mencapai kebaikan hingga kamu menafkahkan sebahagian dari apa yang kamu cintai}. Sesungguhnya harta yang paling aku cintai adalah Bairuḥā' dan sesungguhnya ia sedekah bagi Allah SWT, aku mengharapkan kebaikannya dan perbendaharaannya di sisi Allah SWT Letakkanlah ia wahai Rasulullah SAW di mana saja engkau kehendaki. Baginda bersabda:((Wah, itu adalah harta yang paling menguntungkan)). Aku telah mendengar apa yang engkau katakan tentangnya dan aku berpendapat agar engkau memberikannya kepada kaum kerabat. Abū Ṭalḥah berkata:Aku akan melakukannya wahai Rasulullah SAW Abu Talhah kemudian membahagikan kepada kaum kerabatnya serta anak-anak saudaranya. Riwayat ini dinukilkan pula oleh Ismā'īl dari Mālik dengan lafaz: menguntungkan.*

### Sumber Hadith

1. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wakālah, Bāb [ **إِذَا قَالَ الرَّجُلُ لِوَكِيلِهِ ضَعْهُ حَيْثُ أَرَاكَ اللَّهُ وَقَالَ الْوَكِيلُ قَدْ سَمِعْتُ مَا قُلْتَ**], no Hadith: 2318. Kitāb al-Zakāt, Bāb [ **الزَّكَاةِ عَلَى الْأَقَارِبِ وَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَهُ أَجْرَانِ أَجْرُ الْقَرَابَةِ وَالصَّدَقَةِ**], no Hadith: 1461.

[134] *Ibid*. No hadith: 2318.

Berdasarkan kepada jadual 10.0 diatas, hasil analisis tematik Hadith-hadith dalam *al-Kutub al-Sittah* menunjukkan Hadith-hadith yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* merangkumi kesemua 8 tema *al-Wakālah* yang dikemukakan oleh pengkaji. Hadith *al-Wakālah* yang berkaitan jual beli, pernikahan dan haji terdapat dalam semua *al-Kutub al-Sittah*. Sementara itu, hudud atau perundangan tidak dibincangkan dalam *Sunan al-Nasā'ī*, manakala Hadith *al-Wakālah* berkaitan zakat tidak dibincangkan dalam *Sunan al-Tirmidhī* dan *Sunan Ibn Mājah*. Dalam *Sunan Abū Dāwūd* tidak dibincangkan Hadith berkaitan korban/sembelihan. Hadith *al-Wakālah* berkaitan hutang hanya terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Sunan Abū Dāwūd*, dan *Sunan Ibn Mājah*. Selain itu, berkaitan ṣadaqah, wasiat dan hibah hanya dibincangkan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dan *Sunan Ibn Mājah*.

## 2.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, daripada 23 teks Hadith yang telah dikemukakan pengkaji dapat mengenalpasti taburan Hadith berkaitan *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah* secara terperinci. Dalam *al-Kutub al-Sittah* terdapat 250 Hadith berkaitan dengan *al-Wakālah*. Berdasarkan kepada penemuan ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa Hadith-hadith ini merangkumi pelbagai disiplin ilmu yang berkaitan urusan *al-Wakālah* dalam muamalah Islam. Berdasarkan kepada Hadith-hadith ini, pengkaji akan dapat menghuraikan analisa terhadap perbahasan *al-Wakālah* menurut perspektif *fiqh al-Ḥadīth* menerusi perbincangan dalam karya *sharḥ al-Ḥadīth*. Selain itu, hasil daripada sumber Hadith yang diperolehi dapat membantu pengkaji untuk analisis dalam bab yang ketiga selepas ini. Justeru pengkaji merasakan Hadith-hadith ini dapat memberikan manfaat untuk lebih memahami *al-Wakālah* menurut

perspektif sunnah nabawi yang menjadi sumber dan panduan dalam kehidupan umat Islam.

# BAB 3: PRINSIP *AL-WAKĀLAH* DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*

## 3.1 PENDAHULUAN

*Al-Wakālah* merupakan satu daripada kemudahan yang terdapat dalam muamalah Islam sebagai kesempurnaan cara hidup Islam kerana ianya sesuai dengan fitrah manusia yang saling memerlukan antara satu sama lain. Justeru keharusan *al-Wakālah* dalam pelbagai aspek kehidupan merupakan satu rahmat dari Allah SWT kepada manusia. Berdasarkan kepada dalil-dalil daripada al-Qur'an dan al-Hadith hukum *al-Wakālah* adalah harus. Namun ianya bergantung kepada situasi kerana sekiranya dilaksanakan untuk kebaikan maka ianya harus namun sekiranya perwakilan itu untuk perkara yang buruk atau yang dilarang maka ia boleh menjadi haram. Maka dalam bab ketiga ini, pengkaji membentangkan prinsip *al-Wakālah* hasil penelitian terhadap Hadith dalam bab kedua.

## 3.2 PRINSIP *AL-WAKĀLAH* MENURUT PERSPEKTIF *FIQH AL-ḤADĪTH*

Berdasarkan kepada Hadith-hadith *al-Wakālah* yang dikemukakan terdapat beberapa perbincangan yang berkaitan dengan *al-Wakālah* dalam muamalah Islam. Perkara ini dapat ditunjukkan dalam judul bab yang telah dikemukakan dalam *al-Kutub al-Sittah* dan juga berdasarkan kepada pemahaman Hadith tersebut. Justeru pengkaji merujuk kepada beberapa kitab *sharḥ Ḥadīth* berkaitan untuk mengupas perbincangan ini untuk mendapatkan pandangan *muḥaddithīn* berkenaan dengan perbincangan *al-Wakālah*.

Para *muḥaddithīn* juga mempunyai pandangan tersendiri dalam mendefinisikan *al-Wakālah* dan menurut Ibn Ḥajar al-'Asqalānī *al-Wakālah*

bermaksud penyerahan dan pemeliharaan dengan contoh (وكلت فلانا) iaitu aku melantik seseorang untuk memeliharanya atau menjaganya. Manakala (وكلت الأمر إليه) bermaksud aku menyerahkan urusan kepadanya.[147] Kedua-dua contoh ini membawa maksud kepada tindakan seseorang melantik atau mewakilkan kepada seseorang yang lain sebagai wakil baginya.

Menurut pengertian *syara'*, Ibn Ḥajar al-'Asqalānī mengatakan bahawa seseorang meletakkan orang lain pada tempatnya sama ada secara *muṭlak* atau *muqayyad*.[148] Berdasarkan kepada pengertian ini difahami bahawa Ibn Ḥajar al-'Asqalānī membahagikan *al-Wakālah* kepada dua jenis iaitu perwakilan secara mutlak atau terbatas. Sementara itu, menurut Ibn Mulaqqin *al-Wakālah* bermaksud penyerahan dan boleh juga memberi maksud pemeliharaan.[149] Pengertian *syara'* bermaksud pelantikan wakil oleh pewakil dalam urusan yang rasmi dan ianya berdasarkan kepada firman Allah SWT :

وَتَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡبِرِّ وَٱلتَّقۡوَىٰۖ وَلَا تَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡإِثۡمِ وَٱلۡعُدۡوَٰنِۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ٢

**Terjemahan Ayat**: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksanya (bagi sesiapa yang melanggar perintahnya).*[150]

Dalam perlaksanaan *al-Wakālah*, ayat ini telah menjelaskan bahawa setiap bentuk perwakilan adalah atas dasar tolong menolong dalam urusan manusia. Justeru

---

[147] Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍl al-'Asqalānī (2000), *Op. cit.* h. 604. Lihat juga Badr al-Dīn Ābī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-'Ainī (2001), *Op. Cit.* j. 12. h. 179.
[148] Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍl al-'Asqalānī (2000), *Op. cit.* h. 604.
[149] Sirāj al-Dīn Abī Hafs 'Umar bin 'Alī bin Aḥmad al-Ansārī (t.t), *al-Tawḍīḥ li Sahrḥ al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, Qatar: j. 15. h. 158.
[150] Surah al-Maidah 5: 2.

ianya tertakluk kepada hukum dan syarat yang ditunjukkan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW dan *al-Wakālah* boleh menjadi hukum wajib, sunat, harus atau haram mengikut kepada situasi dan keadaan perlaksanaannya.

Justeru perbincangan bab ini pengkaji akan menganalisis prinsip-prinsip *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah*. Pengkaji akan menfokuskan kepada perbahasan yang dibincangkan dalam karya-karya *sharḥ Ḥāḍīṭḥ* seperti *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*[151] karangan Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *'Umdah al-Qārī*[152] karangan Imam Badr al-Dīn al-'Ainī, *al-Tawḍīḥ li Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*[153] karangan Sirāj al-Dīn al-Anṣārī, (1415H), '*Awn al-Ma'bud Sharh Sunan Abu Dawud*[154] karangan Muhammad Shams al-Haq al-'Azim Abadi. Hasil kajian ini, pengkaji dapat mengeluarkan 8 prinsip *al-Wakālah* berdasarkan kepada Hadith-hadith Nabi SAW iaitu seperti berikut:

### 3.2.1 Melantik dan Menjadi Wakil Dalam Perkara Yang di Benarkan *Syara'*

Menurut Ibn Battal[155] mewakilkan sesuatu urusan kepada seseorang wakil itu diharuskan. [156] Ini berdasarkan kepada 23 teks yang dikemukakan dalam bab kedua yang membincangkan mengenai perihal berkaitan urusan *al-Wakālah*. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa Hadith-hadith tersebut juga menjelaskan perlaksanaan *al-Wakālah* dalam pelbagai aspek muamalah yang berlaku dalam kehidupan

---

151 Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍl al-'Asqalānī (2000), *Op. Cit.*
152 Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-'Ainī (2001), *Op. Cit.*
153 Sirāj al-Dīn Abī Hafs 'Umar bin 'Alī bin Aḥmad al-Ansārī (t.t), *Op. Cit.*
154 Muhammad Shams al-Haq al-'Azim Abadi (1415H), '*Awn al-Ma'bud Sharh Sunan Abu Dawud*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
155 Abū al-Hasan 'Alī bin Khalf bin 'Abd al-Mālik bin Battal al-Kubrā al-Qurtubī selepas ini Ibn Battal
(1423H/2003M).
156 Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍl al-'Asqalānī (2000), *Op. cit.* h. 604.

manusia. Selain itu, menurut Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi para ulama' telah sepakat tentang harusnya perlaksanaan *al-Wakālah*.[157]

Dalam perlaksanaan *al-Wakālah*, mestilah adanya tawaran dan penerimaan. Dalam perkara ini, tawaran bermaksud pihak pewakil yang membuat pelantikan sebagai wakil kepada sesiapa sahaja atau pihak tertentu manakala penerimaan, adalah pihak yang dilantik menerima pelantikan tersebut secara bersyarat atau tanpa syarat. Sekiranya penerimaan wakil tanpa syarat (mutlak), pihak wakil boleh melaksanakan tugasannya pada bila-bila masa. Sebaliknya sekiranya penerimaan wakil bersyarat, maka pihak wakil perlu melaksanakan tugasannya berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah dipersetujui oleh pihak pewakil dan juga wakil.[158]

Hadith-hadith ini merupakan sumber kepada pengaplikasian konsep *al-Wakālah* dalam kehidupan masyarakat Islam. Selain itu, para fuqaha juga sepakat dalam mengharuskan perlaksanaan *al-Wakālah* dalam urusan kehidupan umat Islam berlandaskan kepada syarat-syarat tertentu yang dibenarkan oleh *syara'*. Berdasarkan kepada perbincangan Hadith-hadith *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah* beberapa aspek yang berkaitan *al-Wakālah* menurut perspektif *fiqh al-Ḥadīth* yang diharuskan oleh syara' untuk melantik dan menjadi wakil adalah seperti berikut:

**i) Melantik Wakil Dalam Ibadah Khusus Seperti Zakat, Korban dan Haji**

Pengkaji dapat menyatakan bahawa terdapat perlaksanaan *al-Wakālah* dalam konteks ibadah khususnya seperti ibadah korban, zakat dan haji. Pengkaji

[157] Muḥammad Idrīs al-Marbāwī (t.t), *Op. cit.* h. 407.
[158] Muhammad al-Sayyid Yusuf, Prof. Dr. (2008), *Tafsir Ekonomi Islam (Konsep Ekonomi al-Qur'an),* Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa. h. 60.

akan mengemukakan perbincangan ini satu persatu berdasarkan kepada perbincangan *fiqh al-Ḥadīth*. Berdasarkan kepada Hadith yang telah dikemukakan wujudnya *al-Wakālah* dalam ibadah korban. Hal ini menjelaskan bahawa diharuskan melantik wakil untuk menguruskan pembahagian dalam ibadah korban.[159] Nabi SAW bersabda:

"وَقَدْ أَشْرَكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلِيًّا فِي هَدْيِهِ ثُمَّ أَمَرَهُ بِقِسْمَتِهَا"[160]

**Terjemahan Hadith**: " *Nabi s.a.w. telah menjadikan Ali r.a. rakan kongsinya dalam haiwan korbannya, kemudian baginda memerintahkannya untuk membahagikan daging haiwan korban tersebut*".

Hal ini berlaku apabila dilantik wakil dalam urusan pembahagian binatang korban dan dagingnya seperti mana Nabi SAW melantik ‘Ali untuk membahagikan daging korban dan juga ‘Uqbah bin ‘Amir yang dilantik oleh Nabi SAW untuk membahagikan haiwan korban seperti mana dalam Hadith Baginda SAW:

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَاهُ غَنَمًا يَقْسِمُهَا عَلَى صَحَابَتِهِ فَبَقِيَ عَتُودٌ فَذَكَرَهُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ:((ضَحِّ بِهِ أَنْتَ)). [161]

**Terjemahan Hadith**: *Dari ‘Uqbah bin ‘Amir r.a. bahawa Nabi s.a.w memberikan kambing kepadanya untuk dibahagikan kepada para sahabatnya. Terdapat lebihan kambing kecil, lalu diceritakan kepada Nabi SAW dan baginda bersabda: ((Korbankan ia untuk mu)).*

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī menjelaskan bahawa dalam Hadith ini ‘Uqbah merupakan salah seorang daripada yang memiliki hak dalam pembahagian tersebut dan beliau juga merupakan individu yang menguruskan haiwan korban tersebut. Selain itu, Ibn Battal turut menjelaskan bahawa Hadith-

---

[159] Rujuk hadith 1, 2 dan 16.
[160] Muḥammad bin Ismai‘l bin Ibraḥīm bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *Op. Cit.* h. 179.
[161] *Ibid.* No hadith: 2300.

hadith ini turut menunjukkan bahawa harusnya untuk mewakilkan kepada rakan kongsi dalam urusan muamalah.[162]

Selain itu, perwakilan juga berlaku penyembelihan haiwan korban. Dalam Hadith yang dikemukakan oleh Abū Dawūd ditambah berkenaan dengan larangan untuk memberikan daging haiwan korban kepada penyembelih.

عَنْ مُجَاهِدٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي لَيْلَى عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ أَقُومَ عَلَى بُدْنِهِ وَأَقْسِمَ جُلُودَهَا وَجِلَالَهَا وَأَمَرَنِي أَنْ لَا أُعْطِيَ الْجَزَّارَ مِنْهَا شَيْئًا وَقَالَ نَحْنُ نُعْطِيهِ مِنْ عِنْدِنَا[163]

**Terjemahan Hadith:** *Dari Mujahid dari 'Abd al-Rahman Bin Abi Laili dari 'Ali r.a, dia berkata: Rasulullah memerintahkan aku untuk menyembelih untanya dan membahagikan kulitnya dan pelananya dan memerintahkan aku agar tidak memberikan penyembelih itu bahagian dari unta tersebut (qurban) dan Baginda SAW berkata kepada kami: berikanlah apa yang kami ada (bukan daripada daging korban).*

Dalam Hadith ini, menunjukkan bahawa Nabi SAW telah mengarahkan 'Ali r.a. untuk mencari tukang sembelihan dan dijelaskan juga bahawa upah kepada tukang sembelih bagi haiwan korban bukan daripada daging korban haiwan tersebut. Al-Khatābī berkata, penyembelih boleh diberikan sedekah oleh ahli atau pemilik haiwan korban tersebut sebagai upah pekerjaannya.Ini berdasarkan kepada potongan Hadith Abū Dawūd ( " :وَقَالَ نَحْنُ نُعْطِيهِ مِنْ عِنْدِنَا ")[164].

---

[162]Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar Abū al-Faḍl al-'Asqalānī (2000), *Op. cit.* h. 603.
[163]Abī Dawūd Sulaimān bin al-Ash'āb bin Isḥāq al-Azdī al-Sajastānī (2000), *Op. Cit*. h. 1354. Kitab al-Manāsik, Bab [كَيْفَ تُنْحَرُ الْبُدْنُ], no. Hadith: 1769.
[164] Muḥammad Shams al-Hāq al-'Azīm Abādī (1415H), '*Awn al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abū Dawūd*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah. h. 798.

Menurut Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-66 yang bersidang pada 25 Nov 2004, *al-Wakālah* dalam ibadah korban adalah diharuskan.[165] Dalam ibadah korban, wakil dilantik untuk melaksanakan korban dan juga dalam pengagihan daging korban. Selain itu, melantik wakil untuk melaksanakan korban di luar kawasan atau di luar negara juga diharuskan.[166] Nabi SAW bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي بَكْرِ بْنِ حَزْمٍ عَنْ عَمْرَةَ بِنْتِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّهَا أَخْبَرَتْهُ قَالَتْ عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَا فَتَلْتُ قَلَائِدَ هَدْيِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدَيَّ ثُمَّ قَلَّدَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدَيْهِ ثُمَّ بَعَثَ بِهَا مَعَ أَبِي فَلَمْ يَحْرُمْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَيْءٌ أَحَلَّهُ اللَّهُ لَهُ حَتَّى نُحِرَ الْهَدْيُ.[167]

**Terjemahan Hadith**: *Dari 'Abdullah bin Abi Bakr bin Hazm dari 'Amrah binti 'Abd al-Rahman bahawa dia mengkhabarkan kepadanya 'Aisyah r.a. berkata aku memintal tali-tali kalung haiwan korban Rasulullah SAW dengan kedua tanganku. Kemudian Rasulullah SAW mengalungkan dengan kedua tangannya. Kemudian beliau mengirimkannya bersama bapaku. Tidak haram atas Rasulullah SAW sesuatu yang halal Allah SWT kepadanya hingga haiwan korban disembelih.*

Hadith di atas merupakan antara dalil yang mengharuskan untuk melantik wakil dalam urusan ibadah korban. Justeru, dalam melaksanakan ibadah korban pelantikan wakil adalah diharuskan, namun beberapa perkara perlu dititikberatkan seperti wakil yang dilantik merupakan seorang yang amanah dan mampu untuk melaksanakan ibadah korban.

---

165 http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-wakalah-dan-beberapa-perkara-berbangkit-dalam-ibadat-korban capaian pada 10 Oktober 2011.

166 *Ibid*.

167 Muḥammad bin Ismaī'l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 181. No hadith: 2317.

Selain itu, berdasarkan kepada beberapa Hadith Nabi SAW juga telah menjelaskan berkenaan dengan perwakilan dalam urusan zakat. Nabi SAW membenarkan untuk melantik wakil bagi urusan membayar zakat dan juga melantik wakil untuk memungut zakat. Sejarah juga telah menjelaskan bahawa institusi zakat turut ditubuhkan untuk menguruskan harta zakat. Justeru pengkaji melihat hukum *al-Wakālah* dalam pengurusan zakat adalah harus. Pertamanya untuk melantik wakil bagi menguruskan harta zakat ianya berdasarkan kepada Hadith  ke-11 yang menceritakan kisah yang berlaku terhadap Abu Hurairah r.a. apabila Nabi SAW telah mewakilkannya untuk menjaga harta zakat fitrah ramadhan.[168] Sabda Nabi SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: وَكَّلَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِحِفْظِ زَكَاةِ رَمَضَانَ[169]

**Terjemahan:** "*Dari Abi Hurairah r.a. berkata: Rasulullah SAW mewakilkan kepadaku untuk menjaga zakat ramadhan.*"

Di samping itu, dalam pengurusan zakat Islam telah mengharuskan untuk melantik wakil atau amil untuk memungut zakat. Ini berdasarkan Hadith Nabi SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عُمَرَ عَلَى الصَّدَقَةِ[170]

**Terjemahan Haidth:** "*Dari Abi Hurairah r.a. telah berkata: Rasulullah SAW telah mengutus Umar r.a untuk memungut zakat.*"

Amil zakat bermaksud golongan yang terlibat dalam pengurusan zakat sama ada pegawai pengurusan atau kakitangan setiap peringkat.[171] Pihak amil

---

[168] Aḥmad bin ‘Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* j.4. h. 617.
[169] Muḥammad bin Ismaī‘l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 180. No hadith: 2311.
[170] Abī al-Husain Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Naisābūrī  (2000), *Op. Cit.* h. 832.

ini berhak memperoleh peruntukan tertentu hasil daripada pungutan zakat.[172] Imam al-Nawawi menjelaskan amil adalah pekerjaan berupah dan mereka berhak menerima ganjaran yang setimpal dengan pekerjaan yang dilakukan dengan kadar satu perlapan (1/8) daripada jumlah pungutan zakat.[173]

Selain daripada itu, wakil yang dilantik untuk menjaga harta sama ada harta zakat atau sebagainya mestilah orang yang jujur dan amanah. Ibn Qudāmah menegaskan bahawa amanah merupakan salah satu daripada syarat amil dan Syeikh Yusuf al-Qardawi menyatakan orang fasik dan khianat tidak layak menjadi amil kerana tidak mampu untuk bersikap amanah dalam menguruskan harta khususnya harta zakat.[174] Antara syarat-syarat lain bagi amil adalah mestilah seorang Islam, mukallaf, memahami hukum zakat, mampu melaksanakan kerja kerana sebagai wakil amil mestilah seorang yang mampu melaksanakan tugas tersebut.[175] Di samping itu, diharuskan juga melantik wakil untuk membayar zakat sekiranya ada keperluan.[176]

Ibadah haji merupakan rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam yang mampu. Namun sekiranya seseorang itu tidak sempat untuk menunaikan haji semasa hayatnya maka diharuskan kepada

---

[171] Yusuf Qardawi (2006), *Fiqh al-Zakat*, Kaherah: Maktabah Wahbah. j. 2. h. 591.

[172] Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 427.

[173] Abū Zakaria Yaḥyā bin Sharf al-Nawāwī (t.t), *al-Majmu'*, Kaherah: Maktabah al-Iman. h. 195.

[174] Ibn Qudāmah (1968), *al-Mughnī*, Kaherah: Matba'ah al-Qahirah. j. 2. h. 488. Lihat juga Yusuf al-Qardawi (1973), *Fiqh al-Zakat*, Beirut: Muasassah al-Risalah. h. 586.

[175] Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *Op. cit.* h. 427-430.

[176] Lihat Kertas Kerja Dato' Hj. Abdul Majid bin Omar, *Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian Dan Qada' Zakat*, Kertas kerja ini dibentangkan pada Seminar Peningkatan Profesionalisme Penolong Pendaftar Nikah Daerah Kuala Langat, 22 Ogos 2007, Hotel Concorde Inn, KLIA Sepang.

keluarganya untuk melantik wakil untuk melaksanakan ibadah haji bagi si mati (badal haji). Perkara ini berdasarkan kepada Hadith Nabi SAW:

عَنْ النُّعْمَانِ بْنِ سَالِمٍ، عَنْ عَمْرِو بْنِ أَوْسٍ، عَنْ أَبِي رَزِينٍ الْعُقَيْلِيِّ، أَنَّهُ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أَبِي شَيْخٌ كَبِيرٌ لَا يَسْتَطِيعُ الْحَجَّ وَلَا الْعُمْرَةَ وَلَا الظَّعْنَ، قَالَ: " حُجَّ عَنْ أَبِيكَ وَاعْتَمِرْ".[177]

**Terjemahan Hadith:** *Dari al-Nu'man bin Salim, dari 'Amru bin 'Aus, dari Abi Razin al-'Uqayli, bahawa dia telah datang kepada Rasulullah SAW dan berkata: "Bahawa bapa saya seorang yang telah tua, tidak berdaya menunaikan haji dan umrah, dan tidak berkuasa mengikuti rombongan atau berjalan untuk mengerjakan haji atau umrah" Rasulullah SAW bersabda : "Tunaikanlah haji untuk bapamu dan umrahnya sekali".*

Jelas dalam Hadith ini Nabi SAW membenarkan untuk melaksanakan badal haji. Seterusnya melantik seseorang untuk melaksanakan haji dan umrah juga diharuskan. Hal ini kerana Haji merupakan hak Allah SWT dan wajib ditunaikan oleh setiap *mukallaf* berdasarkan kepada sabda Rasulullah SAW:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ امْرَأَةً مِنْ جُهَيْنَةَ جَاءَتْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: " إِنَّ أُمِّي نَذَرَتْ أَنْ تَحُجَّ فَلَمْ تَحُجَّ حَتَّى مَاتَتْ، أَفَأَحُجُّ عَنْهَا؟ قَالَ: نَعَمْ، حُجِّي عَنْهَا، أَرَأَيْتِ لَوْ كَانَ عَلَى أُمِّكِ دَيْنٌ أَكُنْتِ قَاضِيَةً، اقْضُوا اللَّهَ، فَاللَّهُ أَحَقُّ بِالْوَفَاءِ ".[178]

**Terjemahan Hadith:** *Dari Ibnu Abbas: "Seorang perempuan dari bani Juhainah datang kepada Rasulullah s.a.w. bertanya "Rasulullah, Ibuku pernah bernazar ingin melaksanakan ibadah haji, sehingga dia meninggal padahal dia belum melaksanakan ibadah haji tersebut, apakah aku boleh menghajikannya?. Rasulullah menjawab: Ya, "Hajikanlah untuknya, Jika ibumu mempunyai hutang kamu juga wajib membayarnya bukan? Bayarlah hutang Allah, kerana hak Allah lebih berhak untuk dipenuhi".*

---

177 Abī 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Ṣūrah ibn Mūsā al-Tirmidhī (2000), *Op. Cit.* h. 1740.
178 Muḥammad bin Ismaī'l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 181. No hadith:1852.

**ii) Melantik Wakil Dalam Perkahwinan**

Perwakilan dalam urusan perkahwinan juga merupakan antara perkara yang sering berlaku dalam masyarakat Islam. Pengkaji mendapati hukum melantik wakil dalam urusan perkahwinan adalah harus. Perkara ini adalah berdasarkan kepada Hadith ke-10 yang menjelaskan keharusan mewakilkan urusan pernikahan kepada Imam.[179] Nabi SAW bersabda:

عَنْ أَبِي حَازِمٍ عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ قَالَ: جَاءَتْ امْرَأَةٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي قَدْ وَهَبْتُ لَكَ مِنْ نَفْسِي فَقَالَ رَجُلٌ: زَوِّجْنِيهَا قَالَ: ((قَدْ زَوَّجْنَاكَهَا بِمَا مَعَكَ مِنْ الْقُرْآنِ)).[180]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Abi Hazim dari Sahl bin Sa'id berkata: Seorang wanita telah datang kepada Rasulullah SAW dan berkata: Wahai Rasulullah SAW, sesungguhnya aku telah menghibahkan diriku untukmu. Seorang lelaki berkata: Kahwinkanlah aku dengannya. Baginda bersabda: (( kami telah menikahkannya denganmu dengan al-Quran yang ada padamu (mahar hafalan)).*

Ibn Ḥajar al-Asqalānī menjelaskan bahawa perkataan wanita[181] dalam Hadith ini iaitu "*Wahai Rasulullah SAW, sesungguhnya aku telah menghibahkan diriku untukmu."* bermaksud wanita tersebut telah menyerahkan (mewakilkan) kepada Nabi SAW untuk menikahi atau menikahkannya dengan sesiapa sahaja yang dikehendaki.[182] Sepertimana firman Allah SWT:

ٱلنَّبِىُّ أَوْلَىٰ بِٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ ۖ

**Terjemahan Ayat** : "*Nabi itu lebih menolong dan lebih menjaga kebaikan orang-orang Yang beriman daripada diri mereka sendiri;*"[183]

---

[179] Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* j.4. h. 612.

[180] Muḥammad bin Ismaī'l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 180. No hadith: 2310.

[181] Imam al-'Ainī menyatakan nama wanita tersebut sama ada Khaulah binti Hakim atau Ummu Sharik al-Azdiyah. Lihat Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-'Ainī (2001), *Op. Cit.* j. 12. h. 198.

[182] Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op. Cit.* j.4. h. 613.

[183] Surah al-Ahzab 33: 6.

وَٱمۡرَأَةً مُّؤۡمِنَةً إِن وَهَبَتۡ نَفۡسَهَا لِلنَّبِيِّ إِنۡ أَرَادَ ٱلنَّبِيُّ أَن يَسۡتَنكِحَهَا خَالِصَةً لَّكَ مِن دُونِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَۗ قَدۡ عَلِمۡنَا مَا فَرَضۡنَا عَلَيۡهِمۡ فِيٓ أَزۡوَٰجِهِمۡ وَمَا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُهُمۡ لِكَيۡلَا يَكُونَ عَلَيۡكَ حَرَجٞۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورٗا رَّحِيمٗا ۝٥٠

**Terjemahan Ayat: "***Dan (Kami telah halalkan bagimu) mana-mana perempuan yang beriman yang memberikan dirinya kepada Nabi (untuk dikahwininya dengan tidak membayar maskahwin) kalaulah Nabi suka berkahwin dengannya; perkahwinan yang demikian adalah khas bagimu semata-mata, bukan bagi orang-orang yang beriman umumnya; Sesungguhnya Kami telah mengetahui apa yang kami wajibkan kepada orang-orang mukmin mengenai isteri-isteri mereka dan hamba-hamba perempuan yang mereka miliki; - supaya tidak menjadi keberatan bagimu. dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*"[184]

Berdasarkan Hadith ini Nabi SAW telah menikahkan wanita tersebut dengan seorang lelaki dengan mahar hafalan al-Qur'an. Imam al-'Aini turut menjelaskan dalam perkara ini diharuskan untuk wali atau hakim menjadi wakil dalam perkahwinan sekiranya dalam kesukaran.[185]

Hadith lain yang turut menjadi hujah terhadap dibolehkan melantik wakil dalam perkahwinan berdasarkan Hadith Nabi SAW:

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ، لِرَجُلٍ: أَتَرْضَى أَنْ أُزَوِّجَكَ فُلَانَةَ؟ قَالَ نَعَمْ، وَقَالَ لِلْمَرْأَةِ :أَتَرْضَيْنَ أَنْ أُزَوِّجَكِ فُلَانًا قَالَتْ نَعَمْ. فَزَوَّجَ أَحَدَهُمَا صَاحِبَهُ فَدَخَلَ بِهَا الرَّجُلُ وَلَمْ يَفْرِضْ لَهَا صَدَاقًا وَلَمْ يُعْطِهَا شَيْئًا وَكَانَ مِمَّنْ شَهِدَ الْحُدَيْبِيَةَ وَكَانَ مَنْ شَهِدَ الْحُدَيْبِيَةَ[186]

**Terjemahan Hadith**: *Dari 'Uqbah bin 'Amir, Sesungguhnya Nabi SAW bertanya kepada seorang lelaki, Adakah kamu rela bahawa aku kahwinkan kamu dengan Fulanah? Ia berkata: Ya. Dan Nabi SAW bertanya kepada perempuan: Adakah kamu juga rela bahawa aku kahwinkan kamu dengan fulan? Ia menjawab: Ya. Maka Rasulullah SAW mengahwinkan mereka keduanya. Lalu berlakulah hubungan jima' antara keduanya dan dalam masa sama, lelaki tersebut tidak menentukan jumlah mahar dan tidak memberikan*

[184] Surah al-Ahzab 33: 50
[185] Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-'Ainī (2001), *Op. Cit.* j. 12. h. 200.
[186] Abū Dawūd Sulaimān bin al-Ash'āb bin Isḥāq al-Aẓdī al-Sajastānī (2000), No. Hadith. 2117.

*apa-apa kepada wanita tersebut sebagai mahar dan lelaki itu adalah termasuk di kalangan orang yang menyaksikan peristiwa perjanjian hudaibiyyah.*

Ibn Qayyim menyatakan bahawa Hadith ini merupakan dalil yang menjelaskan bahawa diharuskan seorang lelaki menjadi wakil kepada kedua-dua belah pihak dan melaksanakan akad perkahwinan mereka.[187]

Konsep *al-Wakālah* juga penting dalam urusan perkahwinan kerana dalam beberapa urusan perkahwinan memerlukan kepada wakil untuk melaksanakan urusan perkahwinan. Islam mengharuskan *al-Wakālah* dalam perkahwinan untuk memberikan rukhsah kepada umatnya dalam urusan perkahwinan. *Al-Wakālah* dalam perkahwinan berlaku apabila seseorang melantik wakil yang berkelayakan untuk melaksanakan akad perkahwinan bagi pihaknya atau sebagai wakil untuk menerima akad perkahwinan bagi pihak dirinya (bagi lelaki) dengan syarat-syarat tertentu.[188]

Sebagai contoh, Islam mengharuskan untuk melantik wakil kepada wali dalam akad nikah sekiranya wali berada jauh atau tidak dapat hadir ataupun wali tidak mampu untuk melaksanakan akad nikah. Justeru, boleh dilantik wakil untuk melaksanakan akad nikah kepada orang lain yang mempunyai kelayakan syar‘i. Hal ini biasanya diamalkan di Malaysia dengan wali mewakilkan kepada imam qaryah untuk melaksanakan majlis akad nikah bagi pihaknya.[189] Ini juga termasuklah sekiranya pewakil itu, hadir ataupun

---

[187] Ibn Qayyīm al-Jauẓiyah (1995), *Zāad al-Māad*, j.5. Beirut: Dar al-Fikr. h. 84.
[188] Mohd Zakir bin Majid (2004), *Op. Cit.* h. 46.
[189] http://blogs.iium.edu.my/ka_mokhtar/2010/03/04/nikah-kahwin-dan-wali-ghafani-awang-teh-bhg-akhir/ capaian pada 10 Oktober 2011.

tidak dalam majlis akad perkahwinan tersebut seperti dalam keadaan tertentu kerana wali tinggal berjauhan dan sebagainya.[190]

**iii) Melantik Wakil (Peguam) Dalam Perbicaraan**

Prinsip yang seterusnya adalah prinsip *al-Wakālah* dalam bab perundangan (hudud). Berdasarkan kepada Hadith ke-8 dalam bab kedua, secara umumnya menceritakan tentang rampasan perang. Menurut Ibn Battal apabila wakil meminta maaf bagi dirinya dan diperkenankan, ianya adalah sama hukumnya dengan orang yang diwakili.[191] Hadith ini turut menyatakan pengakuan seseorang wakil terhadap orang yang diwakilinya dapat diterima kerana orang-orang yang arif itu bertindak sebagai wakil dalam urusan mereka.[192]

Selain itu, perwakilan untuk melaksanakan hukuman adalah diharuskan berdasarkan kepada Hadith Nabi SAW:

عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ وَأَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:(( وَاغْدُ يَا أُنَيْسُ إِلَى امْرَأَةِ هَذَا فَإِنْ اعْتَرَفَتْ فَارْجُمْهَا))[193]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Ibn Shihab dari 'Ubaidillah bin 'Abdullah, dari Zaid bin khalid dan Abi Hurairah r.a dari Nabi SAW bersabda: ((Pergilah pagi-pagi wahai Unais kepada isteri orang ini. Apabila dia mengaku maka rejamlah)).*

Hadith ini menjelaskan bahawa Nabi SAW telah melantik Unais bin al-Ḍahak al-Aslami[194] untuk melaksanakan hukuman ke atas seorang isteri yang telah berzina dan sekiranya wanita tersebut mengakui perbuatannya

[190] Mohd Zakir bin Majid (2004). *Op. Cit.* h. 57.
[191] Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* h. 610.
[192] *Ibid.*
[193] Muḥammad bin Ismaī'l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 181. No hadith: 2314, 2315.
[194] Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-'Aynī (2001), *Op. Cit.* j. 12. h. 213.

maka hukuman rejam dikenakan keatasnya.[195] Hadith ini turut memberikan penjelasan kepada hukuman bagi penzina yang sudah berkahwin adalah hukuman rejam dan sekiranya wanita tersebut mengandung hendaklah ditunggu sehingga melahirkan bayinya.[196]

Seterusnya dalam Hadith ke-15 telah menjelaskan bahawa diharuskan juga untuk melantik wakil bagi mengenakan hukuman terhadap peminum arak (*al-Khamar*). Sabda Nabi SAW:

عَنْ أَيُّوبَ عَنْ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ الْحَارِثِ: قَالَ جِيءَ بِالنُّعَيْمَانِ أَوْ ابْنِ النُّعَيْمَانِ شَارِبًا فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ كَانَ فِي الْبَيْتِ أَنْ يَضْرِبُوا قَالَ: فَكُنْتُ أَنَا فِيمَنْ ضَرَبَهُ فَضَرَبْنَاهُ بِالنِّعَالِ وَالْجَرِيدِ.[197]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Ayyub dari Ibn Abi Mulaikah dari ‘Uqbah bin al-Harith berkata: didatangkan dengan al-Nu’man atau Ibn al-Nu’man dalam keadaan meminum arak. Maka Rasulullah SAW memerintahkan orang-orang yang berada di rumah untuk memukulnya. ‘Uqbah bin Harith berkata: aku termasuk orang yang memukulnya. Kami memukulnya dengan sepatu dan pelepah kurma.*

Hadith ini telah menjelaskan bahawa Baginda SAW telah mengarah sahabat-sahabat Baginda untuk melaksanakan hukuman terhadap peminum arak iaitu Nu‘aiman bin ‘Amr bin Rifa‘ah bin al-Harith bin Sawad bin Malik bin Ghanam bin Malik bin al-Najar al-Ansari yang juga merupakan salah seorang ahli dalam perang badar.[198]

---

[195] *Ibid.*

[196] Aḥmad bin ‘Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* j.4. h. 620.

[197] Muḥammad bin Ismaī‘l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 181. No hadith: 2316.

[198] Aḥmad bin ‘Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* j.4. h. 620. Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-‘Ainī (2001), *Op. Cit.* j. 12. h. 214.

Selain itu, terdapat Hadith-hadith lain yang menjelaskan berkaitan melantik wakil dalam perbicaraan dan Hadith-hadith ini banyak dibincangkan dalam " *Kitab al-Wakālah al-Sunan al-Baihaqi*".[199]

Peguam menurut istilah fiqh merupakan wakil dalam perbicaraan. Perwakilan ini berlaku apabila seseorang yang mempunyai kes di mahkamah kemudian melantik wakil atau individu yang layak sebagai jurubicara bagi pihaknya.[200] Justeru amat perlu prinsip-prinsip dan etika-etika perwakilan dalam perundangan (*al-Wakālah bi al-khuṣūmah*[201]) diketahui oleh umat Islam dan juga para peguam dan bakal peguam. Oleh itu, Islam telah memberikan panduan dalam perkara ini berdasarkan kepada Hadith-hadith Nabi SAW dan juga ijtihad dan pandangan para ulama. Selain itu, dalam perbicaraan menurut pandangan Imam al-Syafi'i, wakil atau peguam itu, tidak mempunyai hak untuk pengakuan (iqrar) atau untuk berdamai, hak untuk melepaskan hutang atau memegang hutang.[202] Peguam juga tidak berhak untuk menerima hak penjagaan harta kecuali terdapat bukti dan diizinkan oleh pewakil dalam masa perwakilan itu.[203]

Selain itu, berdasarkan kepada pandangan Imam Malik, perlu ada beberapa syarat dalam perlaksanaan *al- Wakālah* dalam perbicaraan. Pertamanya hendaklah wakil (peguam), itu hanya seorang sahaja dan tidak

[199] Abī Bakr bin al-Ḥusain bin 'Alī al-Baihāqī (2003), *Sunan al-Kubrā*, Beirut: Dar al-Kutub al-Imiyyah'. j. 6. h. 132.
[200] http://abuumair1.wordpress.com/soal-jawab/pelbagai/16-007/ capaian pada 22 September 2011.
[201] *Al-Wakālah bi al-Khuṣūmah bermaksud ( pendakwaan dihadapan hakim perbicaraan atau dihadapan Qadhi seperti peguambela dan peguamcara. Peguam bertanggungjawab ke atas semua dakwaan dan segala yang berkaitan dengan orang yang dituduh atau didakwa).* Lihat Abdul Halim Faiz bin Jamek (1993), *Op. Cit.* h. 61.
[202] Ibid. h. 63.
[203] Abd al-Raḥmān bin Muḥammad 'Aud al-Jazīrī (2001), *Op. Cit.* h. 175-180.

sah sekiranya ramai kecuali dengan kerelaan pendakwa. Selain itu, wakil itu juga bukanlah musuh kepada pihak pendakwa dan perwakilan dalam perbicaraan hendaklah ditentukan kerana tidak sah untuk pewakilkan itu melantik wakil untuk semua perbicaraan dan semua pertuduhan.[204]

Justeru, hukum melantik wakil untuk melaksanakan hukuman yang telah ditetapkan adalah diharuskan. Selain itu, pemimpin apabila tidak menegakkan hukuman dan menyerahkan kepada wakilnya sama seperti mewakilkan mereka untuk melaksanakan hukuman tersebut.[205] Peguam yang dilantik mestilah seorang yang berpengetahuan luas dalam bidang perundangan dan mampu melaksanakan tugas dengan adil dan menegakkan keadilan. Berdasarkan kepada Hadith-hadith ini maka hukum melantik wakil dalam perbicaraan khususnya di Mahkamah adalah diharuskan dalam Islam dengan syarat ianya adalah berlandaskan syariat Islam.

**iv) Melantik Wakil Untuk Membayar dan Menerima Hutang**

Hutang (*al-dayn*) adalah diharuskan dalam Islam. Perkara boleh dilihat berdasarkan kepada firman Allah SWT:

۞ وَإِن كُنتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا۟ كَاتِبًا فَرِهَٰنٌ مَّقْبُوضَةٌ ۖ فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُم بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ
ٱلَّذِى ٱؤْتُمِنَ أَمَٰنَتَهُۥ وَلْيَتَّقِ ٱللَّهَ رَبَّهُۥ ۗ وَلَا تَكْتُمُوا۟ ٱلشَّهَٰدَةَ ۚ وَمَن يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُۥٓ ءَاثِمٌ
قَلْبُهُۥ ۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٢٨٣﴾

**Terjemahan: "***dan jika kamu berada Dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang Yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang Yang memberi hutang). kemudian kalau Yang memberi hutang percaya*

---

204 *Ibid*.
205 Aḥmad bin ʻAlī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* j.4. h. 620.

*kepada Yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) Yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang Yang diamanahkan kepadaNya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya. dan janganlah kamu (Wahai orang-orang Yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara Yang dipersaksikan itu. dan sesiapa Yang menyembunyikannya, maka Sesungguhnya ia adalah orang Yang berdosa hatinya. dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan apa Yang kamu kerjakan*."[206]

Hutang juga bermaksud memberikan sesuatu kepada seseorang dengan perjanjian individu tersebut akan membayar semula dengan perkara yang sama.[207] Hutang juga merupakan satu sistem yang berkonsepkan tolong menolong dan saling membantu antara satu sama lain dengan tujuan untuk membangunkan Islam seperti firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡبِرِّ وَٱلتَّقۡوَىٰۖ وَلَا تَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡإِثۡمِ وَٱلۡعُدۡوَٰنِۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ﴿٢﴾

**Terjemahan:** *"dan hendaklah kamu bertolong*-tolongan *untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksanya (bagi sesiapa yang melanggar perintahnya)."*[208]

Walau bagaimanapun, Islam tidak mengalakkan umatnya terlalu banyak berhutang kerana ianya boleh mendatangkan kesan buruk kepada umat Islam. Dalam kajian ini, pengkaji hanya mengkhususkan kepada perbincangan berkaitan wakil dalam masalah hutang piutang sama ada wakil yang dilantik sebagai pihak kedua untuk membayar hutang atau memungut dan menerima hutang.

[206] Surah al-Baqarah 2:283.
[207] Haron Din (2002), *Manusia dan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. j. 2. h. 48.
[208] Surah al-Ma'idah 5:2.

Berdasarkan kepada Hadith ke-7 telah menjelaskan bahawa adalah dibolehkan melantik wakil untuk melunasi hutang.

عَنْ سَلَمَةَ بْنِ كُهَيْلٍ سَمِعْتُ أَبَا سَلَمَةَ بْنَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ  أَنَّ رَجُلاً أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَقَاضَاهُ فَأَغْلَظَ فَهَمَّ بِهِ أَصْحَابُهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (( دَعُوهُ فَإِنَّ لِصَاحِبِ الْحَقِّ مَقَالاً)) ثُمَّ قَالَ: ((أَعْطُوهُ سِنًّا مِثْلَ سِنِّهِ)) قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِلاَّ أَمْثَلَ مِنْ سِنِّهِ فَقَالَ: ((أَعْطُوهُ فَإِنَّ مِنْ خَيْرِكُمْ أَحْسَنَكُمْ قَضَاءً)) [209]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Salamah bin kuhail, aku mendengar Abu Salamah bin ‘Abd al-Rahman dari Abi Hurairah r.a. sesungguhnya seorang lelaki datang kepada Nabi SAW untuk menuntut hutangnya hingga dia bersikap kasar, maka para sahabat beliau hendak membalasnya. Rasulullah SAW bersabda: biarlah kerana sesungguhnya pemilik hak diberi hak berbicara. Kemudian Baginda bersabda:berikan kepadanya unta yang sama dengan usia untanya. Mereka berkata: Wahai Rasulullah yang ada hanyalah yang lebih tua dari usia untanya. Baginda bersabda: Berikan kepadanya sesungguhnya yang terbaik di antara kalian yang paling baik melunasi hutang.*

Hadith ini menjelaskan berkaitan melantik wakil dalam urusan melunasi hutang. Di samping itu, Nabi s.a.w turut menyatakan bahawa melunasi hutang dengan baik amat dituntut dalam Islam sepertimana sabda Baginda SAW: “*Berikan kepadanya sesungguhnya yang terbaik di antara kalian yang paling baik melunasi hutang*”.

Hadith ini dapat menjadi dalil kepada harus untuk melantik wakil dalam urusan hutang piutang. Oleh kerana itu, Ibn al-Munayyar menyatakan bahawa, dalam bab ini Imam al-Bukhārī ingin menjelaskan pelantikan wakil dalam membayar hutang adalah diharuskan dan tidak termasuk dalam

[209] Muḥammad bin Ismaī‘l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 180. No hadith: 2306.

menangguhkan pembayaran hutang.[210] Hal ini kerana melunasi hutang itu adalah merupakan sebahagian daripada kemuliaan akhlak.[211]

Selain itu, dalam bab menentukan tempoh masa dalam berhutang adalah diharuskan. Hal ini berdasarkan kepada judul bab yang dinyatakan oleh Imam al-Bukhārī [ **إِذَا وَكَّلَ رَجُلًا فَتَرَكَ الْوَكِيلُ شَيْئًا فَأَجَازَهُ الْمُوَكِّلُ فَهُوَ جَائِزٌ وَإِنْ أَقْرَضَهُ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى جَازَ** ][212]. Imam al-'Ainī menjelaskan bahawa menurut al-Muhallab dalam perkara ini ianya mestilah dipersetujui dan diberikan kebenaran oleh pewakil. Sekiranya pewakil tidak membenarkan perkara tersebut maka wakil tidak dibenarkan untuk melaksanakannya.[213]

Disamping itu, diharuskan juga untuk melantik wakil bagi mengutip atau memungut hutang. Ini berdasarkan Hadith Nabi SAW:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ : " أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى خَيْبَرَ، فَأَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ فَسَلَّمْتُ عَلَيْهِ، وَقُلْتُ لَهُ : إِنِّي أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى خَيْبَرَ، فَقَالَ : إِذَا أَتَيْتَ وَكِيلِي فَخُذْ مِنْهُ خَمْسَةَ عَشَرَ وَسْقًا "[214]

**Terjemahan Hadith**: *Daripada Ibn Ishaq, Dari Abi Nu'aim wahb bin Kaisan, Dari Jabir bin Abd Allah,berkata: Aku ingin keluar ke Khaibar, maka aku pun bertemu dengan Rasullullah SAW dan aku berkata kepadanya sesungguhnya aku ingin keluar ke Khaibar lalu Baginda bersabda: apabila engkau bertemu dengan wakilku di negeri Khaibar maka ambillah olehmu daripadanya lima belas wasq".*

Hadith ini telah secara jelas menunjukkan bahawa Nabi SAW melantik wakilnya di Negeri Khaibar dan kemudian Baginda SAW telah

---

210 Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* h. 609.
211 Sirāj al-Dīn Abi Ḥafs 'Umar bin 'Alī bin Aḥmad al-Anṣārī al-Shāfi'e (t.t), *Op. cit.*j. 15. h. 180.
212 [Apabila seseorang mewakilkan kepada orang lain , lalu wakil itu meninggalkan sesuatu dan pewakil itu merestuinya(membenarkan) maka ianya diharuskan, dan apabila seseorang memberikan hutang hingga waktu yang ditentukan juga adalah diperbolehkan]. Bab kesepuluh dalam kitab *al-Wakālah* Sahih al-Bukhari. Lihat Muḥammad bin Ismaī'l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 180. No hadith: 2311.
213 Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-'Ainī (2001), *Op. Cit.* h. 203.
214 Abū Dawūd Sulaimān bin al-Ash'āb bin Isḥāq al-Aẓdī al-Sajastānī (2000), *Op. Cit.* h. 1492.

melantik pula Jabir bin Abd Allah sebagai wakilnya untuk mengambil lima belas *wasq*[215] dari wakil Baginda SAW di Khaibar. Menurut Syeikh Idris al-Marbawi, Hadith ini menunjukkan harusnya melakukan perwakilan dan telah ijma‘ para ulama terhadapnya.[216]

**v) Melantik Wakil Dalam Urusan Perniagaan**

Hukum melantik wakil untuk melaksanakan urusan perniagaan adalah harus dalam Islam untuk perkara yang diharuskan oleh syara‘. *Al-Wakālah* dalam perniagaan adalah berasaskan kepada *ta'awun* dan sesuai dengan fitrah manusia kerana tidak mampu untuk melaksanakan semua perkara secara bersendirian. Perlu ada sifat jujur dan amanah di samping saling mempercayai antara satu sama lain dalam akad *al-Wakālah* dan wakil yang dilantik mestilah berkemampuan untuk melaksanakan perkara yang diwakilkan bagi mengelakkan sebarang kerugian. Selain itu, kini *al-Wakālah* merupakan antara instrumen penting dalam sistem kewangan Islam khususnya dalam institusi perbankan dan juga takaful. Ini menjadi faktor utama untuk pengkaji memilih bagi meneliti aplikasi *al-Wakālah* dalam institusi takaful.

Berdasarkan kepada Hadith-hadith yang telah dikemukakan dalam bab kedua, pengkaji mendapati banyak Hadith yang berkaitan dengan perlaksanaan *wakālah* dalam bab jual beli atau yang berkaitan dengan urusan perniagaan. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan kepada *tarjamah bab* pertama dalam *kitab al-Wakālah* yang dikemukakan oleh Imam al-Bukhārī

---

[215] *Wasq* bersamaan 60 gantang. Lihat Muḥammad Idrīs ‘Abd Rauf al-Marbāwī (1998), *Kamus Idris al-Marbawi*, Kuala Lumpur: Darul al-Nu‘man. h. 389.
[216] Muḥammad Idrīs al-Marbāwī (t.t), *Op. Cit.* h. 407.

iaitu [وَكَالَةُ الشَّرِيكِ الشَّرِيكَ فِي الْقِسْمَةِ وَغَيْرِهَا وَقَدْ أَشْرَكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلِيًّا فِي هَدْيِهِ ثُمَّ أَمَرَهُ بِقِسْمَتِهَا].[217] Walaupun Hadith dalam bab ini lebih menjelaskan kepada pelantikan wakil dalam pembahagian korban namun ianya turut merangkumi urusan yang lain selain dari perbincangan pembahagian korban.[218] Atas dasar inilah Hadith ini telah dijadikan dalil khususnya oleh para fuqaha untuk mengharuskan perlaksanaan *al-Wakālah* dalam urusan lain seperti jual beli. Dalam hal ini juga Ibn Ḥajar al-Asqalānī telah mengemukakan pandangan Ibn Baṭṭal dan al-Dawūdī bahawa seseorang mewakilkan kepada orang lain (pihak kedua) adalah diharuskan.[219]

Berdasarkan kepada Hadith ke-4, Ibn Battal menjelaskan menjual makanan secara tunai juga sama hukumnya dengan menjual emas dan perak yang bermaksud wakil hendaklah menjual makanan dengan nilai mata wang untuk membeli makanan yang lain.[220] Hal ini kerana jual beli yang mempunyai unsur riba adalah dilarang berdasarkan firman Allah SWT:

ٱلَّذِينَ يَأۡكُلُونَ ٱلرِّبَوٰاْ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ ٱلَّذِي يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيۡطَٰنُ مِنَ ٱلۡمَسِّۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ قَالُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡبَيۡعُ مِثۡلُ ٱلرِّبَوٰاْۗ وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلۡبَيۡعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰاْۚ فَمَن جَآءَهُۥ مَوۡعِظَةٞ مِّن رَّبِّهِۦ فَٱنتَهَىٰ فَلَهُۥ مَا سَلَفَ وَأَمۡرُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِۖ وَمَنۡ عَادَ فَأُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٢٧٥

**Terjemahan:** *"Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu*

[217] [Bab seseorang mewakilkan rakannya dalam pembahagian dan selainnya]. Lihat Muḥammad bin Ismaī'l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.* h. 179. No. hadith: 2099.
[218] Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-'Ainī (2001), *Op. Cit.* j. 12. h. 179.
[219] Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* j.4. h. 604.
[220] *Ibid.* h. 606.

*sama sahaja seperti riba". padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya."*[221]

Selain itu, berdasarkan kepada Hadith ke-4, menjadi dalil kepada harusnya melantik wakil dalam urusan jualbeli emas dan perak sepertimana yang didatangkan oleh al-Bukhārī dalam *tarjamah bab* beliau iaitu:

"وَقَدْ وَكَّلَ عُمَرُ وَابْنُ عُمَرَ فِي الصَّرْفِ"[222]

**Terjemahan Hadith**: " *Umar dan Ibn Umar telah mewakilkan dalam masalah emas dan perak*"

Ibn Mundhir menyatakan bahawa para ulama telah sepakat melantik perwakilan dalam urusan emas dan perak adalah diharuskan walaupun seorang pewakil itu melantik wakil untuk menukarkan dirhamnya, sementara itu, seorang pewakil yang lain melantik wakilnya untuk menukarkan dinar, kemudian kedua-dua wakil tersebut bertemu dan membuat pertukaran secara sah juga diperbolehkan. Hal ini juga menjadi keharusan dalam berbilang wakil.[223]

Hadith ini turut menjelaskan tentang tidak boleh berjual beli dengan timbangan yang tidak sama nilai sebagai contoh tidak boleh menjual atau menukar satu kilogram kurma dengan dua kilogram kurma. Ini turut dijelaskan oleh al-Dawūdī dengan menyatakan tidak boleh membuat

---

[221] Surah al-Baqarah 2:275.

[222] Muḥammad bin Ismaī'l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *Op. Cit.* h. 180. No hadith: 2302,2303.

[223] Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* j.4. h 606.

pertukaran kurma dengan kurma melainkan timbangannya sama.[224] Jual beli yang mempunyai unsur riba adalah dilarang oleh Nabi SAW dan larangan jual beli yang melibatkan riba adalah terhad kepada item ribawi sahaja sepertimana sabda Baginda dalam sebuah Hadith:

عَنْ يَحْيَى قَالَ: سَمِعْتُ عُقْبَةَ بْنَ عَبْدِ الْغَافِرِ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ بِلاَلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِتَمْرٍ بَرْنِيٍّ فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((مِنْ أَيْنَ هَذَا؟)) قَالَ بِلاَلٌ: كَانَ عِنْدَنَا تَمْرٌ رَدِيٌّ فَبِعْتُ مِنْهُ صَاعَيْنِ بِصَاعٍ لِنُطْعِمَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ ذَلِكَ: ((أَوَّهْ أَوَّهْ عَيْنُ الرِّبَا عَيْنُ الرِّبَا لاَ تَفْعَلْ وَلَكِنْ إِذَا أَرَدْتَ أَنْ تَشْتَرِيَ فَبِعْ التَّمْرَ بِبَيْعٍ آخَرَ ثُمَّ اشْتَرِ بِهِ)).[225]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Yahya berkata: aku mendengar ‘Uqbah bin ‘Abd al-Ghafir bahawasanya dia mendengar Aba Sa’id al-Khudri r.a. berkata: Bilal datang kepada Nabi SAW dengan membawa kurma ‘barni’ berkualiti. Maka Nabi SAW bersabda kepadanya: ((dari manakah ini?)) Bilal menjawab: aku memiliki kurma yang kurang baik, maka aku menukarkannya dua sha’ darinya dengan satu sha’ kurma ini untuk makanan Nabi SAW, lalu Nabi SAW bersabda: ((Uhh..Uhh..riba yang nyata. riba yang nyata. Jangan engkau lakukan seperti itu, tetapi apabila kamu hendak membeli, juallah kurma yang lain kemudian beli dengan hasil penjualan itu)).*

Seterusnya dalam Hadith ke-8, perbincangan seseorang yang melantik wakil untuk mewakili dirinya membeli sesuatu barang, kemudian wakil tersebut membelinya dan seterusnya wakil itu mengaku membeli dengan niat untuk dirinya sendiri maka pengakuan tersebut adalah tidak sah dan barang tersebut adalah hak orang yang mewakilkan kepadanya (pewakil).[226]

Berdasarkan kepada Hadith ke-9 pula, dapat difahami bahawa apabila seseorang wakil dilantik untuk membeli sesuatu barangan dan tidak disebut

---

[224] *Ibid*.
[225] Muḥammad bin Ismaī‘l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *Op. Cit.* h. 180. No hadith: 2312.
[226] Aḥmad bin ‘Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* j.4. h 606.

harganya, maka wakil boleh membelinya berdasarkan kepada harga semasa dan uruf. Dalam Hadith ini menceritakan pembelian unta oleh Nabi SAW Baginda membelinya daripada Jabir bin Abdullah dengan harga empat dinar dan setibanya di Madinah baginda memerintahkan kepada Bilal:

قَالَ: ((يَا بِلاَلُ اقْضِهِ وَزِدْهُ)) فَأَعْطَاهُ أَرْبَعَةَ دَنَانِيرَ وَزَادَهُ قِيرَاطًا. قَالَ جَابِرٌ: لاَ تُفَارِقُنِي زِيَادَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ يَكُنْ الْقِيرَاطُ يُفَارِقُ قِرَابَ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ.[227]

**Terjemahan Hadith:** "*Baginda bersabda: ((Wahai Bilal lunaskanlah ia dan tambahkan ia untuknya)), Baginda memberikan empat dinar dan ditambah satu qirath. Jabir berkata: tidak pernah berpisah denganku tambahan Rasulullah SAW 1 qirath itu tidak pernah berpisah dari kantung Jabir bin 'Abd Allah.*"

Menurut Ibn Battal, Hadith ini mengajar agar berpandukan kepada uruf (kebiasaan) kerana Nabi SAW tidak menentukan jumlah ketika bersabda: "*tambahkan ia untuknya*" dan Bilal berpandukan kepada kebiasaannya cukup dengan menambah 1 qirath.[228]

### 3.2.2 Wakil Tidak Menanggung Kerugian Sekiranya Bukan Dari Kelalaiannya

Seterusnya, prinsip kedua adalah seseorang wakil tidak perlu menanggung kerugian terhadap urusan yang diwakili seandainya berlaku kerosakan atau kerugian yang bukan kerana kelalaiannya atau kecuaiannya. Ini adalah berdasarkan kepada Hadith Nabi SAW:

عَنْ نَافِعٍ: أَنَّهُ سَمِعَ ابْنَ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ يُحَدِّثُ عَنْ أَبِيهِ أَنَّهُ كَانَتْ لَهُمْ غَنَمٌ تَرْعَى بِسَلْعٍ، فَأَبْصَرَتْ جَارِيَةٌ لَنَا بِشَاةٍ مِنْ غَنَمِنَا مَوْتًا فَكَسَرَتْ حَجَرًا فَذَبَحَتْهَا بِهِ، فَقَالَ لَهُمْ: لَا تَأْكُلُوا حَتَّى أَسْأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْ أُرْسِلَ إِلَى

---

[227] Muḥammad bin Ismaī'l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 180. No hadith: 2309.

[228] Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* j.4. h. 612.

النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ يَسْأَلُهُ، وَأَنَّهُ سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَاكَ أَوْ أَرْسَلَ فَأَمَرَهُ بِأَكْلِهَا. قَالَ

عُبَيْدُ اللَّهِ: فَيُعْجِبُنِي أَنَّهَا أَمَةٌ وَأَنَّهَا ذَبَحَتْ، تَابَعَهُ عَبْدَةُ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ.[229]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Nafi': sesungguhnya dia mendengar Ibn Ka'ab bin Malik menceritakan dari bapanya bahawa dia memiliki kambing yang digembala di Sal', lalu seorang budak perempuan kami melihat seekor kambing kami akan mati, maka dia memecahkan batu untuk menyembelihnya. Dia berkata kepada mereka, Jangan kamu makan hingga aku bertanya kepada Rasulullah SAW atau dia utuskan seseorang kepada Nabi s.a.w untuk menanyakannya, dan dia bertanya kepada Nabi SAW, atau mengutuskan, maka Baginda SAW memerintahkan untuk memakannya. 'Ubaidillah berkata: Menakjubkan bagiku, dia seorang budak perempuan dan dia menyembelihnya. 'Abdah juga turut meriwayatkan bersama 'Ubaidillah.*

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī telah mengambil pandangan daripada Ibn al-Manayyar yang mengatakan bahawa tujuan al-Bukhārī meletakkan Hadith ini dalam kitab *al-Wakālah* bukanlah untuk menjelaskan hukum berkaitan haiwan sembelihan itu tetapi adalah untuk menjelaskan hukum terhadap wakil yang telah menyembelih haiwan pewakil kepadanya.[230] Sementara Ibn al-Ṭin menambah bahawa kambing yang disembelih itu adalah kambing Ka'ab bin Malik dan tidak ada keterangan bahawa beliau meminta ganti rugi.[231] Jelas bahawa al-Bukhārī ingin menjelaskan gugurnya ganti rugi daripada wakil kerana perbuatan itu bukanlah atas dasar khianat.[232]

Hadith ini menjadi dalil kepada harusnya wakil membaiki sesuatu yang diwakilkan kepadanya daripada rosak dan memakan sesuatu yang diwakilkan kepadanya sekiranya dikhuatiri akan rosak atau mati bagi haiwan. Namun begitu, sekiranya wakil tersebut telah menyalahguna dan melanggar kontrak *al- wakālah* maka wakil perlu membayar ganti rugi.[233]

---

229 *Ibid.* h. 180. No. hadith: 2304.
230 Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op. Cit.* j. 4. h. 607.
231 *Ibid.*
232 Sirāj al-Dīn Abī Hafs 'Umar bin 'Alī bin Aḥmad al-Anṣārī al-Shafi'e (t.t), *Op. Cit.* j. 15. h. 170.
233 Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2011), *Kewangan Islam Dalam Fiqh Syafi'i*, Kuala Lumpur: IBFIM. h. 577.

### 3.2.3 Melantik Wakil *Ghaib*

Dalam Hadith ke-6, perbincangan mengenai keharusan melantik wakil dalam keadaan pewakil berada di tempat yang sama atau tidak dan tidak memiliki keuzuran mahupun halangan untuk menguruskan perkara yang diwakilkan dan menurut Ibn Battal, para ulama mengharuskannya.[234] Begitu juga pandangan al-‘Ainī yang mengatakan bahawa *Wakālah ghaib* adalah harus sepertimana pandangan kebanyakan fuqaha seperti Ibn Abi Laila, Malik, al-Syafi‘i dan Abū Yusūf.[235] Bagi pandangan Imam Abu Hanifah, beliau berpendapat perwakilan *ghaib* diharuskan sekiranya terdapat keuzuran atau sakit ataupun musafir tiga hari.[236]

Sementara itu, al-Ṭahāwī pula menyatakan para sahabat turut mengharuskan perwakilan seperti ini tanpa syarat. Beliau menambah lagi, hukum melantik wakil sama ada ketika itu pewakil tersebut wujud atau tidak di tempat tersebut adalah sama.[237] Hal ini dapat dilihat berdasarkan Hadith:

"وَكَتَبَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرٍو إِلَى قَهْرَمَانِهِ وَهُوَ غَائِبٌ عَنْهُ أَنْ يُزَكِّيَ عَنْ أَهْلِهِ الصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ"[238]

**Terjemahan Hadith**: *“Abdullah bin Amr menulis kepada wakilnya ketika beliau tidak ada untuk mengeluarkan zakat keluarganya yang kecil dan besar”.*

Hadith ini menceritakan bagaimana Abdullah bin Amr[239] telah melantik wakil untuk mengeluarkan zakat keluarganya ketika ketiadaan beliau. Dalam konteks ini, *al- wakālah* diharuskan kerana setiap individu tidak mampu melaksanakan sesuatu perkerjaan dalam satu-satu masa di samping kekurangan kepakaran atau kemahiran

---

234 Aḥmad bin ‘Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op. cit.* h. 608.
235 Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-‘Ainī (2001), *Op. Cit.* j. 13. h. 187.
236 Sirāj al-Dīn Abī Hafs ‘Umar bin ‘Alī bin Aḥmad al-Anṣārī al-Shafi’e (t.t), *Op. Cit.* j. 15. h. 174.
237 Aḥmad bin ‘Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op. cit.* h. 608.
238 Muḥammad bin Ismaī‘l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 180. No hadith: 2305.
239 Beliau adalah Ibn ‘Amru bin al-‘Ash. Sementara itu, menurut al-Karmani: Abd Allah adalah Ibn ‘Umar bin al-Khatab. Lihat Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-‘Ainī (2001), *Op. Cit.* j. 13. h. 187-188.

untuk melaksanakan sesuatu urusan. Selain itu para fuqaha juga bersepakat bahawa sah akad perwakilan yang ditentukan masa kerana akad *al-Wakālah* dilakukan atas dasar keperluan.[240]

### 3.2.4 Melantik Wakil Harus Dengan Keizinan Pewakil

Berdasarkan kepada Hadith ke-11, al-Muhallab menyatakan bahawa, apabila seseorang pewakil tidak mempersetujui apa yang dilakukan oleh wakilnya dalam perkara yang tidak diizinkan, maka wakil tidak boleh melakukan perkara tersebut.[241]

Perwakilan itu tidak sempurna kecuali orang yang diwakili itu menerimanya kerana menurut Abu Talhah sepertimana dalam potongan Hadith ke-17:

"فَضَعْهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ حَيْثُ شِئْتَ"

**Terjemahan Hadith**: "*letakkanlah ia di tempat yang Allah s.w.t kehendaki atasmu*".

Nabi SAW mengamanahkan (mewakilkan) kepada Abu Talhah untuk membahagikan hartanya kepada kaum kerabatnya. Disini jelas keharusan mewakilkan dalam pemberian sedekah atau hibah.

### 3.2.5 Melantik Wakil Dari Kalangan Bukan Muslim

Berdasarkan kepada Hadith ke-3, ia menjadi dalil kepada keharusan melantik wakil dari kalangan orang bukan Islam. Dalam Hadith ini menjelaskan bahawa 'Abd Rahman bin 'Auf telah membuat perjanjian dengan Umayyah bin Khalaf sepertimana dalam potongan Hadith ini:

---

[240] Wahbah al-Zuhaylī (1999), *Op. Cit.*, h. 66.
[241] Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op. cit.* h. 614.

"عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ:كَاتَبْتُ أُمَيَّةَ بْنَ خَلَفٍ كِتَابًا بِأَنْ يَحْفَظَنِي فِي صَاغِيَتِي بِمَكَّةَ، وَأَحْفَظَهُ فِي صَاغِيَتِهِ بِالْمَدِينَةِ،"

**Terjemahan Hadith:** "*'Abd al-Rahman bin 'Auf r.a. berkata: Aku menulis perjanjian dengan Umayyah bin Khalaf agar menjaga milik peribadiku di Makkah dan aku menjaga milik peribadinya di Madinah.*"

'Abd Rahman bin 'Auf telah membuat perjanjian dengan Umayyah bin Khalaf untuk menjaga harta beliau di Makkah dan beliau menjaga harta Umayyah di Madinah dan Umayyah adalah seorang yang bukan Islam. Perkara ini dijelaskan oleh Ibn al-Mundhir bahawa mewakilkan kepada orang kafir harbi yang diberi jaminan keselamatan dan keamanan diharuskan.[242] Ini adalah berdasarkan kepada pandangan al-Bukhārī sepertimana yang dijelaskan dalam *tarjamah* bab beliau terhadap Hadith ketiga iaitu [**إِذَا وَكَّلَ الْمُسْلِمُ حَرْبِيًّا فِي دَارِ الْحَرْبِ أَوْ فِي دَارِ الْإِسْلَامِ جَازَ**][243]. Ibn Battal menyatakan bahawa diharuskan perwakilan antara muslim dengan bukan muslim atas dasar melakukan perkara yang membawa kebaikan dan juga sifat ihsan kepada yang bukan muslim.[244]

Hal ini menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang universal kerana bermuamalah dengan bukan Islam bagi perkara-perkara yang membawa kepada kebaikan dan menguntungkan umat Islam. Dalam konteks *al-Wakālah* dengan bukan Islam dapat membuka ruang kepada umat Islam untuk merancakkan aktiviti khususnya berkaitan ekonomi di samping menyampaikan dakwah Islam.

---

[242] *Ibid*. h. 605.
[243] [Apabila seseorang muslim mewakilkan kepada seorang kafir Harbi dalam Negara Harbi atau Negara Islam itu harus].Lihat Muḥammad bin Isma'īl bin Ibrāḥīm bin al-Muqīrah bin Bardiẓbah al-Bukhārī (2000), *Op. Cit.* h. 179. no. hadith: 2301.
[244] Abū al-Ḥasan 'Alī bin Khalaf bin 'Abd Mālik bin Baṭṭal al-Bakrī al-Qurtubī (2003), *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Riyard: Maktabah al-Rusyd. j. 6. h. 434.

### 3.2.6 Kewajaran Membayar Upah (*al-Ajr*) Kepada Wakil

Perlaksanaan *al-Wakālah bi al-Ajr* adalah diharuskan dalam Islam kerana berdasarkan Hadith-hadith Nabi SAW, ada ketikanya Baginda SAW memberikan upah kepada wakil dan ada ketikanya tidak diberikan upah. Justeru, dalam perwakilan adalah harus untuk memberikan upah ataupun tidak. Allah menyatakan dalam al-Qur'an bahawa amil zakat yang bertindak sebagai wakil menguruskan dana zakat layak untuk menerima upah dan sebahagian daripada asnaf zakat sepertimana dalam firmanNya:

۞ إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلۡفُقَرَآءِ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱلۡعَٰمِلِينَ عَلَيۡهَا وَٱلۡمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمۡ وَفِي ٱلرِّقَابِ وَٱلۡغَٰرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِۖ فَرِيضَةٗ مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ﴿٦٠﴾

**Terjemahan Ayat:** "*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil Yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf Yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba Yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang Yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) Dalam perjalanan. (Ketetapan hukum Yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*"[245]

Selain itu, Baginda SAW juga mengutuskan wakil untuk mengutip zakat dan memberikan kepada amil-amil upah sepertimana dalam Hadith yang dinyatakan oleh Ibn Ḥajar al-Asqalānī dalam *Talkhīs al-Ḥabīr*:

أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَّلَ السُّعَاةَ لِأَخْذِ الصَّدَقَاتِ[246]

**Terjemahan Hadith:** "*Sesungguhnya Nabi SAW mewakilkan al-Su'at untuk mengutip zakat".*

Di samping itu, dalam Hadith yang lain, Baginda SAW juga menyatakan:

---

245 Surah al-Taubah 9: 60.

246 Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (1995), *Op. Cit.* j. 3. h. 111.

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَاهُ غَنَمًا يَقْسِمُهَا عَلَى صَحَابَتِهِ فَبَقِيَ عَتُودٌ فَذَكَرَهُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ:((ضَحِّ بِهِ أَنْتَ)).[247]

**Terjemahan Hadith**: *Dari ‘Uqbah bin ‘Amir r.a. bahawa Nabi SAW memberikan kambing kepadanya untuk dibahagikan kepada para sahabatnya. Terdapat lebihan kambing kecil, lalu diceritakan kepada Nabi SAW dan baginda bersabda: ((Korbankan ia untuk mu)).*

Wakil juga boleh diberikan upah terhadap tugas yang dilaksanakan sepertimana Nabi SAW memberikan lebihan kambing yang dibahagikan oleh Uqbah bin ‘Amir kepada para sahabat untuknya. Disamping itu, Baginda SAW juga menggalakkan untuk memberikan upah atau gaji kepada pekerja sepertimana dalam Hadith Nabi SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ اسْتَعْمَلْنَاهُ عَلَى عَمَلٍ فَرَزَقْنَاهُ رِزْقًا فَمَا أَخَذَ بَعْدَ ذَلِكَ فَهُوَ غُلُولٌ[248]

**Terjemahan Hadith:** “*Dari ‘Abd Allah bin Buraidah, Dari Bapanya, Dari Nabi SAW berkata: sesiapa yang melantik pekerja hendaklah diberi upah yang setimpal dan jangan pula dia mengkhianati majikannya.*”[249]

Sekiranya pelantikan wakil itu berupah hendaklah ditentukan jumlah atau kadar upahnya. Menurut Dr Zulkifli al-Bakri, apa yang dibenarkan oleh syara‘ kadar upah mestilah ditetapkan berdasarkan jumlah yang telah dipersetujui sebelum kerja-kerja dimulakan dan upah diperolehi setelah selesai melaksanakan kerja-kerja perwakilan tersebut.[250] Justeru berdasarkan perbincangan ini, amat digalakkan dalam konteks perlaksanaan akad *al-Wakālah bi al-Ajr* diberikan upah sebagai balasan atas dasar perlaksanaan sebagai wakil memerlukan kepakaran dan usaha yang besar untuk

---

[247] *Ibid.* No hadith: 2300.
[248] Sunan Abū Dawūd, Kitab al-Kharāj wa al-Imārah wa al-Fāi’, Bab [**فِي أَرْزَاقِ الْعُمَّالِ**], No Hadith: 2943. Lihat Abū Dawūd Sulaimān bin al-Ash’āb bin Isḥāq al-Aẓdī al-Sajastānī (2000), *Op. Cit.* h. 1443.
[249] Mujaini Tarimin (2005), *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. h. 138.
[250] Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2011), *Op. Cit.* h. 576.

melaksanakan perkara yang diwakilkan di samping sebagai memberikan galakan untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan lebih baik.

### 3.2.7 Mengamalkan Sifat Jujur dan Amanah Dalam Perkhidmatan

Berdasarkan Hadith ke-18, dalam urusan *al- wakālah* sifat amanah dan jujur adalah satu perkara yang sangat penting kerana ianya melibatkan amanah dan tanggungjawab dalam pelantikan wakil. Justeru pemegang amanah mestilah seseorang yang jujur dan mampu untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut. Allah SWT turut menjelaskan dalam al-Qur’an:

قَالَتْ إِحْدَىٰهُمَا يَٰٓأَبَتِ ٱسْتَـْٔجِرْهُ ۖ إِنَّ خَيْرَ مَنِ ٱسْتَـْٔجَرْتَ ٱلْقَوِىُّ ٱلْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

**Terjemahan Ayat:** “*Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah Dia menjadi orang upahan (pekerja) untuk (mengembala kambing kita), Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang Yang Kuat, lagi amanah*".[251]

Dalam ayat ini Allah SWT menjelaskan bahawa pekerja yang ingin diambil atau dilantik mestikah memiliki sifat amanah. Justeru dalam melantik wakil dan menjadi wakil hendaklah berlaku jujur dan amanah dalam mengendalikan apa jua urusan yang telah di pertanggungjawabkan kepadanya sepertimana sabda Nabi SAW:

((الْخَازِنُ الأَمِينُ الَّذِي يُنْفِقُ)) وَرُبَّمَا قَالَ: ((الَّذِي يُعْطِي مَا أُمِرَ بِهِ كَامِلاً مُوَفَّرًا طَيِّبًا نَفْسُهُ إِلَى الَّذِي أُمِرَ بِهِ أَحَدُ الْمُتَصَدِّقَيْنِ)).[252]

**Terjemahan Hadith**: *((penjaga perbendaharaan yang jujur dan menafkahkan)) barangkali baginda mengatakan: ((yang memberi apa yang diperintahkan kepadanya secara lengkap dan sempurna dengan senang hati seperti diperintahkan, maka dia adalah salah satu di antara orang-orang yang bersedekah)).*

---

[251] Surah al-Qasas 28: 26.
[252] Muḥammad bin Ismaī‘l bin Ibrāḥim bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, no hadith: 2319.

Hadith ini menjelaskan tentang perwakilan dalam urusan zakat yang mana berdasarkan kepada *tarjamah* bab yang dikemukakan oleh al-Bukhārī iaitu mewakilkan orang yang jujur dalam menjaga harta dan yang seperti dengannya. Hal ini jelas menunjukkan dalam usaha melantik wakil terutamanya dalam menjaga harta zakat mestilah melantik orang-orang jujur dan begitu juga dalam urusan yang lain seperti perniagaan dan sebagainya.

Wakil hendaklah mematuhi segala syarat sekiranya terdapat syarat-syarat semasa berlakunya akad *al-Wakālah*. Wakil mestilah seorang yang bijak dan berkebolehan dalam menguruskan setiap perkara yang diwakili. Diharamkan seseorang menjadi wakil kepada perkara-perkara yang dilarang oleh syara‘.

### 3.2.8 Tegahan Melantik dan Menjadi Wakil Dalam Perkara Yang Diharamkan Syara‘

Dalam pada harus melantik dan menjadi wakil, ianya tertakluk kepada perkara-perkara yang di benarkan menurut hukum syara‘. Ini berdasarkan kepada Hadith Nabi SAW:

عَنْ يَحْيَى قَالَ: سَمِعْتُ عُقْبَةَ بْنَ عَبْدِ الْغَافِرِ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ بِلاَلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِتَمْرٍ بَرْنِيٍّ فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((مِنْ أَيْنَ هَذَا؟)) قَالَ بِلاَلٌ: كَانَ عِنْدَنَا تَمْرٌ رَدِيٌّ فَبِعْتُ مِنْهُ صَاعَيْنِ بِصَاعٍ لِنُطْعِمَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ ذَلِكَ: ((أَوَّهْ أَوَّهْ عَيْنُ الرِّبَا عَيْنُ الرِّبَا لاَ تَفْعَلْ وَلَكِنْ إِذَا أَرَدْتَ أَنْ تَشْتَرِيَ فَبِعْ التَّمْرَ بِبَيْعٍ آخَرَ ثُمَّ اشْتَرِ بِهِ)).[253]

**Terjemahan Hadith**: *Dari Yahya berkata: aku mendengar ‘Uqbah bin ‘Abd al-Ghafir bahawasanya dia mendengar Aba Sa’id al-Khudri r.a. berkata: Bilal datang kepada Nabi SAW dengan membawa kurma ‘barni’ berkualiti. Maka Nabi SAW bersabda kepadanya: ((dari manakah ini?)) Bilal menjawab: aku memiliki kurma*

[253] *Ibid*. No hadith: 2312.

*yang kurang baik, maka aku menukarkannya 2 sha' darinya dengan 1 sha'kurma ini untuk makanan Nabi SAW, lalu Nabi SAW bersabda: ((Uhh..Uhh..riba yang nyata. riba yang nyata. Jangan engkau lakukan seperti itu, tetapi apabila kamu hendak membeli, juallah kurma yang lain kemudian beli dengan hasil penjualan itu)).*

Hadith daripada Abu Sa'id al-Khudri ini merupakan antara Hadith yang menjelaskan berkaitan dengan melantik wakil dalam urusan jual beli. Al-Bukhārī meletakkan Hadith ini dalam bab [ إِذَا بَاعَ الْوَكِيلُ شَيْئًا فَاسِدًا فَبَيْعُهُ مَرْدُودٌ] iaitu "*apabila wakil menjual sesuatu yang rosak, maka jual belinya tertolak ataupun tidak sah*". Hadith ini turut menjelaskan tentang pengharaman riba dalam jual beli.[254] Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ ٱلرِّبَوٰاْ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ ٱلَّذِى يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيْطَـٰنُ مِنَ ٱلْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوٓاْ إِنَّمَا ٱلْبَيْعُ مِثْلُ ٱلرِّبَوٰاْ ۗ وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰاْ ۚ فَمَن جَآءَهُۥ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ فَٱنتَهَىٰ فَلَهُۥ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَنْ عَادَ فَأُوْلَـٰٓئِكَ أَصْحَـٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَـٰلِدُونَ ٢٧٥

**Terjemahan Ayat**: "*orang-orang Yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang Yang dirasuk Syaitan Dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa Sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. oleh itu sesiapa Yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa Yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. dan sesiapa Yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.*"[255]

Allah SWT menjelaskan dalam ayat ini bahawa riba merupakan sesuatu yang sangat dilarang dalam Islam. Justeru dalam aspek perlaksanaan akad *al-Wakālah* perlu mengelakkan daripada menjadi dan melantik wakil bagi perkara atau urusan

---

[254] Aḥmad bin 'Alī Bin Ḥajar al-Asqalānī (2000), *Op.cit.* j.4. h. 617.
[255] Surah al-Baqarah 2: 275.

yang mempunyai unsur riba dan gharar.[256] Selain itu Imam al-Nawawi mengatakan, para ulama telah sepakat bahawa riba itu diharamkan dan dikategorikan dalam dosa besar.[257]

Begitu juga bagi perkara atau urusan lain yang diharamkan syara‘ seperti menjadi wakil untuk mencuri, rasuah, membeli arak dan sebagainya. Konsep *al-wakālah* berlandaskan tolong menolong untuk perkara yang baik (*ta'āwūn*) sahaja dan bukan perkara yang haram.

## 3.3 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan dalam bab ketiga ini, secara keseluruhannya perkara ini amat penting untuk diketahui kerana perlaksanaan *al-Wakālah* sentiasa berlaku dalam kehidupan masyarakat Islam khususnya dalam dunia semasa hari ini. Pengkaji yakin bahawa lapan prinsip yang telah dikemukan iaitu harus melantik dan menjadi wakil dalam perkara yang dibenarkan syara‘, wakil tidak menanggung kerugian sekiranya bukan dari kelalaiannya, harus melantik wakil *ghaib*, melantik wakil harus dengan keizinan pewakil, harus melantik wakil bukan muslim, kewajaran membayar upah (*al-Ajr*) kepada wakil, mengamalkan sifat jujur dan amanah dalam perkhidmatan dan tegahan melantik dan menjadi wakil dalam perkara yang diharamkan syara‘ mampu untuk menjadi panduan kepada masyarakat untuk melaksanakan urusan perwakilan. Seterusnya pengkaji akan melihat kepada aplikasi prinsip-prinsip ini dalam perlaksanaan takaful kerana takaful merupakan sebahagian daripada instrumen yang terdapat dalam Sistem Kewangan Negara. Selain itu, takaful juga semakin menjadi pilihan masyarakat sebagai alternatif kepada insurans

---

[256] Mustafa al-Khin et. al. (2005), *Op. Cit.* h. 1828.
[257] Zaharuddin Abd Rahman (2010), *Riba dan Isu Kewangan Semasa*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd. h. 30.

konvensional yang mengandungi unsur-unsur yang dilarang oleh syara‘ seperti gharar, riba dan sebagainya.

# BAB 4: APLIKASI PRINSIP *AL-WAKĀLAH* DALAM INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA

## 4.1 PENDAHULUAN

*Al-Wakālah* merupakan instrumen penting dalam pelaksanaan operasi model takaful khususnya di Malaysia dan telah memberikan sumbangan yang besar terhadap perkembangan industri takaful. Perkembangan ini turut memberikan impak kepada pertambahan syarikat-syarikat takaful dan sehingga kini terdapat 12 syarikat takaful berbanding hanya 8 syarikat pada tahun 2008.[258] Justeru pengkaji berpandangan bahawa pelaksanaan model *al-Wakālah* turut memberikan impak dalam kepesatan perkembangan ini. Oleh yang demikian, dalam bab ini pengkaji akan menganalisis aplikasi prinsip *al-Wakālah* menurut sunnah Nabawi dalam industri takaful khususnya di Malaysia. Penelitian terhadap aplikasi ini amat penting kerana ianya melibatkan prinsip *al-Wakālah* yang terdapat sunnah Baginda SAW terutamanya dalam urusan muamalat semasa atau perniagaan. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji membataskan kajian dengan hanya merujuk kepada model-model takaful yang melibatkan kontrak *al-Wakālah* sahaja. Selain itu, kajian ini turut mengemukakan beberapa isu berkaitan pelaksanaan di samping kelebihan dan etika penggunaan konsep *al-Wakālah* dalam industri takaful.

---

[258] Rujuk kertas kerja Shahril Azuar Jimin bertajuk *Evolution of The Malaysia Takaful Industry* dibentangkan pada 15 April 2011 di Dataran Kewangan Darul Takaful. h. 11. Lihat juga http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKF&fund=0&cu=0 capaian pada 20 Disember 2012.

## 4.2 MODEL *AL-WAKĀLAH* DALAM INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA

Takaful membawa maksud saling jamin-menjamin (*kafālah*) atau saling memelihara dan ianya mempunyai beberapa prinsip seperti kerjasama, saling tolong-menolong dan tanggungjawab bersama.[259] Menurut Akta Takaful 1984:

"*Takaful merupakan skim berasaskan persaudaraan, kesatuan dan saling bantu-membantu yang menyediakan bantuan kewangan dan pertolongan atas dasar kerjasama kepada para peserta skim ketika mereka memerlukan bantuan melalui sumbangan bersama oleh para peserta untuk tujuan tersebut*".[260]

Secara umumnya kesemua operasi syarikat takaful khususnya di Malaysia menggunakan kontrak *al-Wakālah* dalam operasi mereka[261] dan ianya menjadi tunjang kepada pelaksanaan operasi syarikat. Dalam pada itu, Majlis Pengawasan Syariah (MPS) Bank Negara merujuk kepada keputusan mesyuarat ke-24 bertarikh 24 April 2004 telah memutuskan bahawa:

"*Model perniagaan takaful yang berasaskan tabarru' dan wakālah adalah dibenarkan. Kontrak wakalah berlaku antara peserta dengan syarikat takaful, manakala kontrak tabarru' berlaku sesama peserta sahaja*."[262]

Kontrak *wakālah* yang terdapat dalam industri takaful merupakan kontrak *al-Wakālah bi al-Ajr* yang mana syarikat akan mengenakan yuran *wakālah* kerana syarikat bertindak sebagai wakil yang dilantik untuk menguruskan dana. Yuran wakalah juga merupakan salah satu daripada sumber pendapatan syarikat takaful.[263]

Sebuah syarikat takaful merupakan pengendali yang menguruskan operasi takaful di samping sebagai pemegang amanah kepada pemegang saham syarikat dan

---

[259] Joni Tamkin Borhan, *Op. Cit.* h. 40.

[260] Muhammad Hisyam Mohamad, *Perbandingan Kontrak Takaful dan Insurans*, dalam Asmak Abd Rahman et.al. (2008), *Sistem Takaful di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h. 22. Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: JAKIM. h. 342.

[261] Jamil Ramly et. al. (2010), *Op. Cit.*h. 14. Lihat juga http://www.takaful-ikhlas.com.my/mediacenter/archivesDetail.asp?intID=46 capaian pada 1 Mac 2012.

[262] Bank Negara Malaysia (2010), *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, Edisi Kedua, h. 63.

[263] Lihat www.bnm.gov.my/files/.../tkf/bm/.../booklet.bm. capaian pada 1 Mac 2012.

peserta takaful.[264] Syarikat tidak mempunyai hak terhadap dana yang terkumpul kerana ia merupakan hak peserta sebagai pencarum (*Ṣāhibul māl*) kecuali melalui hasil daripada upah (*al-Wakālah bi al-Ajr*) dan hasil keuntungan melalui proses pelaburan yang berasaskan prinsip *al-muḍārabah*.

Pelaksanaan *al-Wakālah* dalam takaful mestilah menepati prinsip-prinsip berikut:

i. Pelantikan wakil adalah untuk perkara yang dibenarkan oleh *syara'*.
ii. Memenuhi rukun dan syarat *al-Wakālah* yang perlu kepada pewakil, wakil, perkara atau barang yang diwakilkan dan juga lafaz kontrak.
iii. Syarikat takaful yang beroperasi mestilah syarikat yang sah di sisi undang-undang[265] begitu juga ejen (wakil) yang dilantik oleh syarikat pengendali takaful mestilah ejen yang sah.
iv. Ganjaran (upah) atau yuran *wakālah* (*wakālah fee*) yang dikenakan mestilah berlandaskan konsep *al-Wakālah bi al-Ajr* dan dinyatakan dalam kontrak.
v. Pengendali atau wakil perlu mengamalkan sifat jujur dan amanah dalam memberi perkhidmatan.
vi. Pelantikan wakil tidak melibatkan unsur-unsur yang diharamkan *syara'*.

Di samping itu, penubuhan institusi takaful juga adalah berlandaskan kepada tiga prinsip iaitu saling bertanggungjawab, saling bekerjasama atau bantu membantu dan saling melindungi dari sebarang kesusahan dan sebagainya.[266] Berdasarkan pengamalan industri takaful, syarikat merupakan wakil (*al-Wakil*) kepada peserta.

---

[264] Muhammad Hisyam Mohamad, *Op.Cit*. h. 22.
[265] Lihat Penubuhan Syarikat Takaful dalam Lapuran Badan Petugas Penubuhan Syarikat Insurans Secara Islam di Malaysia bertarikh 11hb Mei 1984. h. 29.
[266] Sudin Haron (2005), *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School Sdn. Bhd. h. 391.

Peserta sebagai pewakil (*al-muwakkil*), skim takaful atau dana yang diuruskan oleh syarikat adalah perkara yang diwakilkan (*al-muwakkal fih*) dan akad di antara pewakil dan wakil adalah sebagai pengikat untuk memastikan pelaksanaannya mengikut prinsip *al-Wakālah*.

Aplikasi *al-Wakālah* dalam takaful melibatkan dua aplikasi asas iaitu antara syarikat takaful dengan peserta takaful dan antara syarikat takaful dengan ejen-ejen yang dilantik oleh syarikat.[267] Aplikasi *al-Wakalah* yang melibatkan kontrak antara pengendali takaful dengan peserta dilaksanakan dalam operasi model *al-Wakālah* takaful Am dan takaful keluarga, model gabungan (hibrid) *al-Wakālah* dan *al-Muḍārabah* dan *wakālah* dan *waqf.*[268] Pelaksanaan *al-Wakālah* juga berlaku dalam pelantikan ejen-ejen syarikat takaful.

---

[267]http://www.ibfim.com/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=2661%3Aakhlak-wakil-takaful&Itemid=179 capaian pada 30 Mac 2012.

[268] Safder Jaffer et. al. (2010), *Takaful (Islamic Insurance): Concept, Challenges and Opportunities*, Milliman Reseach Report. h. 13. Lihat juga Ernst & Young, *The World Takaful Report 2011 Transforming Operating Performance*. h. 37-38.

### 4.2.1 Model *al-Wakālah*:

Gambarajah 1: Model *Wakālah*




Sumber: Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *A Mini Giude to Takaful (Islamic Insurance)* [269]

Berdasarkan kepada gambarajah di atas, secara dasarnya peserta merupakan penyumbang kepada dana atau sumbangan (*tabarru'*) dan seterusnya kumpulan peserta takaful sebagai pewakil telah menyerahkan urusan berdasarkan kepada akad *al-Wakālah* yang mengizinkan syarikat (pengendali takaful) untuk menjaga dan menguruskan dana yang merangkumi pengurusan pelaburan, pembayaran tuntutan, takaful semula, rizab teknikal dan kos pengurusan.[270]

Selain itu, sebagai wakil yang dilantik syarikat takaful bertanggungjawab menguruskan dana peserta dengan baik dan berlandaskan kepada prinsip-prinsip

---

[269] Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *A Mini Giude to Takaful (Islamic Insurance)*, Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn. Bhd. h. 62. http://www.islamicfinanceinfo.com.my/discover-takaful/takaful-models-mudharabah-wakalah, Ernst & Young, *The World Takaful Report 2011 Transforming Operating Performance*. h. 37. Lihat juga Syed Umar Farooq et. al., *An Analytical Study of the Potential of Takaful Companies*, dalam European Journal of Economics, Finance and Administrative Sciences, Issue 20 (2010). h. 58. http://www.mifc.com/index.php?ch=menu_know_ibt_tak&pg=menu_know_ibt_tak_over&ac=107&ms=2 capaian pada 30 Mac 2012.

[270] Joni Tamkin Borhan, *Op. Cit.* h. 47. Lihat juga Bank Negara Malaysia (2010), *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, Edisi Kedua, h. 62. Lihat juga Mohamed Obaidullah (2005), *Islamic Financial Services*, Islamic Economics Research Center, King Abdul Aziz University. h. 130.

syariah Islam. Para ulama bersependapat mengenai keharusan pelaksanaan *al-Wakālah* dalam operasi takaful kerana hal yang demikian melibatkan pihak pewakil dan wakil untuk melaksanakan tanggungjawab yang dibenarkan *syara'*, sama ada melakukan tanggungjawab itu dengan sukarela ataupun diberikan ganjaran atau yuran (*fee*).[271] Kadar upah adalah berdasarkan kepada kontrak yang dipersetujui dalam akad (*al-Wakālah bi al-Ajr*) dan kadar upah yang dikenakan mestilah diketahui dengan jelas oleh peserta.[272] Yuran *wakālah* atau upah mestilah ditentukan dengan jelas sama ada dalam bentuk amaun atau nisbah yang dipersetujui oleh pihak yang berkontrak.[273] Merujuk kepada keputusan mesyuarat MPS ke-62 pada 4 Oktober 2006 memutuskan bahawa:

"*Untuk model takaful yang berasaskan kontrak wakālah, syarikat takaful dibenarkan untuk mengenakan fi pengurusan ke atas caruman peserta takaful. Jumlah fi pengurusan yang dicaj mestilah dipersetujui oleh pihak yang berkontrak serta mengambil kira tanggungjawab syarikat takaful terhadap peserta takaful. Pengenaan fi pengurusan ini perlu dinyatakan secara jelas dalam kontrak perjanjian takaful*."[274]

Kebiasaannya akad ini dinyatakan dalam borang permohonan bagi sesuatu pelan takaful. Sebagai contoh:

---

[271] *Ibid*. Lihat juga Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*, 1985, Persidangan Kali ke-2, Resolusi no. 9.

[272] http://www.ibfim.com/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=2661%3Aakhlak-wakil-takaful&Itemid=179 capaian pada 30 Mac 2011. Lihat Azman Mohd Noor & Mohamad Sabri Zakaria (2010), *Takaful : Analisis Terhadap Konsep dan Akad*. Jurnal Muamalat Bil. 3. 2010. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). h. 12.

[273] Bank Negara Malaysia (2010), *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, Edisi Kedua, h. 77.

[274] *Ibid.*

Gambarajah 2: Akad *al-Wakālah* Dalam Pelan Pelaburan Hong Leong MSIG Takaful


**AQAD AND AUTHORIZATION**
*AKAD DAN PEMBERIAN KUASA*

I/ We hereby confirm that to the best of my/ our knowledge the statements stated in this Application and Declaration Form are true and correct and I / We have not concealed, misrepresented or misstated any facts.
*Saya/ Kami dengan ini mengaku bahawa semua penyataan di dalam Borang Permohonan dan Akuan ini adalah lengkap dan benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya dan tidak mengandungi maksud tersembunyi, salah gambaran atau kenyataan bercanggah dengan fakta.*

I/We further agree that the statements and declaration contained in this Application and Declaration Form shall be the basis of the contract of takaful between me/us and Hong Leong MSIG Takaful Bhd (the Operator) and are deemed to be incorporated into the contract.
*Saya/Kami bersetuju bahawa segala penyataan dan akuan yang terkandung di dalam borang permohonan ini akan menjadi asas kepada perjanjian takaful diantara saya dengan Hong Leong MSIG Takaful Bhd (Pengendali) dan ianya disifatkan sebagai tergabung didalam perjanjian ini.*

I/We agree that my takaful contribution be credited into the Participant's Investment Account (PIA) and the Operator be appointed to manage and invest my PIA following Wakalah principle as defined by the Operator according to Shariah. I /We agree to allow the Operator to deduct Wakalah fees as stated below. I/We further agree that all or a portion of my PIA shall be allocated on a monthly basis as a Tabarru' (donation) into the Risk Fund (RF) and be used to help other Participants in time of misfortune.
*Saya/Kami bersetuju sumbangan takaful saya akan dikreditkan ke dalam Akaun Pelaburan Peserta (PIA) dan Pengendali adalah dilantik untuk mengurus dan melabur PIA berdasarkan prinsip Wakalah seperti ditakrifkan oleh Pengendali menurut Syariah. Saya bersetuju memotong yuran Wakalah sebagai dinyatakan di bawah. Saya/Kami selanjutnya bersetuju bahawa kesemua atau sebahagian daripada PIA saya akan diperuntukkan secara bulanan sebagai Tabarru' (sumbangan) kedalam Dana Risiko (RF) dan akan digunakan untuk membantu Peserta-peserta lain yang ditimpa musibah ataupun kerugian.*

Sumber: Borang Permohonan Pelan Pelaburan Hong Leong MSIG Takaful[275]

Gambarajah 3: Akad *al-Wakālah* Dalam Takaful Prime Pro CIMB AVIVA Takaful


**5 READ AND SIGN THIS STATEMENT / *BACA DAN TANDATANGANI KENYATAAN INI***

I agree to participate in Takaful Prime Pro plan (the 'Takaful Plan') based on the principle of takaful and agree to pay the contributions on the basis of 'tabarru' (donation). I hereby further agree to appoint CIMB Aviva Takaful Berhad (the 'Operator') to manage my contributions in accordance to the terms of the Takaful Plan. In return, the Operator is allowed to deduct 55% from each contribution as wakalah fee and the balance of 45% shall be allocated in the General Takaful Fund (the 'Fund') as a pooling for all participants in times of misfortune. The surplus arising from the Fund, if any, shall be shared at a ratio of 50:50.
*Saya bersetuju untuk menyertai pelan Takaful Prime Pro ('Pelan Takaful') berdasarkan prinsip takaful dan bersetuju untuk membayar sumbangan mengikut asas 'tabarru' (derma). Dengan ini, saya seterusnya bersetuju melantik CIMB Aviva Takaful Berhad ('Pengendali') untuk menguruskan sumbangan saya sejajar dengan syarat Pelan Takaful. Sebagai balasan, Pengendali dibenarkan memotong 55% daripada setiap sumbangan sebagai bayaran wakalah dan baki sebanyak 45% akan diperuntukkan dalam Dana Takaful Am ('Dana') sebagai tabung untuk semua peserta apabila berlaku kemalangan. Lebihan yang terdapat dari Dana, jika ada, akan dikongsi dengan nisbah pembahagian 50:50.*

Sumber: Borang Permohonan Pelan Takaful Prime Pro CIMB AVIVA Sdn Bhd[276]

Dalam industri takaful khususnya di Malaysia, kontrak *al-Wakālah* terdapat dalam kedua-dua produk utama dalam takaful yang ditawarkan iaitu dalam takaful am[277] (*general takaful*) dan takaful keluarga[278] (*family takaful*).[279]

[275] Rujuk Lampiran 1: Borang Permohonan Pelan Pelaburan Hong Leong MSIG Takaful. h. 5.
[276] Rujuk Lampiran 2: Borang Permohonan Pelan Takaful Prime Pro CIMB AVIVA Sdn Bhd.
[277] Takaful Am merupakan pakatan untuk melindungi kerugian melibatkan perlindungan yang diberikan kepada peserta dalam bentuk kerugian akibat daripada kemalangan, kebakaran, banjir, tanggungan atau kecurian. Lihat Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *Op. Cit.* h. 71. Sudin Haron (2005), *Op. cit.* h. 400.
[278] Takaful keluarga memberikan perlindungan serta menyediakan simpanan untuk jangka masa panjang. Biasanya dalam takaful keluarga sumbangan peserta dibahagikan kepada dua tujuan iaitu [1] sumbangan dalam dana *tabarru'* untuk saling menyediakan ganti rugi antara peserta. [2] sebagai simpanan dan pelaburan yang bermanfaat kepada peserta dan keluarga. Lihat Jamil Ramly et. al. (2010), *Op. Cit.* h. 197. Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *Op. Cit.* h. 86.

**Model *Al-Wakālah* Dalam Takaful Am**

Gambarajah 4 : Model *Wakālah* Dalam Takaful Am




Sumber: Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *A Mini Giude to Takaful (Islamic Insurance)* [280]

Pelaksanaan model *wakālah* dalam Takaful Am berlaku apabila para peserta melantik pengendali takaful sebagai wakil untuk menguruskan dana Takaful Am yang disumbangkan oleh peserta.[281] Dana Takaful Am dibahagikan untuk aktiviti takaful termasuk yuran *wakālah* dan juga pelaburan. Yuran *wakālah* adalah berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui antara peserta dengan pengendali takaful sepertimana yang telah ditetapkan dalam kontrak.[282]

Bahagian dana yang dilaburkan dan pendapatan pelaburan akan dimasukkan balik ke dalam dana takaful Am. Pengendali takaful akan menerima bahagian pendapatan pelaburan yang telah dipersetujui sebagai yuran prestasi. Lebihan pada akhir tahun (setelah ditolak tuntutan, takaful semula dan lain-lain) akan diagihkan

---

[279] Mohd Ma'sum Billah (2007), *Applied Takaful and Modern Insurans Law and Practice*, Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia. h. 288.
[280] Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *Op. Cit.* h. 71. Mohd Ma'sum Billah (2007), *Op. Cit.* h. 22.
[281] Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *Op. Cit.* h. 85.
[282] Jamil Ramly et. al. (2010), *Op. Cit.* h. 75.

kepada pengendali takaful dan peserta berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui dalam kontrak. Yuran prestasi yang diterapkan dalam model ini adalah dalam bentuk *ji'ālah*.[283] Merujuk kepada keputusan mesyuarat MPS ke-42 bertarikh 25 Mac 2004 dan mesyuarat ke-59 bertarikh 25 Mei 2006 memutuskan bahawa:

"*Lebihan dana risiko peserta (bagi pelan takaful keluarga dan pelan takaful am) boleh diagihkan antara peserta dengan syarikat takaful. Walau bagaimanapun, kaedah pengagihan lebihan dana risiko peserta perlu dinyatakan dengan jelas dan dipersetujui oleh peserta takaful semasa kontrak perjanjian takaful dimeterai.*

*MPS, pada mesyuarat ke-62 bertarikh 4 Oktober 2006, seterusnya memutuskan bahawa: Untuk model takaful yang berasaskan konsep wakālah, lebihan dana risiko boleh diambil oleh pengurus dana takaful sebagai yuran prestasi berdasarkan peratusan yang telah dipersetujui.*"[284]

Dalam model takaful Am yuran *wakālah* adalah pendapatan pengendali takaful yang mengandungi elemen komisyen (*Ajr*) dan elemen peruntukan perbelanjaan pengurusan.[285]

---

[283] Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *Panduan Asas Takaful*, Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn. Bhd. h. 54. *Ji'alah* bermaksud
[284] Bank Negara Malaysia (2010), *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, Edisi Kedua, h. 78.
[285] Jamil Ramly et. al. (2010), *Op. Cit.* h. 76.

**Model *Al-Wakalah* Dalam Takaful Keluarga**

Gambarajah 5 : Model *al-Wakālah* Dalam Takaful Keluarga




Sumber: Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *A Mini Giude to Takaful (Islamic Insurance)* [286]

Selain daripada takaful Am, model *wakālah* turut digunapakai dalam takaful keluarga. Dalam model ini, sumbangan hasil daripada caruman peserta dan sumbangan dibahagikan kepada akaun pelaburan (PIF), Akaun risiko (PRF) dan juga yuran *wakālah*. Pembahagian antara PIF, PRF dan yuran *wakālah* adalah berdasarkan nilai atau nisbah yang dipersetujui dalam kontrak. Yuran *wakālah* merupakan pendapatan pengendali takaful berdasarkan konsep *al-Wakālah bi al-Ajr* dan peruntukan perbelanjaan pengurusan. Kumpulan wang PIF dan lebihan dalam PRF akan dilaburkan dalam Instrumen Islam kerajaan, Sekuriti hutang swasta secara Islam dan ekuiti, aset tetap, akaun tunai dan akaun pelaburan.[287]

[286] Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali, Dr (2010), *Op. Cit.* h. 85. Mohd Ma'sum Billah (2007), *Op. Cit*. h. 26.
[287] Jamil Ramly et. al. (2010), *Op. Cit.* h. 77.

Keuntungan pelaburan akan diagihkan antara pengendali takaful dan akaun peserta (PIF dan PRF) dalam bentuk yuran prestasi berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui. Dana dalam PIF berserta keuntungan dikumpulkan dan dibayar kepada peserta atas kematian, serahan atau matang. Sejumlah dana PRF digunakan untuk tujuan perbelanjaan seperti membayar tuntutan, takaful semula dan rizab. Lebihan dalam PRF pada akhir tahun setelah ditolak perbelanjaan akan diagihkan kepada pengendali dan peserta berdasarkan kepada nisbah yang telah dipersetujui dalam akad kontrak.[288]

### 4.2.2 Model Kombinasi *al-Wakālah* dan *Muḍārabah*

Gambarajah 6: Model Kombinasi *Wakālah-Muḍārabah*




Sumber: Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *A Mini Giude to Takaful (Islamic Insurance)*[289]

Kontrak *al-Wakālah* turut dikombinasikan dengan kontrak yang lain dalam model operasi takaful contohnya model kombinasi antara kontrak *al-Wakālah* dan *al-*

[288] *Ibid.*
[289] Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *Op. Cit.* h. 66. Mohd Ma'sum Billah (2007), *Op. Cit.* h. 27. Ernst & Young, *The World Takaful Report 2011 Transforming Operating Performance*. h. 38.

*muḍārabah*. Dalam pelaksanaan model ini kontrak *al-Wakālah* menjadi kontrak dominan[290] dan digunakan untuk tajaan jaminan manakala kontrak *muḍārabah* untuk pelaburan dana takaful. Kebiasaannya konsep ini sangat popular digunakan dalam takaful keluarga khususnya di Malaysia, Bahrain dan Sudan.[291]

Aplikasi *al-Wakālah* berlaku apabila syarikat takaful bertindak sebagai ejen (wakil) yang dilantik oleh kumpulan peserta untuk menguruskan dana bagi tujuan kegiatan insurans seperti pengurusan tuntutan, penilaian risiko dan lain-lain. Justeru sebagai wakil yang dilantik, syarikat mengenakan yuran pengurusan *wakālah* berdasarkan persetujuan yang disepakati.[292] Selain daripada itu, kontrak *muḍārabah* berlaku apabila syarikat takaful sebagai wakil yang menguruskan dana turut dilantik sebagai pengurus pelaburan (*muḍārib*). Justeru sebagai *muḍārib* pihak syarikat layak untuk berkongsi keuntungan dengan peserta berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.[293]

---

[290] Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali, Dr (2010), *Op. Cit.* h. 65.
[291] Safder Jaffer et.al. (2010), *Op. Cit.* h. 13. Ernst & Young, *The World Takaful Report 2011 Transforming Operating Performance*. h. 39.
[292] Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *Op. Cit.* h. 65.
[293] Azman Mohd Noor & Mohamad Sabri Zakaria (2010), *Op. Cit.* h. 13.

### 4.2.3 Model Kombinasi *Waqf-Wakālah*

Gambarajah 7: Model Gabungan *Waqf-Wakālah*




Sumber: Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *A Mini Giude to Takaful (Islamic Insurance)* [294]

Dalam konsep model kombinasi *waqf-wakālah* ini syarikat pengendali takaful memulakan dana *waqf* dengan memperuntukkan "suatu jumlah serahan" yang bertujuan untuk mewujudkan *legal entity*. Sebagai dana *waqf*, ianya menjadi aset yang tetap dan tidak boleh digunakan untuk pembiayaan tuntutan dan juga kos operasi syarikat. Namun, ianya boleh digunakan sebagai dana pelaburan sebagai sumber pertambahan dana.[295] Hal ini bertepatan dengan Hadith Nabi SAW:

إن شئت حبست أصلها وتصدق بها

Maksudnya: "*Jika engkau mahu, maka tahanlah pokok harta (yang diwaqfkan), dan engkau (dapat) bersedekah dengan hasilnya*"[296]

---

[294] Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *Op. Cit.* h. 68. Abdul Rahim AbdulWahab, *Takaful Business Models - Wakalah based on WAQF* Shariah and Actuarial concerns and Proposed Solutions dibentangkan di The Second International Symposium on Takaful 2006, Malaysia 21-22 February 2006. h. 4. Ernst & Young, *The World Takaful Report 2011 Transforming Operating Performance*. h. 38.

[295] Safder Jaffer et.al. (2010), *Op. Cit.* h. 13.

[296] Muḥammad bin Ismai'l bin Ibrāhīm bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *Op. Cit.*h. 223. Kitab al-Wiṣāyā, Bab [الْوَقْفِ كَيْفَ يُكْتَبُ] No. hadith: 2772.

Berdasarkan kepada Hadith ini, maka jelas bahawa dana *waqf* tidak boleh berkurang, walaubagaimanapun ianya boleh bertambah melalui pelaburan. Seterusnya, syarikat akan menjemput peserta takaful untuk menyumbang ke dana *tabarru'* yang akan dimasukkan ke dalam dana *waqf*. Dalam konteks ini, peserta tidak mewakafkan sumbangan tetapi sebagai pemegang polisi dan diberikan surat ikatan *waqf*.[297] Selain itu, hasil daripada pelaburan dana *waqf* ini dapat meningkatkan dana *ta'āwun* seterusnya memberikan manfaat kepada peserta sekiranya berlaku musibah.

Pihak syarikat juga mendapat manfaat daripada model ini berdasarkan kepada syarikat sebagai nazir *waqf* yang bertanggungjawab menguruskan dana dan juga sebagai pihak yang menguruskan pelaburan dana ini. Justeru sebagai wakil yang menguruskan kegiatan insurans dari dana *waqf*, syarikat mendapat yuran *wakālah* yang dipotong dari sumbangan peserta atas dasar sebagai wakil yang menguruskan dana peserta takaful di samping hasil daripada keuntungan pelaburan *muḍārabah* berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.[298] Model ini diaplikasikan di Pakistan dan AfrikaSelatan.[299]

Berdasarkan kepada penerangan yang telah dijelaskan sebelum ini, jelas bahawa kontrak *al-Wakālah* kontrak penting dalam perjalanan operasi takaful. Menurut World Takaful Report 2011 model *wakālah* khususnya model kombinasi *wakālah- muḍārabah* antara yang digunapakai di Malaysia.

---

[297] Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *Op. Cit.* h. 78.
[298] *Ibid.* h. 69. Abdul Rahim AbdulWahab, *Op. cit.* h. 10.
[299] Ernst & Young, *The World Takaful Report 2011 Transforming Operating Performance*. h. 38. Lihat juga Asem Samih Ahmad (2006), *A Critical Study of Takaful (Islamic Insurance) and its Modern Implementation*. Tesis PhD Department of Theology School of Historical Studies The University of Birmingham. h. 418.

Gambarajah 8: Perbandingan Model-model Perniagaan Takaful

**Ciri-ciri Model Perniagaan**

Empat model perniagaan takaful berkongsi banyak ciri-ciri yang sama dengan beberapa perbezaan

| | *Muḍārabah* | *Wakālah* | *Wakālah-Muḍārabah* | *Wakālah-Waqf* |
|---|---|---|---|---|
| Bahagian keputusan teknikal | Tiada | Peratus sumbangan pendahuluan (tiada bahagian keputusan) | | |
| Bahagian keputusan pelaburan | Tiada | | Nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui | |
| Bahagian lebihan (teknikal dan hasil pelaburan) | Peratus lebihan | Tiada | | |
| Kerugian atas pelaburan | Ditanggung sepenuhnya oleh pemegang polisi | | | |
| Perbelanjaan operasi | Ditanggung sepenuhnya oleh dana pemegang saham | | | |
| Pelaburan instrumen | Instrumen yang mematuhi Syariah diterima | | | |
| Defisit dalam dana pemegang polisi | Qard Al-Hasan yang diperuntukkan kepada dana pemegang polisi | | | |
| Penciptaan dana takaful | Sumbangan pemegang polisi | | | Pemegang polisi dan sumbangan wakaf awal oleh pemegang saham |
| Pembubaran dana pemegang polisi | Meningkat kepada pemegang polisi sahaja | | | Jumlah wakaf mesti pergi ke dana wakaf lain yang sedia ada dan tidak boleh diagihkan di kalangan peserta. |
| Negara terlibat | Sebahagian di Malaysia dan Arab Saudi | United Kingdom | Bahrain, Malaysia dan Sudan | Pakistan |

Sumber: Ernst & Young, *The World Takaful Report 2011 Transforming Operating Performance*[300]

### 4.2.6 Pelantikan Ejen-ejen Takaful:

Dalam usaha untuk meluaskan perniagaan dan memudahkan masyarakat mendapatkan perlindungan daripada takaful, syarikat-syarikat takaful melantik ejen-ejen sebagai wakil bagi mendapatkan prospek atau peserta takaful yang baru. Justeru dalam aplikasi ini, Syarikat bertindak sebagai pemilik dan merupakan pewakil yang telah melantik ejen-ejen sebagai wakil untuk mempromosikan produk syarikat.

---

[300] Ernst & Young, *The World Takaful Report 2011 Transforming Operating Performance*. h. 39.

Ejen sebagai wakil yang dilantik syarikat dan diberikan komisyen (upah) berdasarkan kepada prestasi dan juga akad yang telah dipersetujui.[301] Selain itu, ejen juga perlu melalui proses latihan yang disediakan oleh pihak syarikat demi memastikan prinsip-prinsip takaful difahami dengan jelas oleh ejen-ejen syarikat.

Gambarajah 9: Aplikasi pelantikan Ejen takaful




## 4.3 ANALISIS APLIKASI PRINSIP *AL-WAKĀLAH* DALAM INDUSTRI TAKAFUL

Berdasarkan kepada penelitian terhadap model-model *al-Wakālah* dalam Industri takaful, pengkaji membuat kesimpulan bahawa pelaksanaan takaful merupakan antara perkara yang memberikan manfaat yang besar kepada umat Islam bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ٢

**Terjemahan Ayat:** *" dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana*

[301] Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *Op. Cit.* h. 72.

*Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa Yang melanggar perintahNya).”*[302]

Selain itu, takaful merupakan alternatif kepada umat Islam bagi mengantikan insurans konvensional. Pengaplikasian *al-Wakālah* dalam model-model operasi takaful turut menyumbang kepada perkembangan industri takaful. Berdasarkan laporan The World Takaful Report 2011 menunjukkan bahawa industri takaful di Malaysia meningkat 30% pada tahun 2009 berbanding 29% pada tahun 2008.[303]

Gambarajah 10: Perkembangan Takaful dan Insurans di Asia Tenggara




Sumber: Ernst & Young, *The World Takaful Report 2011 Transforming Operating Performance*[304]

Konsep *al-Wakālah* dalam takaful secara umumnya berlaku apabila seseorang peserta menyertai skim takaful seterusnya melaksanakan akad *al-Wakālah* dan melantik syarikat pengendali takaful sebagai wakil bagi menguruskan dana bagi pihak peserta. Hal ini bertepatan dengan prinsip-prinsip yang dikemukakan pengkaji kerana matlamat utama pelaksanaan model *al-Wakālah* dalam operasi takaful adalah

[302] Al-Qur’an. Surah al-Maidah 5: 2.
[303] Ernst & Young, *The World Takaful Report 2011 Transforming Operating Performance*. h. 12.
[304] *Ibid.*

untuk tujuan yang bermanfaat khususnya umat Islam. Selain itu, pelaksanaan *al-Wakālah* dalam industri takaful memenuhi rukun dan syarat *al-Wakālah* berdasarkan pelaksanaannya dalam model *wakālah* seperti yang telah dikemukakan.

Sementara itu, yuran *al-Wakālah* yang telah ditetapkan dalam akad adalah berdasarkan konsep *al-Wakālah bi al-Ajr*. Berdasarkan kepada prinsip *al-Wakālah* sepertimana yang dibincangkan dalam bab ketiga, *al-Wakālah bi al-Ajr* adalah salah satu daripada konsep yang telah dinyatakan dalam Hadith-hadith Nabi SAW. Hal ini juga kerana dalam konteks pelaksanaan *al-Wakālah* adalah harus untuk diberikan upah ataupun tidak. Ini berdasarkan Hadith Nabi SAW:

عَنْ مُجَاهِدٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي لَيْلَى عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ  أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ أَقُومَ عَلَى بُدْنِهِ وَأَقْسِمَ جُلُودَهَا وَجِلَالَهَا وَأَمَرَنِي أَنْ لَا أُعْطِيَ الْجَزَّارَ مِنْهَا شَيْئًا وَقَالَ نَحْنُ نُعْطِيهِ مِنْ عِنْدِنَا

**Terjemahan Hadith:** *Dari Mujahid dari ‘Abd al-Rahman Bin Abi Laili dari ‘Ali r.a, dia berkata: Rasulullah memerintahkan aku untuk menyembelih untanya dan membahagikan kulitnya dan pelananya dan memerintahkan aku agar tidak memberikan penyembelih itu bahagian dari unta tersebut (qurban) dan Baginda SAW berkata kepada kami: berikanlah apa yang kami ada (bukan daripada daging korban).* [305]

"وَقَدْ وَكَّلَ عُمَرُ وَابْنُ عُمَرَ فِي الصَّرْفِ"

**Terjemahan Hadith**: “ *Umar dan Ibn Umar telah mewakilkan dalam masalah emas dan perak*”[306]

Dalam pada itu, konsep *al-Wakālah* juga berlaku apabila syarikat-syarikat takaful melantik wakil-wakil (ejen) bagi mempercepatkan perkembangan syarikat dan juga memastikan masyarakat dapat menyertai skim takaful di samping

[305]Abū  Dawūd Sulaimān bin al-Ash’āb bin Isḥāq  al-Azdī al-Sajastānī (2000), *Op. Cit.* h. 1354. Kitab al-Manāsik, Bab [**كَيْفَ تُنْحَرُ الْبُدْنُ**], no. Hadith: 1769.
[306] Muḥammad bin Ismāi‘l bin Ibrāhīm bin al-Muqīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 180. No hadith: 2302,2303. 20 Years Experience of Malaysian Takaful Industry h. 3.

memberikan kefahaman yang jelas kepada masyarakat. Hal ini berdasarkan asas *al-Wakālah* dalam melantik wakil sepertimana dijelaskan dalam Hadith Nabi SAW:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ : " أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى خَيْبَرَ، فَأَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ فَسَلَّمْتُ عَلَيْهِ، وَقُلْتُ لَهُ : إِنِّي أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى خَيْبَرَ، فَقَالَ : إِذَا أَتَيْتَ وَكِيلِي فَخُذْ مِنْهُ خَمْسَةَ عَشَرَ وَسْقًا "

**Terjemahan Hadith**: *Daripada Ibn Ishaq, Dari Abi Nu'aim wahb bin Kaisan, Dari Jabir bin Abd Allah,berkata: Aku ingin keluar ke Khaibar, maka aku pun bertemu dengan Rasullullah SAW dan aku berkata kepadanya sesungguhnya aku ingin keluar ke Khaibar lalu Baginda bersabda: apabila engkau bertemu dengan wakilku di negeri Khaibar maka ambillah olehmu daripadanya lima belas wasq".*[307]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عُمَرَ عَلَى الصَّدَقَةِ

**Terjemahan Hadith:** "*Dari Abi Hurairah r.a. telah berkata: Rasulullah SAW telah mengutus Umar r.a untuk memungut zakat.*"[308]

Sekali lagi konsep *al-Wakālah bi al-Ajr* digunakan untuk menghargai jasa ejen atau wakil syarikat memberikan insentif sebagai upah ke atas kerja-kerja yang telah dilaksanakan.

## 4.4 KELEBIHAN APLIKASI *AL-WAKĀLAH* DALAM INDUSTRI TAKAFUL

Pelaksanaan *al-Wakālah* dalam industri takaful turut mempunyai kelebihan yang tertentu. Justeru, pengkaji melihat pengaplikasian ini telah memberikan manfaat yang berguna kepada syarikat pengendali, ejen-ejen dan juga peserta takaful.

Dengan penggunaan model *al-Wakālah*, syarikat pengendali takaful dapat memastikan perkembangan syarikat berlaku dengan cepat dan pantas hasil daripada pelantikan ejen-ejen kepada syarikat takaful. Ejen-ejen syarikat memainkan peranan penting untuk meluaskan pasaran syarikat di samping ejen-ejen turut mendapat manfaat hasil daripada gerak kerja mereka kerana akan diberikan ganjaran yang

[307] Abū Dawūd Sulaimān bin al-Ash'āb bin Isḥāq al-Aẓdī al-Sajastānī (2000), *Op. Cit.* h. 1492.
[308] Abī al-Husain Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim al-Naisābūrī (2000), *Op. Cit.* h. 832.

sudah pasti menjadi motivasi kepada mereka untuk berusaha keras memastikan syarikat yang diwakili menjadi pilihan masyarakat. Syarikat pengendali turut memastikan mereka mempunyai ejen-ejen yang ramai dan berkualiti yang akhirnya memberikan perkembangan pesat kepada syarikat takaful.

Selain itu, dengan kehadiran ejen-ejen yang berkualiti, penerangan terhadap produk-produk syarikat dapat disampaikan kepada masyarakat dengan tepat dan dapat memberikan khidmat nasihat berkaitan kepentingan takaful kepada umat Islam. Ejen juga dapat membantu peserta untuk meyertai skim takaful dan membuat tuntutan manfaat. Maka hasilnya, syarikat pengendali juga dapat mengurangkan kos perbelanjaan.[309]

Di samping itu, syarikat juga dapat menjangkakan kos dan juga keuntungan kerana penggunaan model *al-Wakālah*, syarikat mengenakan yuran *wakālah* dan sumbangan kasar peserta akan ditolak yuran *wakālah* dan dimasukkan ke dalam akaun peserta atau terus dimasukkan ke dalam dana risiko bergantung kepada jenis pelan. Justeru, syarikat sudah mendapat pendapatan yang mana boleh digunakan untuk menguruskan perniagaannya dan sebahagiannya dikira sebagai pendapatan kepada mereka. Contohnya berdasarkan Penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 dalam Laporan Tahunan Takaful Malaysia 2011, menunjukkan bahawa yuran *wakālah* telah memberikan pendapatan sebanyak RM 144,433 bermula dari 1.1.2011-31.12.2011. Jumlah ini meningkat berbanding sebelumnya hanya RM 141,962 dari 1.7.2009-31.12.2010.[310]

---

[309] http://ustazsaifudin.wakaf.org/v1/2010/05/06/kelebihan-model-wakalah-dalam-takaful/ capaian pada 12 Februari 2012. 12.51 a.m.
[310] Laporan Tahunan 2011 Syarikat Takaful Malaysia h. 89.

### 4.5 APLIKASI ETIKA *AL-WAKĀLAH* DALAM TAKAFUL

Berdasarkan kepada perbincangan prinsip *al-Wakālah* dalam Hadith-hadith nabawi dan juga perbincangan aplikasi *al-Wakālah* dalam takaful, pengkaji melihat aspek etika ataupun akhlak amat perlu ditekankan demi memastikan muamalah Islam senantiasa memberikan maslahah yang besar kepada perkembangan Islam. Justeru, dalam kajian ini pengkaji mengemukakan etika yang perlu dijaga dalam muamalah Islam.

Etika pertama yang diperlukan adalah setiap ejen (wakil) kepada syarikat takaful perlu memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam khususnya mengenai pelaksanaan takaful. Perkara ini amat penting kerana ejen bertindak sebagai penyampai maklumat mengenai takaful kepada masyarakat khususnya apabila mendapatkan prospek baru atau peserta takaful. Selain itu, menerusi ilmu pengetahuan prinsip-prinsip takaful berlandaskan kepada syariat dapat dilaksanakan oleh syarikat pengendali takaful.

Selain itu, pelaksanaan *wakālah* dalam takaful, unsur *gharar* dan riba perlu dielakkan. Syarikat perlu memastikan keseluruhan operasi syarikat tidak terlibat dengan sebarang pelaburan yang berunsurkan riba di samping tiada cas atau yuran tersembunyi dikenakan kepada peserta takaful. Hal ini kerana, Nabi SAW menegaskan larangan terhadap transaksi yang mengandungi unsur riba dan Allah SWT berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَذَرُواْ مَا بَقِيَ مِنَ ٱلرِّبَوٰٓاْ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ٢٧٨ فَإِن لَّمۡ تَفۡعَلُواْ
فَأۡذَنُواْ بِحَرۡبٖ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۖ وَإِن تُبۡتُمۡ فَلَكُمۡ رُءُوسُ أَمۡوَٰلِكُمۡ لَا تَظۡلِمُونَ وَلَا
تُظۡلَمُونَ ٢٧٩

**Terjemahan Ayat:** *"Wahai orang-orang Yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang Yang berhutang) itu, jika benar kamu orang- orang Yang beriman. oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (dengan Yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa."*[311]

Ayat ini jelas menegaskan tentang dahsyatnya bahaya riba dan kerana itulah Imam Abu Hanifah menyatakan " *Inilah ayat al-Qur'an yang paling menakutkan."*.[312] Di samping itu, objektif penubuhan syarikat takaful adalah sebagai alternatif terhadap insurans konvensional yang mengandungi unsur *gharar* dan riba.

Sebagai pengurus dana (pengendali takaful), sifat amanah sangat perlu ditekankan kerana dalam industri takaful ianya melibatkan amanah terhadap dana yang disumbangkan oleh pelanggan-pelanggan syarikat. Selain itu, syarikat juga perlu amanah dalam melakukan pelaburan dengan mengelakkan daripada pelaburan yang tidak dibenarkan oleh *syara'*. Sebagai ejen yang dilantik oleh syarikat takaful juga perlu amanah dalam usaha mengembangkan industri ini kepada masyarakat umum dan bukan sekadar mengejar keuntungan atau ganjaran komisyen semata-mata sehingga menipu para pelanggan. Justeru sifat ini amat penting untuk menjadikan industri takaful benar-benar menepati kehendak *syara'* .

## 4.6 KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan bab ini, terbukti bahawa konsep *al-Wakālah* memainkan peranan penting dalam operasi syarikat-syarikat takaful. Konsep *al-Wakālah* turut memberikan kelebihan dan membantu dalam perkembangan industri

[311] Surah al-Baqarah 2: 278-279.
[312] Zaharuddin Abd Rahman (2010), *Op. Cit.* h. 31.

takaful khususnya di Malaysia. Justeru aplikasi *al-Wakālah* dalam takaful adalah dalam bentuk perwakilan berupah atau *al-Wakālah bi al-Ajr* dan prinsip ini adalah tidak bertentangan dengan Hadith Nabi SAW dan juga pandangan para fuqaha. Transaksi *al-Wakālah* merupakan satu rahmat kepada umat Islam kerana ianya dapat memberikan satu alternatif mengantikan sistem insurans konvensional.

# BAB 5: PENUTUP

## 5.1 PENDAHULUAN

Bab ini merupakan bab terakhir yang merangkumi kesimpulan keseluruhan daripada hasil kajian dan juga analisis terhadap Hadith-hadith berkaitan *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah* serta aplikasinya dalam industri takaful di Malaysia. Selain itu, dalam bab ini, pengkaji telah membuat rumusan atau kesimpulan secara menyeluruh terhadap kajian ini dan juga mengemukakan cadangan sebagai panduan dan penambahbaikan terhadap pembangunan industri takaful. Perbincangan dalam bab ini dapat membantu pembaca untuk memahami dapatan dan hasil kajian secara keseluruhannya.

## 5.2 RUMUSAN

Hasil kajian ini secara keseluruhan, pengkaji dapat merumuskan:

1. *Al-Wakālah* merupakan antara transaksi penting dalam muamalah Islam dan berdasarkan kepada Hadith-hadith Nabi SAW dalam *al-Kutub al-Sittah*, pengkaji mendapati Hadith *al-Wakālah* dikumpulkan secara khusus dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* iaitu dalam Kitab *al-Wakālah*. Selain itu, dalam *Sunan Abū Dāwūd* terdapat satu bab *al-Wakālah*. Manakala dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan al-Tirmīdhī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibn Mājah* Hadith *al-Wakalah* tidak dikumpulkan secara khusus dalam satu topik tetapi dikemukakan dalam perbincangan yang berkaitan.

2. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengemukakan 23 Hadith dan pemilihan Hadith-hadith ini berdasarkan kepada metode yang telah dinyatakan sebelum ini. Hadith-hadith yang dipilih terdiri daripada 20 Hadith dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dengan 19 Hadith daripada *Kitab al-Wakālah*, dan satu Hadith dalam *Kitāb al-Ḥājj*. Dua Hadith daripada *Sunan Abū Dāwūd* satu daripadanya dalam *Bāb al-Wakālah* dan satu daripada *Kitāb Nikāḥ*. Satu Hadith daripada *Ṣaḥīḥ Muslim* daripada *Kitāb al-Zakāt*.

3. Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada takhrij ringkas, taburan Hadith *al-Wakālah* dibincangkan dalam 250 Hadith berkaitan *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah*. Dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* terdapat 114 Hadith atau 46% daripada keseluruhan Hadith, sementara itu 48 Hadith atau 19% dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, Selain itu terdapat 12 Hadith atau 5% dalam *Jāmī' al-Tirmīdhī.* Dalam *Sunan Abū Dāwud* terdapat 13 Hadith atau 5%, manakala terdapat 47 Hadith atau 19% dalam *Sunan al-Nasā'i*, dan 16 Hadith atau 6% dalam *Sunan Ibn Mājah*.

4. Berdasarkan kepada Hadith-hadith yang dipilih oleh pengkaji mendapati transaksi *al-Wakālah* merangkumi pelbagai aspek dalam urusan umat Islam seperti jual beli atau perniagaan dan kewangan, urusan zakat, hutang (*al-Dayn*), perkahwinan, perundangan, haji, korban (sembelihan), Sadaqah, Wasiat dan Hibah.

5. *Al-Wakālah* sangat diberikan perhatian oleh para fuqaha dalam penulisan karya-karya mereka, namun Hadith-hadith berkaitan *al-Wakālah* tidak di

kemukan secara keseluruhan. Justeru kajian ini diharap mampu memberikan nilai tambah kepada kefahaman terhadap konsep *al-Wakālah* dalam Islam.

6. Aplikasi *al-Wakālah* dalam takaful meliputi dua perkara asas iaitu, [**pertama]** syarikat pengendali takaful sebagai wakil yang dilantik oleh peserta untuk mengendali dana sumbangan dan pengendali mendapat upah dalam konsep *al-Wakālah bi al-Ajr*. [**Kedua**] Syarikat melantik ejen-ejen sebagai wakil untuk meluaskan pasaran di samping memberikan pengetahuan kepada masyarakat tentang kepentingan takaful kepada umat Islam. Ejen yang dilantik juga mendapat pendapatan hasil daripada usaha mereka sebagai komisyen atau upah juga dalam konsep *al-Wakālah bi al- Ajr*. Konsep *al-Wakālah bi al- Ajr* adalah berdasarkan kepada nilai yang telah dipersetujui dalam akad.

7. Aplikasi kontrak *al-Wakālah* telah memberikan kelebihan dalam perkembangan industri takaful kerana industri takaful telah dapat berkembang dengan pesat khususnya di Malaysia. Selain itu, ianya turut membuka peluang kepada individu yang berminat menjadi ejen syarikat yang berdaftar dan menjadikan ejen sebagai satu kerjaya.

8. Perlaksanaan kontrak *al-Wakālah* dalam takaful adalah selari dengan kehendak syara' dan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip *al-Wakālah* menurut perspektif Hadith selagi mana tidak terdapat unsur gharar dan riba.

9. Akhlak dan etika sangat ditekankan dalam perlasanaan prinsip *al-Wakālah* kerana ianya melibat amanah dan tanggungjawab menguruskan sesuatu pekerjaan bagi pihak yang lain.

## 5.3 CADANGAN

Berdasarkan kepada hasil kajian ini, pengkaji dapat mengemukakan beberapa cadangan sebagai panduan kepada semua pihak dalam usaha untuk memastikan perkembangan ilmu khususnya ilmu Hadith agar dapat memberi faedah kepada umat Islam. Cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

1. Pengkajian dalam bidang Hadith dalam pelbagai aspek perlu diperkembangkan khususnya di peringkat pengajian tinggi agar dapat memberikan panduan kepada masyarakat dalam usaha memartabatkan Hadith-hadith Nabi SAW.

2. Pengajian dalam bidang Hadith perlu dibudayakan dalam masyarakat khususnya Hadith yang berkaitan isu-isu semasa kerana umat Islam perlu kembali kepada sumber yang utama dalam Islam iaitu al-Qur'an dan al-Hadith dalam segala urusan.

3. Dalam usaha membudayakan Hadith di kalangan masyarakat, ilmuan-ilmuan khususnya pakar dalam bidang Hadith menghasilkan karya-karya *sharh al-Hadith* dalam bentuk pengolahan semasa agar dapat memudahkan masyarakat.

4. Pengkajian berkaitan dalam bidang Hadith muamalah perlu diteruskan agar dapat memberikan sumbangan kepada perkembangan industri kewangan Islam dan dapat memartabat sistem kewangan Islam sebagai sistem yang terbaik dan mampu membawa kepada kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

5. Pihak pemerintah perlu memberikan galakan terhadap penubuhan institusi-institusi pengajian Hadith agar negara tidak ketandusan pakar dalam ilmu Hadith.

6. Umat Islam perlu mengubah corak pemikiran khususnya dalam urusan muamalah semasa dengan mengutamakan institusi kewangan Islam seperti perbankan Islam dan Institusi takaful.

7. Umat Islam yang berminat menyertai skim takaful digalakkan untuk mengambil khidmat institusi takaful Islam untuk memaksimakan manfaat takaful kepada umat Islam.
8. Pihak pemerintah perlu menggalakkan dan memberi sokongan kepada penubuhan institusi takaful agar dapat memberi peluang kepada umat Islam mendapat manfaat daripada takaful.

9. Ilmu berkaitan muamalah Islam perlu diperluaskan kepada masyarakat umum agar masyarakat memahami kepentingan menggunakan sistem kewangan Islam.

## 5.4 PENUTUP

Akhir sekali, pengkaji berharap agar kajian ini mampu memberikan manfaat kepada umat Islam khususnya untuk memahami Hadith-hadith berkaitan *al-Wakālah* kerana sebagai manusia, tidak mampu untuk melaksanakan semua perkara kerana keterbatasan ilmu pengetahuan, kepakaran, tenaga, masa dan sebagainya. Justeru dalam beberapa perkara sudah tentu perlu kepada penggunaan konsep *al-Wakālah*. Kajian ini mampu memberikan titik tolak kepada masyarakat untuk lebih memahami konsep *al-Wakālah* dalam Islam untuk menjadi panduan dalam kehidupan. Selain itu, konsep muamalah dalam Islam perlu diperluaskan kepada masyarakat agar mendapat kefahaman yang jelas di samping untuk mengembalikan kegemilangan tamadun Islam yang hebat dalam pelbagai aspek seperti perkembangan ilmu pengetahuan dan kekuatan ekonomi Islam.

## BIBLIOGRAFI

### Rujukan Bahasa Arab


Abd al-Raḥmān bin Muḥammad ‘Aud al-Jazīrī (2001), *al-Fiqh ‘alā al-Maẓāhib al-arba’ah*, Kaherah: Muassasah al-Mukhtar. j. 3.

Abd Latif Mahmud al-Mahmud (1994), *al-Ta’mīn al-Ijtima‘ī fi Dau’ al-Sharīah al-Islamiah*. Beirut. Dar al-Nafā’is.

Abi al-Fidā’ Isma‘īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Qurshi al-Dimashqi (2000), *Tafsīr al-Qur’an al-‘Aẓīm*, Beirut: Dar Ibn Hazm.

Abī al-Ḥusain Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Naisābūrī (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim, Mausū‘ah al-Ḥādīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘.

Abī Bakr bin al-Ḥusain bin ‘Alī al-Baihāqī (2003), *Sunan al-Kubrā*, Beirut: Dar al-Kutub al-Imiyyah‘. j. 6.

Abī ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā bin Ṣūrah ibn Mūsā al-Tirmidhī (2000), *Jāmi‘ al-Tirmīdhī, Mausū‘ah al-Ḥādīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘.

Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalaf bin ‘Abd Mālik bin Baṭṭal al-Bakrī al-Qurtubī (2003), *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Riyard: Maktabah al-Rusyd. j. 6.

Abū Dawūd Sulaimān bin al-Ash‘āb bin Isḥāq al-Aẓdī al-Sajastānī (2000), *Sunan Abū Dāwūd*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘.

Abū Zakaria Yaḥyā bin Sharf al-Nawawī (2003), *Rauḍah al-Tālibīn*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah. j. 3.

Abū Zakaria Yaḥyā bin Sharf al-Nawāwī (t.t), *al-Majmu’*, Kaherah: Maktabah al-Iman.

Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-Asqalānī (t.t), *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Riyard: al-Maktabah al-Salafiah,

Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajār Abū al-Faḍl al-‘Asqalānī (2000), *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukḥarī*, Riyard: Dar al-Salam. j. 4.

Ahmad bin ‘Ali Bin Hajar al-Asqalani (1995), *Talkhis al-Habir Fi Takhrij AHadith al-Rafi‘i al-Kabir*, Dar al-Misykat. j. 3.

Aḥmād bin ‘Alī Bin Ḥajār al-‘Asqalānī (2003), *Bulūqh al-Marām Min Adillati al-Aḥkām*, Makkah al-Mukarramah: Maktabah Niẓar Muṣṭafā al-Bāz.

Arandjen Wensink, Dr (1978), *Miftāḥ Kunūẓ al-Sunnah*, Idārah Tarjuman al-Sunnah.

Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-‘Aīnī (2001), *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dar al-Kutub al- ‘Ilmiah. j. 12.

Ibn Manẓūr (1997), *Lisān al-‘arab*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, j. 15.
Majma’al-Lughah al-A’rabiyyah, (1985), *al-Mu‘jam al-Waṣīṭ*, j. 2.

Ibn Qayyīm al-Jauẓiyah (1995), Zāad al-Māad, j.5. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Qudāmah (1968), *al-Mughnī*, Kaherah: Matba‘ah al-Qahirah. j. 2. h. 488.

Muhammad Fuad al-Baqi (2003), *al-Mu‘jam al-mufaḥrās li al-Fāẓ al-Qur’an al-Karim*, Beirut: Dar al-ma‘rifah.

Muḥammad bin Ismāīl bin Ibrāḥīm bin Bardiẓbah al-Ju’fī al-Bukhārī (2002), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kaherah: Maktabah al-Safa, j. 1.

Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāḥīm bin al-Muqīrah bin Bardiẓbah al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Mausū‘ah al-Ḥāḍīṭḥ al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘.

Muḥammad bin Ismaīl al-amīr al-kahlānī al-Ṣana’ānī (1960), *Subūl al-Salām*, Maktabah al-Mustafa. j. 3.

Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Bānī (1998), *Ḍaīf Sunan Abū Dāwūd*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘.

Muḥammad Shams al-Hāq al-‘Azīm Abādī (1415H), *‘Awn al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dawūd*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.

Musṭafā al-khīn et.al. (1996), *al-Fiqh al-Manhajī*, Damsyik: Dar al-‘ulum al-Insaniah. j.3.

Sayyid Sābiq (t.t), *Fiqh al-Sunnah*, Kaherah: Dar al-Misr li al-Thiba’ah, j. 3.

Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khātib al-Sharbīni (1997), *Mughnī al-muḥtāj*, Beirut: Dar al-Ma’rifah. j. 2.

Sirāj al-Dīn Abī Hafs ‘Umar bin ‘Alī bin Aḥmad al-Ansārī (t.t), *al-Tawḍīḥ li Sahrḥ al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*, Qatar: j. 15.

Wahbah al-Zuhayli, Dr. (1985), *al-Fiqh al-Islami wa adillatuh*, Damsyik: Dar al-Fikr. j. 4 dan j. 5.

Yusuf Qardawi (2006), *Fiqh al-Zakat*, Kaherah: Maktabah Wahbah. j. 2.

Yusuf al-Qardawi (1973), *Fiqh al-Zakat*, Beirut: Muasassah al-Risalah.

Ziyād Muḥammad Ahmīdān Dr. (2008), *Maqāṣid al-Syarī‘ah al-Islamiyyah Dirāsah Uṣuliyyah wa Taṭbīqāt Fiqhiyyah*, Beirut: Muasasah al-Risalah Nashirun.

**Rujukan Bahasa Melayu**

Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: JAKIM.

Munir Yaacob Dr., *Maqāṣid Shari'ah: Konsep dan Hubungannya Dengan Nilai-nilai Semasa di Malaysia dalam Menentukan Hukum*, dalam Faizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad (2000), *Fiqh Malaysia Kearah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*. Kuala Lumpur: akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Azman Mohd Noor & Mohamad Sabri Zakaria (2010), *Takaful : Analisis Terhadap Konsep dan Akad*. Jurnal Muamalat Bil. 3. 2010. Jabatan Kemajuan Islam Malysia (JAKIM).

Bank Negara Malaysia (2010), *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, Edisi Kedua.

Bank Negara Malaysia, Laporan Prestasi Industri Takaful, 19 April 2006. h.A2.

Dato' Hj. Abdul Majid bin Omar, *Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian Dan Qada' Zakat*, Kertas kerja ini dibentangkan pada Seminar Peningkatan Profesionalisme Penolong Pendaftar Nikah Daerah Kuala Langat, 22 Ogos 2007, Hotel Concorde Inn, KLIA Sepang.

Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *Panduan Asas Takaful*, Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn. Bhd.

Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad (2009), *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam*, Shah Alam: Pusat penerbitan Universiti (UPENA).

Haron Din (2002), *Manusia dan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. j. 2 dan 3.

Jamil Ramly et. al. (2010), *Buku Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM. Ed. 2.

Joni Tamkin Borhan, *Prinsip Syariah Dalam Perniagaan Takaful di Malaysia*, dalam Asmak Abd Rahman et.al. (2008), *Sistem Takaful di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Laporan Tahunan 2011 Syarikat Takaful Malaysia h. 89.

Asri Abdullah et.al. (2006), *Prinsip-prinsip Asas Islam*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UITM.

Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mannā' Khalīl al-Qathān (2006), *Cara Mudah Memahami Ilmu-ilmu Hadith*, terj. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa.

Mohd Fauzi Abu @ Hussin & Kamaruzaman Noordin, *Perkembangan da Prospek Industri Takaful Global*, dalam Asmak Abd Rahman et.al. (2008), *Sistem Takaful di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Fazli Yusof (1996), *Takaful: Sistem Insurans Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mujaini Tarimin (2005), *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Muhammad Hisyam Mohamad, *Perbandingan Kontrak Takaful dan Insurans*, dalam Asmak Abd Rahman et.al. (2008), *Sistem Takaful di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Muḥammad Idrīs al-Marbāwī (t.t.), *Bulūqh al-Marām Serta Terjemah Melayu*, Kaherah: Matba'ah al-Anwār al-Muḥammadiyah.

Muḥammad Idrīs 'Abd Rauf al-Marbāwī (1998), *Kamus Idris al-Marbawi*, Kuala Lumpur: Darul al-Nu'man.

Muhammad al-Sayyid Yusuf, Prof. Dr. (2008), *Tafsir Ekonomi Islam (Konsep Ekonomi al-Qur'an),* Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Musṭafā al-Khīn et. al. (2005), *Kitab Fiqh Mazhab al-Shafi'i*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam. j. 7.

Noresah Baharom et. al. (2007), *Kamus Dewan edisis keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rhesa Yogaswara (2008), *Konsep Akad Wakālah Dalam Fiqh Muamalah*.

Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain (2007), *Maqasid al-Syari'ah Hikmah di Sebalik Pensyariatan*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.

Sudin Haron (2005), *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School Sdn. Bhd.

Wahbah al-Zuhaylī (1999), *Fiqh & Perundangan Islam*, terj. Ahmad Shahbari Salamon et. al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, j. 5.

Zaharuddin Abd Rahman (2010), *Riba dan Isu Kewangan Semasa*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd. h. 31.

Zulkifli Mohd Yusoff (2011), *Tafsir Ayat Ahkam Huraian Hukum Hakam Dalam al-Qur'an*, Selangor: PTS Darul Furqan Sdn. Bhd.

Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2011), *Kewangan Islam Dalam Fiqh Syafi'i*, Kuala Lumpur: IBFIM.

**Rujukan Bahasa Inggeris**


Abdul Rahim Abdul Wahab, *Takaful Business Models - Wakalah based on WAQF* Shariah and Actuarial concerns and Proposed Solutions dibentangkan di The Second International Symposium on Takaful 2006, Malaysia 21-22 February 2006

Ahcene Lahsasna (2010), *Q&A In Islamic Finance*, Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn. Bhd.

Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (2010), *A Mini Giude to Takaful (Islamic Insurance)*, Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn. Bhd.

Ernst & Young, *The World Takaful Report 2011 Transforming Operating Performance*.

Mohamed Obaidullah (2005), *Islamic Financial Services*, Islamic Economics Research Center, King AbdulAziz University.

Mohd Ma'sum Billah (2007), *Applied Takaful and Modern Insurance*, Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.

Safder Jaffer et. al. (2010), *Takaful (Islamic Insurance): Consept, Challenges and Opportunities,* Milliman Reseach Report. h. 13.

Syed Umar Farooq et. al., *An Analytical Study of the Potential of Takaful Companies*, dalam European Journal of Economics, Finance and Administrative Sciences, Issue 20 (2010).

*Takaful (Islamic Insurance)*: *Concept, Challenges and Opportunities,* Milliman Research Report, November 2010.


**Rujukan Tesis**


Aly Abdul Rahim Khorshid (2001), *Islamic Insurance A Modern Approach with Particular Reference to Western and Islamic Banking*, Tesis PhD Department of Arabic and Middle Eastern Studies The University of Leeds.

Asem Samih Ahmad (2006), *A Critical Study of Takaful (Islamic Insurance) and its Modern Implementation*. Tesis PhD Department of Theology School of Historical Studies The University of Birmingham.

Mohammad Deen Mohd Napiah (1995), *The Theory Of The Ejency (al-Wakālah) In Islamic Law*, Tesis PhD, Department of Law and Public Administration, Glasgow Caledonian University, Glasgow.

Ashraf Rismi Anis 'Umar (2012), *al-Wakālah al-tijāriah al-Hisriyyah fi al-Fiqh al-Islamī wa al-Qanūn*, Disertasi (M.A), Universiti al-Najāḥ al-Waṭāniah, Palestin.

Hairul Azlan Bin Annuar (2001), *Al-Wakālah: Impact on the Performance of Takaful Operators*, Tesis Sarjana Pengajian Pengurusan Perniagan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Mohd Ashrof Zaki (2008), *Hadith al-Ijārah dalam al-ṣaḥīḥayn: Prinsip dan aplikasi dalam Muamalah semasa,* Disertasi (M.A) Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohd Faiz Hakimi Mat Idris (2007), *Takhrij dan Analisis Hukum Hadith-hadith Muḍarabah dalam al-Sunan al-Sittah*, Disertasi (M.A) Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohd Murshidi bin Mohd Noor (2007), *Hadith al-Syarikah Dalam al-ṣaḥīḥayn*, Disertasi (M.A) Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohd Zakir Majid (2004), *Konsep "Wakālah" dalam akad nikah dan amalannya : satu kajian dalam masyarakat Islam di daerah Yan Kedah*, Disertasi (M.A) Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Noor Hasyimah Sulaiman (2006), *Aplikasi prinsip al-Wakālah dalam sistem pembrokeran saham Islam di Malaysia : kajian terhadap operasi BIMB Securities Sdn. Bhd. dan Amsecurities Sdn. Bhd*, Disertasi (M.A) Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Rizalman Muhammad (2007), *Hadith-hadith Wasiat dan Hibah di dalam al-Sunan al-Sittah*, Disertasi (M.A) Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Solahuddin bin Abdul Rahman (2009), *Prinsip Takaful dalam al-Kutub al-Sittah: Takhrij dan Analisis Hukum*, Disertasi (M.A) Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abdul Halim Faiz Jamek (1993), *al-Wakālah bil-khuṣūmah : satu kajian perbandingan di antara undang-undang Islam dan sivil di Malaysia*, Latihan Ilmiah Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya.

Faezatun Jam'ie Darus (2007), *Pelaksanaan al-Wakālah dalam Takaful Keluarga : kajian di Syarikat Takaful Ikhlas Sdn.Bhd* , Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Nik Nor Azli Nik Ali (2003), *Al-Wakālah sebagai metod pemasaran dalam industri Takaful : kajian perbandingan di Takaful Nasional dan Syarikat Takaful,* Latihan Ilmiah Jabatan Syariah dan Pengurusan, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Norziati Abdul Jalil (2002), *Prinsip Al-Wakālah dalam perbankan Islam : satu analisis tentang pelaksanaannya di Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB),* Latihan Ilmiah Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Nurasharqi Abdul Kadir @ Khalid (2001), *Pembiayaan perdagangan (al-Wakālah dan al-Murābahah): satu kajian perbandingan di antara RHB Bank Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad*, Latihan Ilmiah Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Zuliana Ismail (2001), *Pelaksanaan prinsip Al-Wakālah dalam pembiayaan perdagangan : satu kajian di Bank Islam Malaysia Berhad*, Latihan Ilmiah Jabatan Syariah dan Pengurusan, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

**Rujukan Laman Web**

www.bnm.gov.my/files/publication/.../04.chap1 capaian pada 1 Mac 2012.

http://ustazsaifudin.wakaf.org/v1/2010/05/06/kelebihan-model-wakalah-dalam-takaful/ capaian pada 12 Februari 2012. 12.51 a.m.

http://www.ibfim.com/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=2661%3Aakhlak-wakil-takaful&Itemid=179 capaian pada 30 Mac 2011.

http://www.mifc.com/index.php?ch=menu_know_ibt_tak&pg=menu_know_ibt_tak_over&ac=107&ms=2 capaian pada 30 Mac 2012.

http://www.Islamicfinanceinfo.com.my/discover-takaful/takaful-models-mudharabah-wakalah,

http://www.ibfim.com/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=2661%3Aakhlak-wakil-takaful&Itemid=179 capaian pada 30 Mac 2012.

www.bnm.gov.my/files/.../tkf/bm/.../booklet.bm. capaian pada 1 Mac 2012.

http://www.takaful-ikhlas.com.my/mediacenter/archivesDetail.asp?intID=46 capaian pada 1 Mac 2012.

http://abuumair1.wordpress.com/soal-jawab/pelbagai/16-007/ capaian pada 22 September 2011.

http://blogs.iium.edu.my/ka_mokhtar/2010/03/04/nikah-kahwin-dan-wali-ghafani-awang-teh-bhg-akhir/ capaian pada 10 Oktober 2011.

http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-wakalah-dan-beberapa-perkara-berbangkit-dalam-ibadat-korban capaian pada 10 Oktober 2011.

http://Islamweb.net/Hadith/dyntree1.php?type=3&sid=2069&bk_no=184&cid=11077 Capaian pada 10 Mac 2012.